



# PARLIMEN MALAYSIA

DEWAN RAKYAT

MESYUARAT PERTAMA, PENGGAL KEDUA  
PARLIMEN KETIGA BELAS  
2014

**Jawapan-Jawapan Pertanyaan Jawab  
Lisan Harian Yang Tidak Dapat Dijawab  
Dalam Dewan Rakyat Daripada  
Kementerian**

**HARI RABU : 26 MAC 2014**

## **KANDUNGAN**

**JAWAPAN-JAWAPAN BAGI PERTANYAAN-PERTANYAAN JAWAB**

**LISAN YANG TIDAK DIJAWAB DI DALAM DEWAN**

**(SOALAN NO. 8 HINGGA 76)**

**NOTA: JAWAPAN-JAWAPAN BAGI SOALAN NO. 1 HINGGA 7**

**[RUJUK PENYATA RASMI HARIAN (HANSARD)]**

DEWAN RAKYAT MALAYSIA  
SOALAN LISAN

PERTANYAAN : LISAN  
DARIPADA : TUAN JEFF OOI CHUAN AUN  
[ JELUTONG ]  
TARIKH : 26 MAC 2014  
SOALAN :

Tuan Jeff Ooi Chuan Aun [ Jelutong ] minta **MENTERI SUMBER ASLI DAN ALAM SEKITAR** menyatakan apakah tindakan dan penalti yang dikenakan ke atas IWK kerana menyebabkan pencemaran teruk di sisir pantai Batu Ferringhi serta kawasan Masjid Terapung Tanjung Bungah dan Loji IWK di Jelutong, Pulau Pinang baru-baru ini.

**JAWAPAN:**

Tuan Yang Dipertua,

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, bagi kes pencemaran air di Batu Feringghi, Kementerian ini melalui Jabatan Alam Sekitar (JAS) telah memuktamadkan siasatan ke atas punca-punca pencemaran yang berpotensi mencemarkan Sungai Batu Feringghi dan pantai Batu Feringghi. Kertas siasatan telah pun dikemukakan kepada Jabatan Peguam Negara untuk tindakan perundangan yang seterusnya. Sehubungan dengan itu, Kementerian tidak dapat memberikan maklumat lanjut mengenainya kerana kes tersebut berada dalam fasa tindakan perundangan.

Sekian, terima kasih.

**PARLIMEN MALAYSIA**  
**PEMBERITAHU PERTANYAAN DEWAN RAKYAT**

- PERTANYAAN** : LISAN  
**DARIPADA** : YB IR. SHAHARUDDIN BIN ISMAIL [KANGAR]  
**TARIKH** : 26 MAC 2014 (RABU)  
**SOALAN** : YB Ir. Shaharuddin bin Ismail [Kangar] minta **MENTERI PERTANIAN DAN INDUSTRI ASAS TANI** menyatakan adakah Kementerian bercadang untuk mengkomersialkan ladang anggur yang terdapat di Pusat Pertanian Bukit Bintang II, Perlis sebagai salah satu tarikan pelancongan yang utama di negeri ini dan sekali gus menyenaraikan ladang anggur terbabit sebagai salah satu tempat yang perlu dilawati sempena Tahun Melawat Malaysia 2014.
- JAWAPAN OLEH** : YB. **MENTERI PERTANIAN DAN INDUSTRI ASAS TANI**

**Tuan Yang Dipertua,**

Jabatan Pertanian Negeri Perlis telah merangka *Master Plan* untuk Taman Anggur di Pusat Pertanian Bukit Bintang II sehingga tahun 2015 yang merangkumi pembangunan Taman Anggur, aktiviti jualan buah dan sukan air serta aktiviti keluarga. Pusat Pertanian Bukit Bintang II akan dijadikan tempat pelancongan dan dijangka akan menarik seramai 1 juta orang pelancong untuk melawat taman tersebut pada tahun 2015.

Pada tahun 2014, kerjasama dengan Tourism Malaysia diadakan bagi menarik pelancong ke Pusat Pertanian Bukit Bintang II sebagai salah satu destinasi pelancongan yang mesti dilawati di Perlis sempena Tahun Melawat Malaysia 2014 dan SUKMA Ke-17 yang akan berlangsung mulai 24 Mei 2014.

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT**

PERTANYAAN: LISAN

DARIPADA: Y.B. CHUA TIAN CHANG @ TIAN CHUA

TARIKH: 26 MAC 2014

SOALAN:

**Tuan Chua Tian Chang @ Tian Chua [ Batu ]** minta **MENTERI SUMBER MANUSIA** menyatakan adakah dasar gaji minima telah dilaksanakan sepenuhnya di seluruh negara. Adakah terdapat mana-mana syarikat yang diberikan pengecualian terhadap program ini. Adakah terdapat mana-mana syarikat yang diberikan pengecualian terhadap program ini. Adakah pihak Kementerian siasat dan ambil tindakan terhadap setengah-tengah syarikat menjumlahkan nilai elaun untuk mencapai nilai gaji minima, adakah ini dibenarkan.

PR-1321-L60792

JAWAPAN:

Tuan Yang di-Pertua,

1. Untuk makluman Dewan yang mulia ini, Perintah Gaji Minimum 2012 telah berkuatkuasa pada 1 Januari 2013 bagi majikan yang menggajikan 6 orang pekerja atau lebih; dan 1 Julai 2013 bagi majikan yang menggajikan 5 orang pekerja atau kurang.

Tuan Yang di-Pertua,

2. Berkenaan status semasa pelaksanaan gaji minimum, 1044 majikan telah mendapat penundaan pelaksanaan gaji minimum dan Kerajaan menetapkan tiada lagi penundaan diberikan kepada majikan selepas 31 Disember 2013. Penundaan ini adalah berbentuk interim sahaja bagi memberi ruang kepada beberapa majikan individu dan PKS terutama yang berintensifkan buruh (*labour intensive*) untuk meneliti semula model perniagaan dan struktur upah di syarikat masing-masing. Oleh itu, Kerajaan telah menetapkan mulai 1 Januari 2014 penguatkuasaan gaji minimum akan dijalankan sepenuhnya terhadap semua majikan. Keputusan ini dibuat setelah mengambilkira kelonggaran yang telah diberikan oleh Kerajaan terhadap majikan bagi tujuan menstruktur operasi mereka supaya dapat melaksanakan gaji minimum. Oleh yang demikian diharap melalui pendekatan yang telah diambil oleh Kerajaan, majikan seharusnya telah mampu melaksanakan gaji minimum pada tahun 2014.

Tuan Yang di-Pertua,

3. Sekiranya majikan menyerap apa-apa bayaran yang tidak termasuk dalam tafsiran "gaji", mereka boleh diambil tindakan seperti mana yang diperuntukkan oleh Akta Majlis Perundingan Gaji Negara 2011 (Akta 732):

- (i) Penalti bagi kesalahan pertama: denda tidak melebihi RM10,000 bagi setiap pekerja;
- (ii) Penalti Am: denda tidak lebih RM10,000 bagi setiap kesalahan di mana penalti khusus tidak dinyatakan;
- (iii) Penalti bagi kesalahan berterusan: denda RM1,000 bagi setiap hari kesalahan itu berterusan selepas sabitan; dan
- (iv) Penalti bagi kesalahan berulang: denda RM20,000 atau penjara tidak melebihi 5 tahun.

4. Walau bagaimanapun, tindakan pendakwaan hanya akan diambil terhadap para majikan yang gagal melaksanakan gaji minimum setelah langkah-langkah lain seperti amaran tidak diendahkan oleh majikan-majikan.

Tuan Yang di-Pertua,

5. Untuk makluman Dewan Yang Mulia ini, Perintah Gaji Minimum 2012 membenarkan majikan sebelum tarikh mula kuatkuasa Perintah, berunding (*negotiate*) bagi menstruktur semula gaji di syarikat masing-masing, tertakluk kepada beberapa syarat yang telah ditetapkan dalam Perintah tersebut. Walau bagaimanapun, penstrukturan cuma boleh dibuat sekiranya kedua-dua pihak mencapai persetujuan untuk menyerap beberapa jenis elaun untuk menjadi sebahagian daripada gaji minimum.

Tuan Yang di-Pertua,

6. Berkenaan dengan isu elaun-elaun yang boleh diserap sebagai gaji minimum, tafsiran 'gaji minimum' di bawah Perintah Gaji Minimum 2012 adalah gaji pokok tanpa mengambil kira apa-apa elaun yang dibayar kepada pekerja seperti mana yang ditetapkan di bawah seksyen 2, Akta Majlis Perundingan Gaji Negara 2011 (Akta 732).

Tuan Yang Di Pertua,

7. Kementerian melalui Jabatan Tenaga Kerja sedang meneliti tindakan pendakwaan terhadap 622 majikan yang gagal mematuhi penetapan gaji minimum pada tahun 2013. Majikan-majikan ini adalah majikan tidak mendapat kelonggaran menangguh pelaksanaan gaji minimum.

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN**

**DEWAN RAKYAT, MALAYSIA**

**DARIPADA : Y.B. DATO' IR. HAJI NAWAWI BIN AHMAD  
(LANGKAWI)**

**PERTANYAAN : LISAN**

**TARIKH : 26.03.2014**

**Y.B. DATO' IR. HAJI NAWAWI BIN AHMAD [ LANGKAWI ]** minta **MENTERI KEWANGAN** menyatakan adakah Kerajaan bercadang supaya barang-barang bercukai yang dibawa masuk ke Langkawi dari Tanah Semenanjung untuk kegunaan penduduk Langkawi yang telah dibayar cukai diberi rebat cukai yang telah dibayar.

**JAWAPAN**

Tuan Yang Di-Pertua,

Untuk makluman Yang Berhormat, Pulau Langkawi adalah sebuah Pulau yang telah diwartakan di bawah Seksyen 163A Akta Kastam 1967

sebagai Pulau Bebas Cukai. Semua barangan yang dibawa masuk ke Langkawi untuk digunakan di Langkawi adalah tidak tertakluk kepada duti import, duti eksais, cukai perkhidmatan dan cukai jualan. Dengan yang demikian, tiada isu Kerajaan membayar balik cukai seperti yang dinyatakan.

PERTANYAAN DEWAN RAKYAT

PERTANYAAN : LISAN  
DARIPADA : YB. TUAN GOOI HSIAO-LEUNG  
KAWASAN : ALOR SETAR  
TARIKH : 26 MAC 2014, RABU

SOALAN:

YB. TUAN GOOI HSIAO-LEUNG (ALOR SETAR) minta **MENTERI KERJA RAYA** menyatakan sama ada Kerajaan mempunyai dasar kuota untuk menentukan jumlah projek-projek perolehan Kerajaan untuk kerja-kerja yang ditawarkan kepada kontraktor-kontraktor Bumiputera dan kontraktor-kontraktor bukan Bumiputera yang berdaftar dengan *Construction Industry Development Board of Malaysia* (CIDB).

## **JAWAPAN:**

*Tuan Yang Di-Pertua;*

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, dasar dan keutamaan kepada syarikat Bumiputera dalam perolehan Kerajaan telah ditetapkan menerusi Surat Pekeliling Perbendaharaan Bil.4 Tahun 1995 (SPP 4/95).

SPP 4/95 antara lain telah menetapkan perolehan (bekalan dan perkhidmatan) Kerajaan yang melebihi RM50,000 hingga RM100,000 hendaklah diperolehi dari kalangan syarikat Bumiputera yang berdaftar sahaja. Manakala perolehan untuk bekalan/perkhidmatan dan bidang kerja yang melebihi RM100,000 dan ke atas, Jabatan atau Agensi Kerajaan dikehendaki memberi keutamaan harga kepada syarikat Bumiputera mengikut nilai peratusan yang ditetapkan dalam SPP 4/95. Pemberian taraf Bumiputera dan pengeluaran sijil Bumiputera kepada syarikat bekalan dan perkhidmatan yang layak dikeluarkan oleh pihak Kementerian Kewangan manakala untuk bidang kerja pula dikeluarkan oleh Pusat Khidmat Kontraktor (PKK), Kementerian Kerja Raya.

Dasar ini bertujuan untuk mengekalkan daya saing di kalangan pembekal dan kontraktor Bumiputera dengan pembekal dan kontraktor bukan Bumiputera.

Sekian. Terima kasih.

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT**

**PERTANYAAN : LISAN**

**DARIPADA : DATO' SRI DR. MUHAMMAD LEO MICHAEL  
TOYAD ABDULLAH [ MUKAH ]**

**TARIKH : 26 MAC 2014 (RABU)**

**SOALAN**

**DATO' SRI DR. MUHAMMAD LEO MICHAEL TOYAD ABDULLAH [MUKAH]** minta **PERDANA MENTERI** menyatakan apakah rancangan untuk pengangkutan awam di kawasan luar bandar dan di mana syarikat swasta anggapkan tidak cukup untung untuk diusahakan.

**JAWAPAN: YB PUAN HAJAH NANCY SHUKRI**  
**MENTERI DI JABATAN PERDANA MENTERI**

Tuan Yang di-Pertua,

1. Sukacita dimaklumkan bahawa Suruhanjaya Pengangkutan Awam Darat (S.P.A.D) telah membentangkan pelan jangka masa panjang sistem bas henti-henti ("*Stage Bus Service Transformation*") di Majlis Ekonomi pada 16 Disember 2013. Konsep bagi pelan tersebut telah diluluskan.
2. Pelan jangka masa panjang ini adalah satu model perniagaan baru bagi sistem bas henti-henti di Malaysia dimana S.P.A.D. akan menetapkan laluan dan jadual perkhidmatan bas henti-henti yang merangkumi kawasan bandar dan luar bandar. Pelan ini menganggarkan 80% penduduk akan mendapat akses kepada perkhidmatan tersebut. Rancangan ini dijangka akan dilaksanakan secara berperingkat pada tahun 2015.
3. Untuk makluman, sebuah Jawatankuasa Penyelarasan Teknikal Pengangkutan Awam Darat telah ditubuhkan di setiap negeri di Semenanjung Malaysia serta Sarawak. Jawatankuasa ini dipengerusikan oleh Unit Perancang Ekonomi Negeri dengan diurusetikan oleh S.P.A.D. Jawatankuasa ini akan bertindak sebagai platform dimana semua agensi yang berkenaan, termasuk pihak berkuasa tempatan dapat memberikan input serta perancangan yang bersepadu di setiap negeri.

4. S.P.A.D. sedang mengadakan beberapa siri perbincangan dengan Kerajaan Negeri Sabah untuk menubuhkan Jawatankuasa di negeri tersebut.

Sekian, terima kasih.

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN BAGI JAWAB LISAN  
DEWAN RAKYAT**

**PERTANYAAN : LISAN**

**DARIPADA : DATO' JOHARI BIN ABDUL  
[ SUNGAI PETANI ]**

**TARIKH : 26 MAC 2014**

**RUJUKAN : 6561**

**SOALAN:**

**Dato' Johari bin Abdul [ Sungai Petani ] minta MENTERI DALAM NEGERI menyatakan:-**

- (a) media melaporkan Kerajaan membelanjakan purata RM75 sehari atau RM2,250 sebulan untuk seorang PATI, jika benar berikan pecahan kepada perbelanjaan tersebut; dan
- (b) berapakah jumlah PATI yang terperangkap kini dan apakah usaha yang sedang dan akan dilaksanakan bagi menyelesaikan masalah ini.

## **JAWAPAN:**

**Tuan Yang di-Pertua,**

**Laporan media yang menyatakan jumlah keseluruhan perbelanjaan PATI sebanyak RM75.00 sehari adalah secara purata sehari bagi seorang tahanan warga asing di semua depot tahanan di seluruh negara. Anggaran tersebut berdasarkan kos langsung dan tidak langsung termasuk kos makanan, kemudahan utiliti, kos penjagaan kesihatan dan kawalan keselamatan yang ditanggung oleh Kerajaan berjumlah RM500,000.00 ke atas 6,500 orang PATI yang ditahan di 13 depot tahanan Imigresen di seluruh negara.**

**Jumlah PATI yang kini ditahan di semua depot dan lokap sehingga 18 Mac 2014 adalah seramai 15,287. Kerajaan sedang mengambil segala usaha untuk mengusir tahanan tersebut ke negara asal masing-masing dalam kadar segera antara lain termasuk mengadakan kerjasama dengan pihak kedutaan dan perwakilan bagi mempercepatkan pengeluaran dokumen perjalanan PATI tersebut.**

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN BAGI JAWAB LISAN  
DEWAN RAKYAT**

**PERTANYAAN : LISAN**

**DARIPADA : DATO' SHAMSUL ANUAR BIN HAJI NASARAH  
[ LENGGONG ]**

**TARIKH : 26 MAC 2014**

**RUJUKAN : 6560**

**SOALAN:**

**Dato' Shamsul Anuar bin Haji Nasarah [ Lenggong ] minta MENTERI  
DALAM NEGERI menyatakan:-**

- (a) tahap keselamatan negara ekoran beberapa kes jenayah terkini; dan
- (b) kesan Operasi Cantas. Apakah ianya masih diteruskan dan kedudukan terkini Operasi PATI yang sedang dilakukan sekarang.

## **JAWAPAN:**

**Tuan Yang di-Pertua,**

**Sejak pihak polis melancarkan Ops Cantas Khas bermula pada 17 Ogos 2013 bagi menggempur kumpulan-kumpulan yang terlibat dalam aktiviti kongsi gelap dan gangsterisme di seluruh negara sehingga ke hari ini, ianya telah menunjukkan hasil yang positif di mana aktiviti kongsi gelap dan kegiatan gangsterisme telah dapat dibendung dan dikawal penglibatan kumpulan-kumpulan ini dalam aktiviti jenayah di seluruh negara. Kejayaan yang paling ketara dalam tempoh operasi adalah penurunan jenayah indeks terutama kes yang melibatkan jenayah kekerasan seperti bunuh yang menurun hampir 17.5 % daripada 370 kes kepada 305 kes dalam tempoh 201 hari operasi ini dilaksanakan sehingga 4 Mac 2014 yang lalu.**

**Secara keseluruhannya sepanjang Op Cantas dilaksanakan, seramai 2,161,219 orang telah dibuat pemeriksaan dan dari jumlah itu seramai 59,004 orang telah ditangkap. Daripada jumlah yang ditangkap terdiri daripada 25,585 berbangsa Melayu (24,333 (L) 1,252 (P)), berbangsa India 12,245 (11,964 (L) 221 (P)), 7,458 berbangsa Cina (6,997 (L) 461 (P)) dan 13,716 terdiri daripada lain-lain bangsa (11,473(L) 2,243 (P)).**

Selain itu kejayaan lain yang diperolehi oleh pihak polis adalah berjaya membuat rampasan sejumlah 1,981 pelbagai jenis senjata api dan senjata berjadual. Pihak polis mempercayai senjata api dan senjata berjadual yang dirampas itu digunakan oleh kumpulan berkenaan untuk melakukan jenayah. Pihak polis juga telah merampas sejumlah 1,386 jenis kenderaan yang digunakan untuk melakukan jenayah atau yang diperolehi melalui aktiviti jenayah mereka atau kenderaan yang dicuri.

Dalam tempoh yang sama juga, sebanyak 30,438 kertas siasatan telah dibuka atas pelbagai kesalahan sepanjang operasi ini dijalankan, daripada jumlah tersebut sebanyak 6,669 kes telah dituduh di mahkamah, 22,471 kes masih lagi dalam siasatan dan 1,928 kes tiada tindakan diambil.

Pihak Polis akan meneruskan ops cantas secara berterusan sehingga perasaan *fear of crime* di kalangan masyarakat dapat di kurangkan.

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN**

**DEWAN RAKYAT, MALAYSIA**

**DARIPADA : Y.B. DATO' KAMARUDIN BIN JAFFAR  
(TUMPAT)**

**PERTANYAAN : LISAN**

**TARIKH : 26.03.2014**

**Y.B. DATO' KAMARUDIN BIN JAFFAR [ TUMPAT ]** minta **MENTERI**

**KEWANGAN** menyatakan apakah beliau sedar bahawa pemberian tunai seperti BR1M boleh membankrapkan Malaysia, seperti rungutan bekas Perdana Menteri Tun Dr. Mahathir Mohamad, dan apakah kesan yang diperoleh dengan membelanjakan sejumlah RM4.6 bilion diperuntukkan kepada 7.9 juta rakyat penerima BR1M sejak tiga tahun lalu.

**JAWAPAN**

Tuan Yang di-Pertua,

Kerajaan telah meneruskan Program Bantuan Rakyat 1Malaysia (BR1M 2014) pada tahun 2014 sebagai usaha untuk membantu meringankan

beban rakyat Malaysia terutama keluarga yang berpendapatan rendah serta selaras dengan pelaksanaan subsidi bersasar.

Untuk makluman, hasil daripada pengurangan subsidi bahan api sebanyak RM0.20 pada bulan Sept 2013 dan pengurangan subsidi gula sebanyak RM0.34 pada bulan Oktober 2013, Kerajaan dapat penjimatan sebanyak RM4.9 bilion pada tahun 2014. Oleh itu, Kerajaan berupaya menyalurkan bantuan tunai BR1M 2014 hasil daripada pengurusan kewangan yang baik dan dapat memastikan defisit fiskal terus berkurang.

Tuan Yang di-Pertua,

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat juga, pemberian BR1M adalah bermatlamat untuk membantu meringankan beban hidup rakyat berpendapatan rendah dan mengimbangi kenaikan harga barangan. Bantuan ini telah dapat membantu meringankan beban rakyat dalam membeli barangan keperluan harian seperti beras, ikan, daging, sayur-sayuran dan lain-lain. Disamping itu, terdapat penerima yang menggunakan bantuan tersebut sebagai modal bagi menjalankan

perniagaan kecil-kecilan bagi pembelian perkakasan seperti peralatan memasak, membuat kuih dan pertukangan yang secara tidak langsung dapat meningkatkan pendapatan mereka.

Tuan Yang Dipertua,

Bantuan BR1M yang diberikan adalah secara menyeluruh kepada semua yang layak, tanpa mengira kaum, agama mahupun latar belakang politik. Kejayaan program BR1M adalah hasil kekukuhan ekonomi negara dan kemampuan mengurus kewangan negara dengan baik dan cekap. Kerajaan sentiasa memastikan penggunaan hasil dan perbelanjaan adalah secara berhemah serta dapat memberi manfaat dan pulangan kepada rakyat.

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT**

**PERTANYAAN : LISAN**

**DARIPADA : YB. DATO' AR WAN MOHAMMAD  
KHAIRIL ANUAR BIN WAN AHMAD  
[ KUALA KANGSAR ]**

**TARIKH : 26 MAC 2014**

**SOALAN :**

**YB. Dato' Ar Wan Mohammad Khairil Anuar bin Wan Ahmad [ KUALA KANGSAR ]** minta **MENTERI PELANCONGAN DAN KEBUDAYAAN** menyatakan adakah pihak Kementerian telah menetap dan menganjurkan pakej-pakej wajib Tourism Trail seperti yang dilakukan di Negara China contohnya. Dan apakah pakej-pakej pelancongan yang menarik yang telah dilaksanakan bagi melibatkan pengusaha-pengusaha tempatan bagi memastikan ianya berjaya.

**JAWAPAN :**      **YB.DATO SERI MOHAMED NAZRI ABDUL AZIZ**  
**MENTERI PELANCONGAN DAN KEBUDAYAAN**

Tuan Yang di-Pertua,

Dalam hal berkaitan pembangunan pakej percutian ke Malaysia, pihak Kementerian tidak mengenakan sebarang syarat bagi para pengusaha pelancongan untuk menganjurkan pakej-pakej yang wajib dibangunkan tetapi memberikan sokongan, dorongan serta maklumat yang diperlukan bagi mereka ini untuk senantiasanya membangunkan pakej-pakej yang menarik dan sesuai bagi memenuhi kehendak dan permintaan para pelancong di pasaran-pasaran luar negara berkenaan.

Tuan Yang di-Pertua,

Kementerian Pelancongan dan Kebudayaan dengan kerjasama para pengusaha pelancongan tempatan juga telah membangunkan pakej-pakej domestik menarik. Antara pakej tersebut adalah seperti "*Cuti-cuti 1Malaysia Bike Ride*", "*Penang Spice Trail & Cooking Tour*", "*Nenggiri Rafting Adventure*" dan lain-lain lagi. Bagi memeriahkan lagi kempen Tahun Melawat Malaysia 2014, Kementerian dan pengusaha pelancongan tempatan telah bekerjasama untuk membangunkan lebih dari 1,000 jenis pakej domestik dan mempromosikannya melalui penerbitan katalog pakej pelancongan bertajuk "*Cuti-Cuti 1Malaysia - 1,001 packages*".

Sekian, terima kasih.

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN LISAN**

**MESYUARAT PERTAMA, PENGGAL KEDUA, PARLIMEN YANG KE-13**

**DEWAN RAKYAT**

**PERTANYAAN : LISAN**

**DARIPADA : DR. HAJAH SITI MARIAH BINTI MAHMUD  
[ KOTA RAJA ]**

**TARIKH : 26 MAC 2014 (RABU)**

**NO. SOALAN : 18**

Minta **PERDANA MENTERI** menyatakan konsep Konsensus Nasional yang dikehendaki Kerajaan dan status pelaksanaannya.

**JAWAPAN:**

**Tan Sri Yang Dipertua,**

1. Selama 56 tahun kita memerintah sehingga sekarang, Malaysia telah membangun begitu pesat, hinggakan rakyatnya dapat hidup aman dan harmoni mengecapi nikmat kemakmuran negara.
2. Namun sejak kebelakangan ini, setelah berlalunya Pilihanraya Umum Ke-13, akibat politik adu domba dan persepsi negatif yang disebarkan oleh pihak-pihak tertentu, hubungan muhibbah yang disemai oleh Kerajaan selama ini mulai longgar.
3. Kenyataan yang menyentuh sensitiviti antara agama dan masyarakat berbilang bangsa, telah menyebabkan polarisasi kaum menjadi renggang dan kian membesar. Keadaan ini, boleh merosakkan kerukunan dan keharmonian di kalangan masyarakat berbilang kaum di negara ini.

**Tan Sri Yang Dipertua,**

4. Oleh kerana itu, kita perlukan Penyatuan Nasional atau *national reconciliation*. Penyatuan Nasional ini adalah ilham dan inisiatif Kerajaan untuk menambah baik hubungan kaum. **la bukan sekadar appeasement.**
5. Konsep Penyatuan Nasional ini, selari dengan Gagasan 1Malaysia, yang bertujuan memupuk semangat kebersamaan di kalangan rakyat, untuk turut sama-sama berperanan membina negara Malaysia yang bersatu padu, dalam mendepani cabaran masa depan.
6. Pelanpenyatuan nasional ini, berteraskan kepada empat tunggak utama iaitu **sosial, politik, kerajaan dan hubungan antarabangsa.** Pelan ini lebih

kepada melibatkan kolaborasi, pendirian bersama dan membina persefahaman demi kebaikan agama serta masyarakat.

7. **Semestinya, bingkai kerangka penyatuan nasional ini berpaksi kepada Perlembagaan, Rukun Negara dan Wawasan 2020. Manakala, pegangan *wassatiyah* atau kesederhanaan menjadi kunci dalam mendekati rakyat dan memulihkan kerukunan hubungan antara kaum.**

**Tan Sri Yang Dipertua,**

8. Penyatuan Nasional ini terbahagi kepada dua;
  - a. Pertama, di peringkat dasar, melalui penubuhan Majlis Kosultasi Perpaduan Negara atau MKPN.
    - i. Ia menumpukan kepada beberapa bidang seperti perundangan dan dasar-dasar mempromosikan keharmonian negara, membina bangsa dan persefahaman silang budaya, pembangunan inklusif, belia dan perpaduan serta integrasi nasional.
    - ii. Komposisi MKPN juga ada melibatkan mereka yang tidak bersama Kerajaan atau mempunyai pendirian politik yang berbeza.
    - iii. Di samping itu, MKPN boleh dijadikan landasan untuk membincangkan isu-isu sukar dalam kalangan masyarakat Malaysia, bagi merintis jalan ke arah mencari penyelesaian, mengatasi polarisasi kaum dan pemupukan keharmonian antara agama serta pembentukan dasar sosial yang inklusif dalam menentukan kesejahteraan rakyat.

**Tan Sri Yang Dipertua,**

9. Sesungguhnya, Kerajaan telah berusaha sedaya mungkin dalam membina hubungan baik dengan semua pihak dan golongan, termasuklah negeri-negeri yang dikuasai oleh parti pembangkang.
10. Sebagai contoh, Kerajaan Pusat telah mengadakan pertemuan dengan Menteri Besar dan pimpinan Kerajaan negeri Kelantan, bagi merintis jalinan kerjasama dalam usaha membangun dan memajukan negeri tersebut.
11. Terkini, kita telah menyaksikan Memorandum Persefahaman atau MoU untuk penstrukturan semula industri air, yang ditandatangani oleh Kerajaan Persekutuan dan kerajaan negeri Selangor dalam menyelesaikan isu air yang telah berlanjutan sejak 2008 lagi, demi kepentingan rakyat dan kemajuan bersama.
12. Malah baru-baru ini, Kerajaan telah merasmikan projek jambatan kedua Pulau Pinang, yang kemudiannya diumumkan sebagai Jambatan Sultan Abdul Halim Mu'adzam Shah. Inisiatif ini yang dimulakan oleh Kerajaan Persekutuan, walaupun negeri Pulau Pinang ditadbir oleh pembangkang.

13. Di peringkat kedua pula **social grassroot movement**. Antara programnya ialah seperti pelancaran **Skuad Uniti**, yang telah dilancarkan pada 9 Mac 2014.

14. Skuad ini melibatkan penggembelengan **Rukun Tetangga (KRT)**, **Skim Rondaan Sukarela (SRS)** dan **Mediator Komuniti** di bawah **Jabatan Perpaduan Negara dan Integrasi Nasional (JPNIN)**.

- a. Ia akan melebarluaskan program tradisi seperti kawalan keselamatan kepada program-program kesukarelawanan seperti gotong-royong, bantuan bencana dan bantuan-bantuan kepada yang kurang upaya serta memerlukan.

15. Pelaksanaan program penyatuannasional 2014 lebih memfokuskan kepada tonggak hubungan sosial di kalangan setiap lapisan masyarakat dan pamengirakaum, agama, budayadan latarbelakang.

16. Kekuatan **SKUAD UNITI** dapat dilihat melalui 5 cabang modus operasinya yang mencakupi segenap aspek kehidupan masyarakat seperti :

- meningkatkan semangat kejiiran dan semangat muhibbah di kalangan penduduk pelbagai kaum terutama di kawasan rukun tetangga,
- menjalankan program khidmat komuniti melalui pendampingan sosial bagi membantu penduduk yang kurang bernasib baik serta memerlukan bantuan,
- meningkatkan tahap keselamatan komuniti dengan menjalankan skim rondaan sukarela (srs) bagi membantu teras jenayah dan gejala sosial oleh penduduk sendiri sebagai usaha membantu pihak berkuasa menjaga keselamatan komuniti set empat,
- menyediakan perkhidmatan bantuan bencana alam kepada komuniti, dan
- menyediakan khidmat media komuniti dari kalangan penduduk sendiri untuk menyelesaikan konflik dalam kejiiran.

17. **SKUAD UNITI** ini juga sebagai entiti untuk meningkatkan kerjasama, menyemarakkan semangat patriotisme dan menyemaisikap hormat-menghormati di kalangan penduduk pelbagai kaum.

18. Dengan kewujudan **SKUAD UNITI** ini, ia secara langsung dan tidak langsung dapat mendidik masyarakat supaya mempunyai rasa tanggungjawab yang tinggi untuk menjadikan Malaysia sebagai sebuah negara makmur dan maju.

19. Berkait itu juga, Kerajaan sentiasa komited dan bersifat terbuka, mengadakan dialog, melakukan sesi *engagement* dan perbincangan, dengan melibatkan pelbagai kelompok, komuniti dan pertubuhan, bagi memupuk semangat muhibbah, hubungan erat sesama rakyat, toleransi, patriotisme kepada negara.

**Tan Sri Yang Dipertua,**

20. Jelasnya, kita adalah Kerajaan yang *walk the talk* dan berjiwa besar. *We must rise above party politics*, mengenepikan perbezaan ideologi, melakukan apa yang terbaik untuk rakyat dengan meletakkan usaha pembangunan dan pembinaan negara (*nation-building*) sebagai agenda teras utama. Ikhtiar dan inisiatif sebegini akan diteruskan demi mewajah masa depan negara Malaysia yang lebih aman, makmur dan sentosa.

Sekian, terima kasih.

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN**

**DEWAN RAKYAT, MALAYSIA**

**DARIPADA : Y.B. DATO' WIRA MOHD JOHARI BIN BAHAROM  
(KUBANG PASU)**

**PERTANYAAN : LISAN**

**TARIKH : 26.03.2014**

**Y.B. DATO' WIRA MOHD JOHARI BIN BAHAROM [ KUBANG PASU ]**

minta **MENTERI KEWANGAN** menyatakan kedudukan tahap inflasi negara kita sejak tahun 2011 sehingga sekarang. Sekiranya semakin menaik, apakah usaha yang diambil Kerajaan untuk membendung inflasi dan bila dan apakah petunjuk bahawa inflasi di negara ini akan menurun.

**JAWAPAN**

Tuan Yang Di-Pertua,

Kerajaan sentiasa menitik berat kesejahteraan rakyat dengan memantau

rapi perkembangan luaran dan domestik bagi menilai kesannya kepada pertumbuhan ekonomi dan inflasi negara.

2. Jika dilihat pada tren kadar inflasi, pada tahun 2011 kadar inflasi didapati meningkat kepada 3.2% disebabkan fenomena global akibat kenaikan harga minyak mentah dan komoditi makanan yang ketara di pasaran dunia sejak pertengahan tahun 2010. Namun begitu, kadar inflasi didapati menyederhana kepada 1.6% pada tahun 2012 dan kekal rendah kepada 2.1% pada tahun 2013. Bagi dua tahun yang akan datang, inflasi dijangka berpurata lebih tinggi sedikit daripada kadar purata 3% yang pernah dicatatkan (historical average of 3%). Pada tahun 2014, inflasi dijangka berpurata antara 3.0 - 4.0%, sebahagiannya disebabkan oleh pelarasan harga bahan api dan tarif elektrik, serta gangguan bekalan makanan berikutan keadaan cuaca yang buruk kebelakangan ini.

3. Walau bagaimanapun, kenaikan kadar inflasi ini dijangka akan dibendung oleh keadaan permintaan dalam negeri yang sederhana dan tekanan harga luar yang lemah. Inflasi dijangka akan menurun apabila kesan pelarasan harga dan Cukai Barang dan Perkhidmatan (GST) luput

pada tahun 2016.

4. Dalam usaha menangani masalah berkaitan kenaikan inflasi Kerajaan telah melaksanakan beberapa langkah untuk mengawal inflasi dan mengurangkan kesannya ke atas golongan rakyat. Ini termasuk:

- i. Menambahbaik program Bantuan Rakyat 1Malaysia (BR1M) untuk mengurangkan bebanan hidup golongan berpendapatan rendah. Dalam Bajet 2014, penerima BR1M akan menerima kadar yang lebih tinggi berbanding sebelumnya dan kategori penerima juga telah diperluas kepada mereka yang berpendapatan antara RM3,000 hingga RM4,000.
- ii. Terus menambah pengeluaran makanan tempatan serta menambah baik kecekapan pengedaran, seperti aktiviti jualan secara langsung produk pertanian kepada pengguna melalui pasar tani dan agrobazaar oleh pihak FAMA, untuk memastikan harga barangan dan perkhidmatan yang kompetitif.
- iii. Terus memberi alternatif barangan keperluan yang lebih murah melalui Kedai Rakyat 1Malaysia (KR1M) dan Menu Rakyat 1Malaysia.
- iv. Menkuatkuasakan perlaksanaan Akta Kawalan Harga dan Anti-Pencatutan (2011) dan Akta Persaingan (2010), untuk meminimalkan kemungkinan peniaga mengambil keuntungan yang berlebihan dan menggalakan

persaingan perniagaan yang sihat.

- v. Meningkatkan kesedaran pengguna melalui penyenaian harga makanan utama melalui portal 1Malaysia Pengguna Bijak untuk membolehkan pengguna membuat perbandingan harga dan pilihan tepat sebelum membuat pembelian.

5. Sehingga kini, Kerajaan telah berjaya memastikan tekanan inflasi terus berada di paras yang terkawal. Pada masa yang sama, Kerajaan akan terus memantau agar kesan kenaikan inflasi tidak akan membebankan rakyat khususnya golongan yang mudah terjejas dan yang berpendapatan rendah.

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT  
JAWAPAN OLEH YB DATUK SERI DR. S. SUBRAMANIAM  
MENTERI KESIHATAN MALAYSIA**

**PERTANYAAN : LISAN**  
**DARIPADA : YB TUAN LIM LIP ENG [ SEGAMBUT ]**  
**TARIKH : 26 MAC 2014**  
**SOALAN :**

**YB Tuan Lim Lip Eng [ Segambut ]** minta **MENTERI KESIHATAN** menyatakan statistik kes demam denggi dan kes kematian sejak tahun 2011 mengikut tahun dan negeri, status penyelidikan melepaskan nyamuk aedes kejuruteraan genetik atau nyamuk *toxorhynchites* bagi mengurangkan populasi nyamuk aedes.

**Tuan Yang Dipertua,**

Jumlah kes dan kematian denggi dari tahun 2011 hingga 2014 adalah seperti berikut:

<b>TAHUN</b>	<b>JUMLAH KES</b>	<b>JUMLAH KEMATIAN</b>
2011	<b>19,884 kes</b>	<b>36 kematian</b>
2012	<b>21,900 kes</b>	<b>35 kematian</b>
2013	<b>43,346 kes</b>	<b>92 kematian</b>
2014	<b>16,383 kes</b> (sehingga 23 Februari 2014)	<b>29 kematian</b> (sehingga 23 Februari 2014)

Pecahan kes dan kematian denggi mengikut negeri adalah seperti di **Lampiran 1.**

**Tuan Yang di-Pertua,**

Untuk makluman, Kementerian Kesihatan Malaysia (KKM) sangat prihatin dan mengambil berat mengenai isu-isu melindungi kesihatan dan kesejahteraan rakyat serta alam sekitar. Oleh itu, semua kaedah yang berpotensi untuk mengurangkan pembiakan *Aedes* hendaklah dikaji dengan lebih lanjut dengan cara berlandaskan rekabentuk penyelidikan yang saintifik, penyelidikan secara berperingkat dan terperinci.

Status terkini penyelidikan Nyamuk *Aedes* Kejuruteraan Genetik (GM) adalah masih dalam pertimbangan dan tidak ada rancangan untuk menjalankan pelepasan nyamuk ini bagi tujuan mengurangkan populasi nyamuk *Aedes*.

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, pelepasan nyamuk TOXO (*Toxorhyncites*) telah dijalankan bersama oleh Majlis Perbandaran Subang Jaya dan Universiti Sains Malaysia. Nyamuk TOXO (*Toxorhyncites*) adalah kumpulan nyamuk, di mana kedua-dua jantannya tidak menggigit haiwan dan manusia. Larva nyamuk TOXO bertindak sebagai pemangsa larva nyamuk spesis yang lain di mana sifat ini menjadikan nyamuk tersebut sebagai agen kawalan biologi yang berpotensi terutamanya terhadap nyamuk *Aedes* yang membiak dalam bekas.

Keputusan kajian-kajian penggunaan spesies *Toxorhynchites* untuk menangani pembiakan nyamuk *Aedes* adalah tidak seragam. Walaupun dalam kes-kes yang menunjukkan kejayaan, tetapi penggunaan nyamuk TOXO dalam pengurangan populasi *Ae. aegypti* adalah terhad disebabkan oleh fakta-fakta berikut:

- Nyamuk TOXO adalah nyamuk yang membiakan di pingiran bandar dan jarang membiak atau bertelur di dalam bekas-bekas di kawasan bandar;
- Sehingga kini, kajian menggunakan nyamuk TOXO di luar negara tidak menunjukkan sebarang bukti mengenai pengurangan transmisi denggi; dan
- Sebagai agen pemangsa, mereka tidak boleh mengurangkan populasi nyamuk di bawah paras rendah disebabkan oleh faktor mandiri (survivorship) “konsep pemangsa”, di mana pemangsa akan meninggalkan sebahagian daripada mangsa-mangsanya supaya ia menjadi bekalan makanan terhadap generasi pemangsa yang akan datang.

Jadual 1: Bilangan Kes Dan Kematian Denggi Mengikut Negeri Bagi Tahun 2008 -2014 (Sehingga 23 Februari)

TAHUN	2011		2012		2013		2014 Sehingga 23 Februari	
NEGERI	Kes	Mati	Kes	Mati	Kes	Mati	Kes	Mati
PERLIS	110	0	172	1	226	1	40	0
KEDAH	514	0	817	4	813	1	142	1
PULAU PINANG	1,579	3	791	1	1,053	7	376	3
PERAK	1,411	2	1,716	5	2,519	4	1,133	3
SELANGOR	7,758	14	9,113	12	23,852	24	8,936	11
WP KUALA LUMPUR & PUTRAJAYA	2,038	2	1,814	5	2,570	8	1,561	3
NEGERI SEMBILAN	737	3	552	2	1,198	1	1,066	1
MELAKA	450	0	449	0	1,505	9	592	1
JOHOR	1,583	7	1,650	1	4,828	24	1,064	5
PAHANG	894	1	641	1	725	2	201	0
TERENGGANU	675	1	739	0	600	0	180	0
KELANTAN	743	1	1,245	0	1,427	2	652	1
SARAWAK	974	0	1,519	1	1,292	4	201	0
SABAH	402	2	672	2	724	5	236	0
WP LABUAN	16	0	10	0	14	0	3	0
<b>MALAYSIA</b>	<b>19,884</b>	<b>36</b>	<b>21,900</b>	<b>35</b>	<b>43,346</b>	<b>92</b>	<b>16,383</b>	<b>29</b>

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT

PERTANYAAN : LISAN

DARIPADA : DATO' WIRA OTHMAN BIN ABDUL  
[PENDANG ]

TARIKH : 26.03.2014 (RABU)

SOALAN :

Dato' Wira Othman bin Abdul [ Pendang ] minta **PERDANA MENTERI** menyatakan apakah Kerajaan bercadang mengadakan undang-undang pencegahan rasuah yang lebih keras seperti melarang pembesar-pembesar negara dan pegawai-pegawai kanan kerajaan menghadiri *private lunch* atau *private dinner* dengan kontraktor, pembekal atau pelobi kontrak di tempat tertutup. Kalau tidak, mengapa.

**JAWAPAN: YB SENATOR DATUK PAUL LOW SENG KUAN**  
**MENTERI DI JABATAN PERDANA MENTERI**

Tuan Yang di-Pertua,

Pihak Kerajaan melalui Program Transformasi Kerajaan (GTP) telah meletakkan usaha Pembanteras Rasuah sebagai salah satu daripada Bidang Keberhasilan Utama Negara dan Kerajaan sangat komited dalam pelaksanaan NKRA memerangi rasuah ini yang telah diperkenalkan sejak tahun 2009.

NKRA Membanteras Rasuah di bawah GTP telah membawa banyak perubahan yang positif serta telah meningkatkan kepercayaan rakyat terhadap perkhidmatan sektor awam/kerajaan. Pihak kerajaan juga sentiasa proaktif dalam melaksanakan pelbagai dasar termasuk yang tidak tersenarai sebagai inisiatif yang dicadangkan.

Dari segi perundangan, Malaysia telah mempunyai undang-undang yang komprehensif mengenai rasuah atau suapan dalam pelbagai bentuk yang mana '*private lunch*' atau '*private dinner*' adalah dikategorikan sebagai suapan dalam bentuk balasan atau hadiah. Undang-undang yang sedia ada mengenai suapan atau hadiah telah pun wujud di dalam beberapa akta yang berkaitan iaitu Akta Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia (ASPRM) 2009 dan Kanun Keseksaan. Sebagai contoh, **Seksyen 161-165 Kanun Keseksaan** memperuntukkan mengenai Jemaah Menteri atau Ahli Parlimen, atau Ahli Majlis Mesyuarat Kerajaan Negeri (EXCO), atau ahli Dewan Negeri atau penjawat awam yang menerima suapan. Manakala **Seksyen 16 – 24 ASPRM 2009** pula memperuntukkan mengenai kesalahan memberi atau menerima suapan yang melibatkan kedudukan sebagai pegawai awam.

Dari segi usaha-usaha pencegahan yang dilaksanakan melalui NKRA Membanteras Rasuah dan juga Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia, terdapat beberapa inisiatif yang telah dilaksanakan dan dicadang untuk

dilaksanakan bagi menutup ruang dan peluang berlakunya rasuah terutamanya melibatkan pegawai kerajaan dan kontraktor atau pembekal.

Salah satu daripada inisiatif yang dilaksanakan melalui NKRA Membanteras Rasuah ialah, sektor korporat digalakkan untuk menandatangani *Corporate Integrity Pledge* (CIP) yang mana syarikat yang telah menandatangani CIP tersebut akan dikunjungi oleh Bahagian Pemeriksaan dan Perundingan SPRM bagi menganalisa risiko serta memberi tunjuk ajar bagaimana untuk membina asas-asas pencegahan risiko rasuah di dalam organisasi tersebut. Di samping itu, mereka juga perlu melaksanakan beberapa polisi di antaranya '**Polisi Tiada Pemberian Hadiah**' dan juga '**Polisi Perlindungan Pemberi Maklumat**'.

Cadangan terbaru yang sedang dikaji untuk dilaksanakan seberapa segera adalah memasukkan peruntukan undang-undang mengenai '*Corporate Liability*' (Tanggungjawab Korporat) ke dalam Akta Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia 2009 yang memperuntukkan bahawa pihak majikan sektor korporat akan diambil tindakan sekiranya didapati ada pegawai atau pekerja mereka yang terlibat dengan perlakuan atau perbuatan rasuah melainkan pihak majikan dapat membuktikan bahawa mereka telah meletakkan asas-asas pencegahan rasuah didalam organisasi mereka.

Pelbagai langkah dan inisiatif telah diperkenalkan bagi menutup ruang dan peluang berlakunya rasuah. Impak atau keberkesanan inisiatif-inisiatif ini ada yang dapat dilihat dalam masa yang singkat dan kebanyakannya pula merupakan inisiatif jangka panjang yang hanya akan dilihat atau dirasa keberkesanannya beberapa tahun akan datang kerana ia berbentuk pencegahan dan bukannya operasi.

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN  
DEWAN RAKYAT, MALAYSIA**

PERTANYAAN : LISAN

TARIKH : 26 MAC 2014 ( RABU )

DARIPADA : Y.B. DATO' SRI AZALINA BT DATO' OTHMAN SAID  
[ Pengerang ]

**SOALAN :-**

**Y.B. DATO' SRI AZALINA BINTI DATO' OTHMAN SAID [ Pengerang ]** minta **MENTERI KESEJAHTERAAN BANDAR, PERUMAHAN DAN KERAJAAN TEMPATAN** menyatakan apa usaha-usaha Kementerian untuk memperkenalkan dasar-dasar seragam berkenaan keselamatan di kolam renang di Malaysia seperti mana yang dikuatkuasakan di Negara-negara seperti Australia, Amerika Syarikat, United Kingdom, Kanada, Perancis dan Afrika Selatan.

## **JAWAPAN :-**

Tuan Yang di-Pertua,

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, pembinaan kolam renang di dalam kawasan Pihak Berkuasa Tempatan (PBT) adalah tertakluk di bawah Seksyen 125-132 Undang-undang Kecil Bangunan Seragam 1984. PBT juga perlu mematuhi Undang-undang Kecil Kolam Renang di bawah Akta Kerajaan Tempatan 1976. Pada masa ini, Kementerian Kesejahteraan Bandar, Perumahan dan Kerajaan Tempatan (KPKT) sedang mengumpul maklumat berkaitan fasiliti kolam renang di kawasan PBT dalam menentukan keperluan untuk menyediakan garis panduan kolam renang bagi kegunaan PBT pada masa hadapan.

Kementerian Kesejahteraan Bandar,  
Perumahan dan Kerajaan Tempatan

Mac 2014

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT**

**PERTANYAAN : LISAN**

**DARIPADA : DATUK WIRA HAJI AHMAD BIN HAMZAH  
[JASIN]**

**TARIKH : 26 MAC 2014 (RABU)**

**SOALAN :**

**Datuk Wira Haji Ahmad Bin Hamzah [JASIN] minta PERDANA MENTERI menyatakan langkah-langkah berkesan untuk mengatasi jurang pendapatan yang semakin melebar dan peratus pemilikan aset Bumiputera yang semakin merosot di bawah Model Baru Ekonomi.**

**JAWAPAN: YB SENATOR DATO' SRI ABDUL WAHID OMAR,**  
**MENTERI DI JABATAN PERDANA MENTERI**

Tuan Yang di-Pertua,

Model Baru Ekonomi (MBE) telah diperkenalkan pada tahun 2010 untuk melonjakkan Malaysia ke arah status negara maju dan berpendapatan tinggi, di samping memberi penekanan kepada aspek inklusif dan kemampuan ekonomi. Sejak pengenalan MBE, nilai pekali Gini telah berjaya dikurangkan, iaitu daripada 0.441 pada tahun 2009 kepada 0.431 pada tahun 2012. Secara keseluruhan, ketakseimbangan pendapatan semakin bertambah baik. Pemilikan ekuiti Bumiputera dalam sektor korporat pada tahun 2011 pula meningkat kepada 23.5% daripada 22.2% pada tahun 2009. Namun begitu, Kerajaan sedar bahawa matlamat pegangan kekayaan negara yang saksama belum berjaya dicapai sepenuhnya. Oleh itu, bagi meneruskan usaha merapatkan jurang pendapatan, Kerajaan terus melaksanakan pelbagai inisiatif termasuk:

- (i) mempergiatkan pelaksanaan program pendidikan dan latihan bagi meningkatkan keupayaan dan kebolehan (*capacity building*) terutamanya dalam kalangan isi rumah berpendapatan 40 peratus terendah, Bumiputera minoriti Sabah dan Sarawak serta masyarakat Orang Asli dan masyarakat India;

- (ii) program peningkatan pendapatan secara bersepadu melalui pelaksanaan program agropolitan dan peladangan kontrak untuk isi rumah berpendapatan 40 peratus terendah; dan
- (iii) program peningkatan pendapatan berasaskan pertanian bagi masyarakat Orang Asli dan Bumiputera di Sabah dan Sarawak, program kredit mikro dan pinjaman pembiayaan perumahan bagi penduduk kampung baru Cina dan pekerja estet.

Selain itu, Kerajaan turut melaksanakan pelbagai program lain seperti program bantuan rumah, saham amanah, program pendidikan dan latihan bagi isi rumah berpendapatan rendah. Ini termasuk bantuan dari dana Kumpulan Wang Amanah Pelajar Miskin (KWAPM) bagi membolehkan anak-anak golongan ini hadir dan belajar di sekolah. Di samping itu, terdapat juga program ke arah peningkatan akses kepada kemudahan asas seperti infrastruktur dan pengangkutan, utiliti dan ameniti sosial di kawasan luar bandar.

Manakala, bagi aspek pemilikan aset Bumiputera, Kerajaan telah memfokuskan kepada memantapkan pemilikan ekuiti korporat dan memperkukuh pemilikan aset bukan kewangan melalui skim saham amanah oleh PNB, Amanah Hartanah Bumiputera, skim Jejak Jaya Bumiputera, program-program pelaburan EKUINAS, program TERAJU dan sebagainya. Kerajaan percaya langkah-langkah ini akan meningkatkan kedudukan ekonomi dan seterusnya meningkatkan pegangan aset dalam kalangan Bumiputera sepertimana yang dibuktikan melalui peningkatan pemilikan hartanah Bumiputera seperti kediaman, perindustrian dan perdagangan pada tahun 2012 berbanding tahun 2009 seperti berikut:

Indikator Utama	2009		2012	
	Bumiputera (termasuk Badan Berkanun & GLC)	Bukan Bumiputera	Bumiputera (termasuk Badan Berkanun & GLC)	Bukan Bumiputera
Pemilikan Hartanah (nilai transaksi)				
Kediaman	RM11.4 bilion	RM26.1 bilion	RM17.7 bilion	RM42.9 bilion
Perindustrian	RM71.3 juta	RM1.3 bilion	RM103.2 juta	RM2.26 bilion
Perdagangan	RM957.3 juta	RM7.1 bilion	RM1.5 bilion	RM11.0 bilion

Sekian. Terima kasih.

**PEMBERITAHU PERTANYAAN DEWAN RAKYAT**

**PERTANYAAN : LISAN**

**DARIPADA : YB DATO' MOHD ARIFF SABRI  
BIN ABDUL AZIZ  
(RAUB)**

**TARIKH : 26.03.2014  
(RABU)**

**SOALAN:**

**Minta MENTERI PERTAHANAN menyatakan:-**

- (a) sudahkah suatu kertas putih disiapkan ke atas pencerobohan kumpulan Sulu ke atas Lahad Datu; dan**
- (b) berapakah kos pembelian aset dan bekalan yang telah Kerajaan belanjakan untuk menangani pencerobohan Lahad Datu.**

**JAWAPAN:**

**Tuan Yang di-Pertua,**

**Perbicaraan kes pencerobohan Lahad Datu masih lagi berlangsung dan pihak kerajaan tidak mahu berlakunya *sub judice* kepada perbicaraan tersebut. Justeru itu, kerajaan hanya boleh mempertimbangkan kewajaran cadangan kertas putih setelah selesai perbicaraan kes berkenaan.**

**Tuan Yang di-Pertua,**

**Pihak kerajaan telah membuat perolehan aset dan bekalan menggunakan peruntukan yang secukupnya bagi menentukan kejayaan Op Daulat demi memastikan kedaulatan tanah air terpelihara. Usaha memelihara kedaulatan tanah air adalah amat penting bagi keselamatan dan kesejahteraan rakyat serta tidak dapat dinilai dengan jumlah wang ringgit yang dibelanjakan.**

**MESYUARAT PERTAMA, PENGGAL KEDUA,  
PARLIMEN KETIGA BELAS  
PEMBERITAHUAN PERTANYAAN  
DEWAN RAKYAT MALAYSIA**

**PERTANYAAN : JAWAB LISAN**

**DARIPADA : YB. Datuk Bung Moktar bin  
Radin [ KINABATANGAN ]**

**TARIKH : 26.03.2014 (RABU)**

**NO. SOALAN : 25**

Minta **MENTERI KEMAJUAN LUAR BANDAR DAN  
WILAYAH** menyatakan tentang cadangan pelaksanaan  
jalan raya-jalan raya berikut di kawasan Kinabatangan  
iaitu Jalan Kg. Karamuak, Jalan Kg. Buang Sayang, Jalan  
Kg. Balat-Kuamut dan Jalan Kg. Bangkulat-Mangkawagu.

## **JAWAPAN:**

Tuan Yang Di-Pertua,

Untuk makluman Yang Berhormat, projek tersebut tiada dalam perancangan Kementerian ini dan peruntukan Program Jalan Luar Bandar (JALB) bagi Tahun 2014 telah komited sepenuhnya. Walau bagaimanapun, pihak Kementerian telah mengemukakan permohonan sebanyak lima (5) projek bernilai RM113 juta bagi kawasan Parlimen Kinabatangan untuk pelaksanaan tahun 2015. Manakala bagi projek-projek yang disenaraikan, pihak Kementerian masih berhubung dengan pihak Jabatan Kerja Raya Negeri Sabah untuk menjalankan siasatan tapak bagi tujuan permohonan kepada pihak Unit Perancang Ekonomi (UPE), Jabatan Perdana Menteri (JPM) untuk pelaksanaan pada RMKe-11 Tahun 2016.

Namun begitu, permohonan ini adalah tertakluk kepada kelulusan oleh UPE, JPM dan kedudukan semasa kewangan Kerajaan.

## **MAKLUMAT TAMBAHAN:**

Projek-projek yang dipohon untuk dilaksanakan pada tahun 2015 di Parlimen Kinabatangan, Sabah:

<b>BIL</b>	<b>NAMA PROJEK</b>	<b>KOS PROJEK (RM)</b>
1.	Jalan Di Kg. Kiliwatong Ke Kg. Kiandongo, Tongod, Sabah	16,000,000.00
2.	Membina Jalan Mangkawago Masaum, Tongod, Sabah	15,000,000.00
3.	Membina Jalan Masuk Ke Mesej Kg.Lanung, Tongod, Sabah	22,000,000.00
4.	Membina Jalan Sukau Ke Kuala Abai, Kinabatangan, Sabah	46,000,000.00
5.	Membina Jalan Ke Pekan Baru Sukau, Kinabatangan, Sabah	14,000,000.00
<b>JUMLAH</b>		<b>113,000,000.00</b>

**PEMBERITAHU PERTANYAAN DEWAN RAKYAT**

**PERTANYAAN : LISAN**

**DARIPADA : Y.B. Puan Alice Lau Kiong Yieng [ Lanang ]**

**TARIKH : 26.3.2014**

**SOALAN :**

**Y.B. Puan Alice Lau Kiong Yieng [ Lanang ]** minta **MENTERI PENDIDIKAN** menyatakan:-

- (a) berapakah kos yang dibelanjakan untuk mereka bentuk logo baru Kementerian; dan
- (b) apakah hasil atau impak yang diinginkan untuk pertukaran logo tersebut dan apakah hasil daripada pertukaran logo setakat ini.

**JAWAPAN**

Tuan Yang di-Pertua,

- (a) Kos bagi reka bentuk logo baharu Kementerian Pendidikan Malaysia (KPM) adalah sebanyak RM20,000 (Ringgit Malaysia Dua Puluh Ribu sahaja), menggunakan khidmat kepakaran daripada Majlis Rekabentuk Malaysia.
- (b) Pemakaian logo yang baharu adalah sebagai satu identiti baharu hasil penggabungan Kementerian Pelajaran Malaysia dan Kementerian Pengajian Tinggi. Hasil dari pertukaran ini, orang ramai kini lebih mengenali KPM sebagai satu kementerian yang bertanggungjawab dalam pembangunan pendidikan rendah, pendidikan menengah dan pengajian tinggi secara keseluruhan.

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT**

PERTANYAAN: LISAN

DARIPADA: Y.B. PUAN MAS ERMIEYATI BINTI SAMSUDIN

TARIKH: 26 MAC 2014

SOALAN:

**Puan Mas Ermieyati binti Samsudin [ Masjid Tanah ] minta MENTERI SUMBER MANUSIA menyatakan:**

- (a) bagaimana pihak Kementerian akan memastikan bahawa hanya individu yang benar-benar layak sahaja yang akan menerima baucer Kerja 2014; dan
- (b) memandangkan kos sara individu miskin di kawasan bandar-bandar di Malaysia adalah berlainan (contohnya di Kuala Lumpur dan Terengganu), adakah Kementerian bercadang untuk menilai semula jumlah yang bakal diterima oleh pekerja ini.

PR-1321-L60965

JAWAPAN:

Tuan Yang Dipertua,

- (a) Individu Yang Benar-Benar Layak Sahaja Yang Akan Menerima Bucer Kerja 2014**

## Latar belakang

1. Kerajaan sentiasa peka dengan setiap keluhan rakyat, justeru pelbagai inisiatif diambil di bawah agenda program transformasi kerajaan dan transformasi ekonomi bagi menangani isu kenaikan kos sara hidup ekoran daripada kesan sampingan ketidaktentuan ekonomi global.

2. Sehubungan itu, melalui pelaksanaan Program Transformasi Kerajaan (GTP), YAB Perdana Menteri pada tahun 2009 telah mengumumkan enam teras Bidang Keberhasilan Utama Negara (NKRA-*National Key Result Area*) di mana salah satunya adalah untuk meningkatkan taraf hidup rakyat berpendapatan rendah (LIH-*Low Income Households*).

3. Bagi merealisasikan hasrat tersebut, Program AZAM KERJA 1MALAYSIA telah dilaksanakan bermula pada tahun 2010. Antara program yang telah dilaksanakan adalah seperti berikut;

- i. Jana Pendapatan Azam Kerja;
- ii. Penempatan Pekerjaan Azam Kerja;
- iii. *Place and Train*;
- iv. Latihan Kemahiran; dan
- v. Berkelompok Azam Kerja.

## Kelayakan

4. LAB NKRA LIH anjuran PEMANDU telah diadakan seterusnya pada Jun 2012 bagi mengenalpasti pelbagai inisiatif lain yang boleh dilaksanakan di bawah program tersebut. Antara inisiatif baru yang dikenalpasti dan diperkenalkan adalah **Program Baucar Kerja (Work Voucher) Azam Kerja 1Malaysia** khusus untuk golongan miskin bandar yang berdaftar dengan senarai eKasih termasuk *vulnerable & marginalised group* seperti golongan gelandangan, ibu-ibu tunggal, bekas penagih dadah, bekas banduan, orang kurang upaya, warga emas dan sebagainya. Program ini dijalankan secara **perintis melibatkan 100 orang peserta** dan dicadangkan untuk dilaksanakan pada tahun 2014.

5. Program ini dijangka memberikan impak yang positif kerana membantu peserta menjana pendapatan sampingan walaupun mereka tidak mempunyai kemahiran yang tinggi. Ia terbuka kepada mereka yang mempunyai kesukaran untuk mendapatkan pekerjaan tetap atau mereka yang telah mempunyai pekerjaan tetapi memerlukan pendapatan tambahan.

## Peruntukan

6. Projek perintis bagi program ini akan dilaksanakan dengan anggaran peruntukan sebanyak RM500,000. Peruntukan bagi **setiap peserta pula adalah sehingga RM35 sehari dengan jumlah maksimum RM5,000 seorang**. Pada tahap ini, fokus utama

diberikan kepada golongan miskin bandar selaras dengan kos sara hidup yang tinggi terutamanya kepada mereka yang tinggal di bandar – bandar besar seperti Kuala Lumpur, Selangor, Negeri Sembilan, Perak dan Johor.

## **Matlamat**

7. Matlamat pemberian Baucer Kerja ini adalah :
  - i. Memberi peluang kepada peserta bagi mengenalpasti kebolehan diri;
  - ii. Memberi peluang kepada peserta yang tidak bersedia/tiada ruang untuk bekerja di syarikat-syarikat besar dan ternama;
  - iii. Membantu menjana pendapatan peserta dalam masa yang singkat;
  - iv. Sebagai medium bagi pengekalan (*sustainable*) peserta dalam pekerjaan.

## **Tapisan**

8. Bagi memastikan hanya individu yang layak sahaja menerima Baucer Kerja, Kementerian Sumber Manusia (KSM) akan membuat tapisan secara terperinci ke atas nama-nama yang terdapat dalam senarai. Pegawai-pegawai KSM akan melaksanakan proses verifikasi terhadap peserta dan pengesahan daripada majikan peserta adalah diperlukan sebelum bayaran dibuat. Pemantauan terhadap pelaksanaan pemberian Baucer Kerja ini dilakukan melalui

Jawatankuasa Azam Kerja peringkat kementerian di mana sebarang keputusan atau tindakan yang diambil perlu mendapat kelulusan Jawatankuasa.

**(b) Bercadang Untuk Menilai Semula Jumlah Yang Bakal Diterima Oleh Pekerja**

Tuan Yang di-Pertua,

9. Seperti yang telah dijelaskan sebelum ini, Baucer Kerja 2014 adalah merupakan projek perintis bagi proram ini. Pihak kementerian akan mendapatkan maklumbalas dari peserta projek perintis ini serta lain-lain petunjuk dan garis panduan seperti Indeks Paras Garis Kemiskinan semasa bagi membantu Kementerian menilai semula kadar yang telah ditetapkan.

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN BAGI JAWAB LISAN**  
**DEWAN RAKYAT MALAYSIA**

**PERTANYAAN** : **JAWAB LISAN**

**DARIPADA** : **Y.B. TUAN SIM CHEE KEONG**  
**[BUKIT MERTA JAM]**

**TARIKH** : **26 MAC 2014**

**SOALAN** : **Tuan Sim Chee Keong [Bukit Mertajam]** minta **MENTERI LUAR NEGERI** menyatakan pendirian Malaysia dalam Resolusi Jenayah Perang dan Pencabulan Hak Asasi Manusia di Sri Lanka yang akan dibentangkan di Majlis Hak Asasi Manusia Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu pada bulan Mac.

## JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

Saya ingin mengucapkan terima kasih kepada Yang Berhormat Bukit Mertajam atas soalan beliau.

2. Untuk makluman Dewan yang mulia ini, satu resolusi berkenaan situasi hak asasi manusia di Sri Lanka bertajuk, dengan izin, '*Promoting Reconciliation and Accountability in Sri Lanka,*' mula dibentangkan di Majlis Hak Asasi Manusia, Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu (MHAM PBB) pada 22 Mac 2012 semasa Sesi ke-19 Majlis tersebut. Resolusi tersebut dijadualkan untuk dibincangkan di MHAM PBB pada sesinya yang ke-25 yang sedang berlangsung pada 3 – 28 Mac 2014.

2. Secara amnya, Malaysia berpendirian bahawa resolusi-resolusi PBB yang menyentuh situasi dalaman sesebuah negara, atau dengan izin, *country specific resolutions*, tidak membantu dalam usaha-usaha untuk mempromosikan dan memelihara hak asasi manusia. Dalam hal ini, Malaysia berpandangan bahawa perbincangan mengenai isu-isu domestik sesebuah negara yang diadakan di peringkat antarabangsa tanpa penyertaan dan sokongan negara berkenaan tidak akan membuahkan hasil. Dalam masa yang sama, Malaysia juga berpandangan adalah tidak wajar MHAM PBB dipolitikkan dan diperalatkan oleh negara-negara tertentu dalam memajukan kepentingan masing-masing melalui resolusi-resolusi sedemikian.

3. Namun demikian, merujuk kepada resolusi berkenaan situasi hak asasi manusia di Sri Lanka, Kerajaan terus memandang serius dakwaan-dakwaan berhubung pencabulan serta kerosakan harta benda yang berlaku sepanjang konflik di negara tersebut. Seperti lazimnya, Malaysia akan mengkaji kandungan resolusi dengan mengambil kira pendirian serta dasar-dasar luar negara yang berkaitan.

4. Kerajaan berpandangan bahawa penyelesaian terbaik terhadap isu hak asasi manusia di Sri Lanka adalah melalui proses dialog dan kerjasama konstruktif di antara komuniti-komuniti di Sri Lanka. Adalah lebih wajar sekiranya usaha-usaha sesebuah negara seperti Sri Lanka untuk memperbaiki situasi hak asasi disokong oleh MHAM PBB dan masyarakat antarabangsa.

5. Walau bagaimanapun, Sri Lanka sebagai salah sebuah negara yang bersahabat baik dengan Malaysia, baik dari segi perdagangan mahupun dalam kerjasama serantau yang lain, sentiasa mendapat sokongan dan bantuan daripada Malaysia dalam usaha-usahanya membangunkan negara.

Sekian, terima kasih.

NO SOALAN : 201

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT  
MESYUARAT PERTAMA, PENGGAL PERTAMA  
PARLIMEN KETIGA BELAS (2014)**

**PERTANYAAN : LISAN**  
**DARIPADA : TUAN MASIR KUJAT [ SRI AMAN ]**  
**TARIKH : 26 MAC 2014 (RABU)**  
**SOALAN :**

**Tuan Masir Kujat [ Sri Aman ]** minta **PERDANA MENTERI** menyatakan bahawa Suruhanjaya Perkhidmatan Awam (SPA) telah menerima permohonan sebanyak 2.1 juta permohonan, apakah kaedah yang digunakan untuk mendapatkan penjawat awam berkualiti tinggi.

**JAWAPAN :**

**Tuan Yang di-Pertua,**

Pada tahun 2013, Suruhanjaya Perkhidmatan Awam (SPA) telah menerima 2.1 juta permohonan untuk pelbagai jawatan dalam perkhidmatan awam. Daripada jumlah ini, seramai 262,911 calon telah dipanggil temu duga, 184,562 calon telah hadir temu duga dan seramai 60,059 calon telah berjaya dilantik ke perkhidmatan awam secara tetap dan kontrak.

Kerajaan melalui SPA sentiasa memastikan hanya calon-calon yang berkelayakan dan memenuhi kualiti yang ditetapkan sahaja yang dilantik ke perkhidmatan awam. Dalam hal ini, SPA hanya akan memanggil temu duga calon-calon yang memenuhi syarat skim dan telah lulus peperiksaan dan penilaian kompetensi bagi skim yang mensyaratkan calon-calon untuk menduduki peperiksaan dan penilaian kompetensi berdasarkan kaedah *MyRecruitment*. Melalui penilaian yang dijalankan, maklumat calon akan diprofilkan berasaskan latar belakang, pencapaian akademik, ciri personaliti, minat kerjaya, sikap, kecerdasan dan kompetensi (kemahiran) untuk dijadikan asas penilaian bagi menentukan calon-calon yang sesuai berkhidmat dalam perkhidmatan awam.

Di samping itu, SPA juga sentiasa menambah baik kaedah temuduga yang digunakan dari semasa ke semasa. SPA kini menggunakan kaedah *Competency Based Interview (CBI)* dalam proses temuduga calon-calonnya. Calon-calon yang ditemuduga akan dinilai berdasarkan sembilan (9) kriteria yang ditetapkan iaitu cepat, tepat, berintegriti, produktif, kreatif, berinovatif, kesetiaan kepada organisasi, keterbukaan (*openness*) dan keupayaan untuk memudahcara (*facilitate*). Penilaian akan dibuat berdasarkan pengalaman lepas calon-calon dalam menangani sesuatu situasi atau masalah, sama ada pengalaman sewaktu bekerja ataupun pengalaman semasa calon-calon melibatkan diri dalam aktiviti-aktiviti ko-kurikulum semasa pengajian mereka. Pengalaman calon-calon ini akan membantu kementerian/jabatan untuk menilai tingkah laku mereka sekiranya mereka dilantik sebagai penjawat awam. Sebagai contoh, pengalaman lepas calon dalam menyelesaikan sesuatu tugas dengan sempurna dalam tempoh masa yang ditetapkan akan dapat digunakan untuk menilai kriteria calon dari aspek cepat dan tepat. Hanya calon-calon yang memenuhi sembilan (9) kriteria yang

ditetapkan berdasarkan kaedah CBI sahaja yang akan dipertimbangkan untuk dilantik ke dalam perkhidmatan awam.

Sekian, terima kasih.

**NO. SOALAN: 30**

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN BAGI JAWAB LISAN  
DEWAN RAKYAT**

**PERTANYAAN : LISAN**

**DARIPADA : TUAN JULIAN TAN KOK PING [ STAMPIN ]**

**TARIKH : 26 MAC 2014**

**RUJUKAN : 6696**

**SOALAN:**

**Tuan Julian Tan Kok Ping [ Stampin ]** minta **MENTERI DALAM NEGERI** menyatakan rasional di mana maklumat bapa tidak disertakan ke dalam sijil lahir anak apabila tidak melalui perkahwinan sah seperti mana kes-kes yang terdapat di Sarawak.

**JAWAPAN:**

**Tuan Yang di-Pertua,**

**Setiap kelahiran yang berlaku di Malaysia hendaklah didaftarkan di Jabatan Pendaftaran Negara (JPN). Dalam hal ini, JPN mendaftarkan kelahiran kanak-kanak di Malaysia mengikut peruntukan undang-undang seperti berikut:**

- i. Akta Pendaftaran Kelahiran dan Kematian 1957 (Akta 299) bagi Semenanjung Malaysia;**
- ii. Ordinan Pendaftaran Kelahiran dan Kematian Bab 123 (No. 11 Tahun 1948) bagi Negeri Sabah; dan**
- iii. Ordinan Pendaftaran Kelahiran dan Kematian Bab 10 (No. 6 Tahun 1951) bagi Negeri Sarawak.**

**Bagi anak tak sah taraf, maklumat bapa tidak disertakan dalam Sijil Lahir anak atas sebab-sebab berikut:**

- i. Pemaklum kelahiran tidak mengemukakan dokumen perkahwinan di antara kedua-dua ibu bapa kanak-kanak berkenaan; atau/dan**

- ii. Ibu kandung kepada kanak-kanak tersebut tidak bersetuju untuk memasukkan maklumat bapa dalam Sijil Lahir kanak-kanak itu. Hal ini termasuklah bagi kes kanak-kanak yang dilahirkan akibat rogol; atau/dan
- iii. Bapa kepada kanak-kanak berkenaan tidak bersetuju untuk memasukkan namanya dalam Sijil Lahir kanak-kanak tersebut.

Definisi anak tak sah taraf bagi pasangan beragama Islam ialah “anak yang dilahirkan oleh ibu kandungnya tanpa akad nikah yang sah dalam Islam dan dikategorikan juga bagi setiap anak yang dilahirkan oleh ibu kandungnya dalam tempoh kurang enam bulan mengikut perkiraan bulan qamariah dari tarikh pernikahan ibu kandungnya dengan lelaki pasangannya”. Manakala definisi anak tak sah taraf bagi pasangan bukan Islam ialah “seseorang anak yang pada ketika kelahirannya, ibu kanak-kanak itu tidak berkahwin mengikut mana-mana undang-undang sivil yang terpakai di negara ini”.

**PEMBERITAHU PERTANYAAN DEWAN RAKYAT**

**PERTANYAAN** : **LISAN**  
**DARIPADA** : **Y.B. Datuk Ahmad Jazlan bin Yaakub [ Machang ]**  
**TARIKH** : **26.3.2014**  
**SOALAN** :

**Y.B. Datuk Ahmad Jazlan bin Yaakub [ Machang ]** minta **MENTERI PENDIDIKAN** menyatakan:-

- (a) berapakah jumlah permohonan yang diterima untuk kemasukan ke Sekolah Berasrama Penuh di Seluruh Malaysia dan berapakah tempat yang disediakan oleh Kementerian; dan
- (b) apakah punca utama, pelajar tidak mahu dan menolak tawaran ke Sekolah Berasrama Penuh.

**JAWAPAN**

Tuan Yang di-Pertua,

- a) Jumlah permohonan yang diterima bagi kemasukan murid ke tingkatan satu (1) Sekolah Berasrama Penuh (SBP) tahun 2014 adalah sebanyak 158,000 permohonan. Namun, Kementerian Pendidikan Malaysia (KPM) hanya dapat menawarkan 7,980 tempat bagi murid tingkatan satu (1) di 61 buah SBP yang menawarkan tempat bagi tingkatan satu (1). Manakala, bagi murid tingkatan empat (4), daripada sejumlah 52,800 permohonan yang diterima, hanya 4980 tempat ditawarkan di 68 buah SBP yang menerima murid tingkatan empat (4).

- b) Penawaran murid ke SBP adalah berdasarkan permohonan murid, manakala penerimaan atau penolakan tawaran adalah terletak kepada keputusan murid sendiri.

Rjm73

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT**

**PERTANYAAN : LISAN**

**DARIPADA : TUAN M. KULASEGARAN  
[ IPOH BARAT ]**

**TARIKH : 26 MAC 2014 (RABU)**

**SOALAN :**

**TUAN M. KULASEGARAN [ IPOH BARAT ]** minta **PERDANA MENTERI** menyatakan mengapa Peguam Negara tidak mendakwa guru Muhammad Rizuan Suhaimi setelah melakukan serangan dan tumbukan ke atas Timbalan Menteri Pendidikan, YB Tuan P. Kalamathan.

**JAWAPAN: YB HAJAH NANCY SHUKRI**  
**MENTERI DI JABATAN PERDANA MENTERI**

Tuan Yang di-Pertua,

1. Kes ini masih dalam siasatan polis di bawah Seksyen 323 Kanun Keseksaan dan keputusan sama ada untuk membuat pertuduhan atau tidak hanya akan dibuat setelah kertas siasatan yang lengkap dikemukakan kepada Pendakwa Raya.

Sekian, terima kasih.

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN BAGI JAWAB LISAN  
DEWAN RAKYAT

PERTANYAAN : LISAN

DARIPADA : DATUK DR. MAKIN @ MARCUS MOJIGOH  
[ PUTATAN ]

TARIKH : 26 MAC 2014

RUJUKAN : 6564

**SOALAN:**

**Datuk Dr. Makin @ Marcus Mojigoh [ Putatan ]** minta **MENTERI DALAM NEGERI** menyatakan apakah keputusan siasatan pihak Polis DiRaja Malaysia ke atas pemasangan kain rentang mengenai penggunaan kalimah Allah serta serangan bom "*molotov cocktail*" dibeberapa gereja di Pulau Pinang dan langkah yang diambil bagi mengekang kejadian seperti ini daripada berulang.

## **JAWAPAN:**

**Tuan Yang di-Pertua,**

**Siasatan telah dibuat berhubung dengan kejadian serangan *molotov cocktail* terhadap *The Church of the Assumption*, Lebuh Farquhar Pulau Pinang, laporan polis telah dibuat berkait Central Repot 854/2014, disiasat di bawah Seksyen 436 dan Seksyen 511 Kanun Keseksaan. Kejadian berlaku pada jam 1.30 pagi semasa pengadu seorang pengawal keselamatan menyedari terdengar bunyi kaca pecah dan berlaku nyalaan api di pintu gereja. Siasatan telah dibuat oleh pihak forensik mendapati ianya merupakan sejenis *molotov cocktail*. Tidak ada saksi dan CCTV yang berdekatan bagi membantu siasatan. Setakat ini tiada tangkapan dan petunjuk bagi membantu siasatan. Kertas Siasatan telah dirujuk ke Timbalan Pendakwaraya pada 27 Februari 2014.**

**Terdapat tiga Kertas Siasatan telah dibuka berhubung dengan pemasangan kain rentang mengenai penggunaan kalimah Allah di tiga buah gereja. Ketiga-tiga kes berkenaan merupakan kes yang sama dan kain rentang yang sama iaitu bertulis "ALLAH IS GREAT. JESUS IS THE SON OF ALLAH" dan berlatarbelakangkan wajah Jesus dan Salib. Siasatan telah dijalankan di tempat kejadian mendapati tiada saksi dan juga petunjuk yang diperolehi memandangkan kejadian di awal pagi dan tidak ada rakaman CCTV yang dapat membantu siasatan. Kertas Siasatan telah lengkap dan**

akan dirujuk kepada Timbalan Pendakwaraya untuk nasihat dan pandangan selanjutnya.

Pihak polis sentiasa membuat rondaan dan juga menjaga keselamatan semua tempat termasuk tempat-tempat ibadat. Kerajaan memandang serius dengan kejadian ini bagi mengelakkan perkara buruk berlaku.

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT**

**PERTANYAAN : LISAN**

**DARIPADA : YB. DR. ONG KIAN MING [SERDANG]**

**TARIKH JAWAPAN : 26 MAC 2014 (RABU)  
DI DEWAN RAKYAT**

**SOALAN**

Minta **MENTERI TENAGA, TEKNOLOGI HIJAU DAN AIR** menyatakan tindakan yang sedang diambil untuk mengelakkan pemberhentian rawatan air oleh Puncak Niaga di Selangor kerana '*efluen*' kumbahan daripada loji IWK mengandungi tahap ammonia yang terlalu tinggi termasuk meminda Peraturan Kualiti Alam Sekeliling (Kumbagan dan Efluen Perindustrian) 2009 dan lain-lain akta yang berkenaan.

## JAWAPAN

Tuan Yang Dipertua,

1. Kementerian ingin menegaskan bahawa loji rawatan kumbahan yang melepaskan efluen mengandungi tahap ammonia yang tinggi adalah milik persendirian dan tidak dikendalikan oleh Indah Water Konsortium Sdn. Bhd. Kementerian ini difahamkan pencemaran tersebut juga berpunca daripada pembuangan tanpa kawalan bahan-bahan buangan dan air sisa daripada pelbagai punca yang diburukkan lagi dengan paras air yang rendah. Paras air yang rendah tidak dapat melarutkan kandungan ammonia dalam air sungai.
2. Baru-baru ini, operator air terpaksa menghentikan operasi Loji Rawatan Air Cheras Batu 11 dan LRA Bukit Tampoikan kerana paras ammonia dalam air mentah di muka sauk kedua-dua loji tersebut telah melebihi had piawaian Kementerian Kesihatan. Tindakan ini adalah perlu bagi mengelakkan air mentah di kedua-dua muka sauk mencemarkan sistem bekalan air yang seterusnya akan mengancam keselamatan pengguna.

3. Bagi meringankan bebanan pengguna-pengguna yang terjejas dengan gangguan bekalan air berikutan penutupan dua loji ini, Suruhanjaya Perkhidmatan Air Negara pada 21 Februari 2014 telah meluluskan permohonan Syarikat Bekalan Air Selangor untuk melaksanakan catuan air. Kawasan tersebut atas bantuan kawasan-kawasan lain pada masa ini menerima air untuk 2 hari dan tiada air untuk 2 hari berikutnya. Catuan air ini akan dilaksanakan sehinggalah paras ammonia di muka sauk tersebut mematuhi piawaian Kementerian Kesihatan.

Tuan Yang Dipertua,

4. Bagi mengatasi isu limpahan kumbahan tanpa rawatan, Kementerian ini melalui Jabatan Perkhidmatan Pembedungan telah mengenal pasti 188 loji rawatan kumbahan sedia ada di kawasan Sungai Langat untuk ditutup dan aliran sedia ada akan disalurkan ke loji rawatan kumbahan berpusat yang baharu yang sedang dalam pembinaan.
5. Namun begitu, Kementerian saya ingin menegaskan bahawa isu kandungan ammonia yang tinggi ini perlu ditangani secara holistik dengan mengguna pakai pendekatan pengurusan sungai yang

bersepadu supaya tindakan-tindakan preventif akan dapat diambil pada masa-masa akan datang. Pencemaran sungai bukan sahaja berpunca daripada air kumbahan yang tidak dirawat malah sampah-sarap dan sisa buangan yang dibuang oleh pihak-pihak tidak bertanggungjawab yang tinggal sepanjang sungai atau alor air yang mengalir ke sungai tersebut.

\*\*\*\*\*

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT**

**PERTANYAAN : LISAN**

**DARIPADA : DR. MANSOR BIN ABD RAHMAN [ SIK ]**

**TARIKH : 26 MAC 2014**

**SOALAN :**

**Dr. Mansor bin Abd Rahman [ Sik ] minta MENTERI PERUSAHAAN PERLADANGAN DAN KOMODITI menyatakan berapakah jumlah pekebun kecil dalam sektor perladangan getah, ladang getah milik agensi kerajaan atau GLC dan ladang getah milik syarikat persendirian.**

**JAWAPAN:**

Tuan Yang Di-Pertua,

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, mengikut rekod Lembaga Getah Malaysia (LGM) pada tahun 2013 terdapat:

- i. 447,117 pekebun kecil getah;
- ii. 29 buah ladang getah milik agensi Kerajaan (atau GLC); dan
- iii. 147 buah ladang getah milik syarikat persendirian dalam negara.

Sekian, terima kasih.

**PEMBERITAHU PERTANYAAN DEWAN RAKYAT**

**PERTANYAAN** : **LISAN**  
**DARIPADA** : **Y.B. Tuan Zairil Khir Johari [ Bukit Bendera ]**  
**TARIKH** : **26.3.2014**  
**SOALAN** :

**Y.B. Tuan Zairil Khir Johari [ Bukit Bendera ]** minta **MENTERI PENDIDIKAN** menyatakan syarikat mana yang dilantik untuk membina dan menyenggara SPPBS, serta kos pembinaan dan penyenggaraan.

**JAWAPAN**

Tuan Yang di-Pertua,

Sistem Pengurusan Pentaksiran Berasaskan Sekolah (SPPBS) dibangunkan secara dalaman oleh Kementerian Pendidikan Malaysia (KPM) dan disenggara oleh Bahagian Pengurusan Maklumat, KPM tanpa melibatkan mana-mana syarikat luar.

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN LISAN**  
**MESYUARAT PERTAMA, PENGGAL KEDUA, PARLIMEN YANG KE-13**  
**DEWAN RAKYAT**

**PERTANYAAN** : **LISAN**  
**DARIPADA** : **DATUK SAPAWI BIN AHMAD WASALI [ SIPITANG ]**  
**TARIKH** : **26 MAC 2014 (RABU)**  
**NO. SOALAN** : **37**

Minta **PERDANA MENTERI** menyatakan pendekatan boleh dilaksanakan untuk mengurangkan ketegangan serta pertelingkahan dalam kalangan rakyat majmuk berikutan sikap rasis antara kaum.

**JAWAPAN:**

Yang Di-Pertua,

Tahap perpaduan, kemakmuran dan keharmonian negara Malaysia adalah jauh lebih aman dan lebih tinggi berbanding dengan negara-negara majmuk yang lain, tetapi tidak dapat dinafikan bahawa perbezaan pandangan dari segi etnik, agama, budaya dan bahasa kadangkala mencetuskan perasaan tidak puas, prasangka, perselisihan dan sengketa, yang boleh menjejaskan keamanan dan ketenteraman masyarakat.

Sejak kemerdekaan dan sepanjang proses pembinaan negara bangsa, pucuk pimpinan negara memang sangat sedar dan peka akan cabaran-cabaran untuk terus memupuk persefahaman dan keharmonian, mengurangkan pelbagai jurang antara kaum dan agama serta meredakan dan menyelesaikan sengketa yang timbul. Kesedaran dan komitmen ini dicerminkan dalam segala dasar dan langkah berterusan yang giat dilaksanakan, khasnya penubuhan Jabatan Perpaduan Negara dan Integrasi Nasional (JPNIN) pada Julai 1969 dengan pengenalan kepada Skim Rukun Tetangga dengan rondaan wajib diperkenalkan pada 1975.

JPNIN telah diberi nafas baru di bawah Gagasan 1 Malaysia dan Program Transformasi Kerajaan (GTP) yang diilham dan dipacu oleh YAB Datuk Seri Najib Tun Razak, Perdana Menteri kita sejak 2009 untuk terus memupuk perpaduan dalam kepelbagaian antaranya melalui:

- a) NKRA Mengurangkan Jenayah di bawah GTP telah memberi suntikan semangat dan dana kepada Kawasan Rukun Tetangga (KRT) yang ditubuhkan sejak 1975 dan Skim Rondaan Sukarela (SRS) sejak 2004. Sambutan daripada rakyat adalah amat menggalakan. KRT bertambah dari 3996 pada 1 Januari 2009 ke 6482 pada 31 Disember 2013 manakala SRS bertambah dari 1284 ke 4011. Dari segi kualitatif, keberkesanan KRT & SRS turut meningkat yang dapat memperkasakan semangat kejiwaan dan kesukarelaan demi keselamatan dan keharmonian.
- b) JPNIN terus menganjurkan pelbagai program ke arah jalinan integrasi nasional seperti program lawatan integrasi nasional, program homestay integrasi, program titian padu emas, titian integrasi IPT dan kursus orientasi pegawai-pegawai persekutuan dari Semenanjung bertugas di Sabah, Sarawak dan Labuan dan sebaliknya yang bertujuan untuk meningkatkan kefahaman budaya dan cara hidup masyarakat setempat.
- c) Di samping itu, pelbagai aktiviti perpaduan masyarakat terus dianjurkan seperti Sambutan Bulan Perpaduan, Pertandingan Koir Lagu-lagu Patriotik, Debat Perpaduan IPT, Perluasan Kelab-Kelab Rukun Negara di sekolah rendah dan menengah dan Sekretariat Rukun Negara di kolej dan institusi pengajian tinggi yang bertujuan menyemai prinsip-prinsip Rukun Negara selari dengan nilai-nilai murni dan aspirasi Gagasan 1 Malaysia.

- d) JPNIN juga melakukan pengesanan dan pemantauan laporan-laporan media cetak, internet, media sosial dan pihak polis melalui sistem e-sepakat bertujuan mengukur tahap keharmonian masyarakat di dalam negara. Isu-isu sosial dan kejiwaan di peringkat komuniti yang mungkin boleh menimbulkan pergaduhan di antara kaum juga dipantau dan diuruskan supaya dapat diselesaikan melalui kaedah mediasi oleh 874 orang Mediator Komuniti yang telah dilatih dan ditauliahkan.
- e) JPNIN juga bekerjasama dengan Institusi-institusi pengajian tinggi dan penyelidikan, khasnya Institut Kajian Etnik (KITA) di UKM untuk menjalankan pelbagai kajian mengenai isu-isu hubungan antara kaum dan UPM untuk kajian memantapkan pengurusan dan pentadbiran Rukun Tetangga.
- f) Di samping itu, atas arahan Jemaah Menteri, Jawatankuasa Mempromosikan Persefahaman Dan Keharmonian Di Antara Penganut Agama (JKMPKA) ditubuhkan yang disertai oleh pemimpin-pemimpin agama Islam dan Bukan Islam untuk berdialog supaya memupuk persefahaman dan mencari penyelesaian atau pendamaian antara penganut agama.
- g) Penubuhan Majlis Konsultasi Perpaduan Negara (MPKN) yang telah dilancarkan oleh YAB Perdana Menteri merupakan sebuah badan bebas untuk membincangkan isu-isu yang boleh menghalang perpaduan dan mengesyorkan jalan penyelesaian terbaik kepada Kerajaan melalui pembangunan Pelan Tindakan Perpaduan Negara (*National Unity Blueprint*).
- h) Menganjurkan lebih banyak sesi perbincangan, bengkel, *contestation of ideas* dan perdebatan melibatkan golongan muda dan penduduk bandar melalui pendekatan berorientasikan idea bagi mengupas isu berbangkit dalam hubungan antara kaum seperti kontrak sosial, perkara 151 hingga 153 Perlembagaan Persekutuan dan lain-lain.

- i) Penubuhan Skuad Perpaduan yang telah dilancarkan YAB Perdana Menteri pada 9 Mac 2014 yang memainkan peranan sebagai suatu pasukan terdiri daripada pelbagai kaum yang akan mendampingi ahli-ahli masyarakat di kawasan setempat untuk memberikan perkhidmatan mediasi komuniti untuk tujuan pengurangan konflik, keselamatan kejiwaan melalui Skim Rondaan Sukarela agar wujud perasaan selamat di kalangan komuniti, pendidikan perpaduan melalui perluasan Kelas Tabika Perpaduan, Kelab-Kelab Rukun Negara dan Sekretariat Rukun Negara.

Walaupun kerajaan amat bersungguh-sungguh memastikan rakyat hidup di dalam suasana aman dan harmoni, masih terdapat anasir-anasir yang cuba mengubah nikmat keamanan dan ketenteraman yang dikecapi selama ini. Kerajaan tidak teragak-agak untuk mengambil tindakan tegas terhadap mereka yang sengaja menjejaskan sensitiviti kaum dan memecahkan keamanan melalui undang-undang yang sedang berkuat kuasa.

Adalah dipercayai bahawa melalui langkah-langkah, kepekaan dan kerjasama semua rakyat jelata, keharmonian dan perpaduan akan dapat terus dipupuk, keamanan dan kebahagiaan dikekalkan untuk manfaat semua rakyat dan generasi yang akan datang, selaras dengan hasrat Wawasan Negara dan Gagasan 1 Malaysia.

NO. SOALAN : 38

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT**

**PERTANYAAN : LISAN**

**DARIPADA : YB. DR. LEE BOON CHYE [ GOPENG ]**

**TARIKH JAWAPAN : 26 MAC 2014 (RABU)  
DI DEWAN RAKYAT**

**SOALAN**

Minta **MENTERI TENAGA, TEKNOLOGI HIJAU DAN AIR** menyatakan setakat manakah kejayaan untuk penggunaan tenaga yang boleh dibaharui sejak penubuhan SEDA.

## JAWAPAN

Tuan Yang Dipertua,

Untuk Makluman Ahli Yang Berhormat,

1. SEDA Malaysia ditubuhkan pada tahun 2011 sebagai agensi pelaksana Mekanisme *Feed-in Tariff* (FiT) untuk memacu pertumbuhan Tenaga Boleh Baharu (TBB) negara. Mekanisme FiT membolehkan syarikat-syarikat atau individu yang berminat untuk menjana elektrik daripada sumber TBB berbuat demikian dan menjual tenaga elektrik yang dijana pada harga "premium" atau Tarif Galakan kepada pihak utiliti.
2. Mekanisme FiT telah dilancarkan oleh SEDA Malaysia pada 1 Disember 2011 dan sehingga 31 Januari 2014, sebanyak **2,760** permohonan dengan jumlah kapasiti sebanyak **536.07 MW** telah diluluskan. Daripada jumlah yang diluluskan, sebanyak **2,084** permohonan telah mencapai Tarikh Kuatkuasa Tarif Galakan dengan jumlah kapasiti terpasang sebanyak **163.19 MW**. Sebanyak 581 permohonan lagi dengan kapasiti **319.34 MW** masih dalam proses untuk mencapai Tarikh Kuatkuasa Tarif Galakan.

3. Selain itu, berdasarkan kepada jumlah kuota yang diluluskan sehingga 31 Januari 2014, pelaksanaan Mekanisme FiT dianggarkan telah mewujudkan sebanyak 11,421 peluang pekerjaan dan mampu mengelakkan pembebasan karbon dioksida ke udara sebanyak 1.5 juta tan. Pelaksanaan Mekanisme FiT juga telah berjaya menarik pelaburan daripada sektor swasta sebanyak RM4.3 bilion bagi membangunkan projek-projek TBB. Ia juga telah menjadi pemangkin kepada sebuah industri baru iaitu industri TBB negara yang terdiri daripada pembekal perkhidmatan TBB terutamanya dalam bidang solar PV dan penubuhan syarikat-syarikat pembuatan solar PV dan rantaian nilai solar PV tempatan.

\*\*\*\*\*

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN**

**DEWAN RAKYAT, MALAYSIA**

**DARIPADA : Y.B. TUAN TEO KOK SEONG  
(RASAH)**

**PERTANYAAN : LISAN**

**TARIKH : 26.03.2014**

**Y.B. TUAN TEO KOK SEONG [ RASAH ]** minta **MENTERI KEWANGAN**

menyatakan secara terperinci kos yang terlibat serta sebab pihak Kementerian mengambil alih Sistem Penguatkuasaan Elektronik (AES) daripada syarikat konsesi.

**JAWAPAN**

Tuan Yang di-Pertua,

Untuk makluman Yang Berhormat, pelaksanaan Sistem Penguatkuasaan Elektronik (AES) adalah inisiatif Kerajaan sebagai langkah untuk menambahbaik dan memantapkan penguatkuasaan terhadap kesalah-

kesalahan lalu lintas di negara ini khususnya bagi kesalahan yang melibatkan ketidakpatuhan lampu isyarat dan memandu melebihi had laju. Kedua-dua kesalahan berkenaan adalah kesalahan utama yang menyumbang kepada 30% kematian akibat kemalangan jalan raya.

Sistem ini dipilih memandangkan ia merupakan kaedah terbaik berdasarkan kepada "*benchmarking*" sistem penguatkuasaan lalu lintas secara automatik di negara-negara lain seperti Sweden, Perancis, United Kingdom dan China. Mengikut kajian antarabangsa, pelaksanaan penguatkuasaan secara elektronik dapat mengurangkan kematian akibat kemalangan jalan raya antara 17% sehingga 71% dan menurunkan kadar kemalangan jalan raya sebanyak 40%. Selain itu, kajian antarabangsa juga mendapati bilangan kenderaan memandu melebihi had laju akan menurun sebanyak 70% melalui pelaksanaan penguatkuasaan secara elektronik. Pelaksanaan AES di negara ini dijangka dapat meningkatkan "*Perception of Being Caught (POBC)*" ke tahap yang lebih tinggi. Peningkatan POBC kepada 75% adalah memadai untuk mengubah tingkahlaku 80% pemandu.

Berdasarkan manfaat yang besar bakal diperoleh daripada pelaksanaan

AES ini, Kerajaan telah membuat keputusan untuk mengambil alih AES daripada dua syarikat pengendali sedia ada. Ia juga bagi menzahirkan komitmen dan usaha berterusan Kerajaan dalam menangani perkara ini sepertimana yang dihasratkan oleh rakyat. Mengenai status pengambilan alih AES ini, Kerajaan pada masa ini masih dalam peringkat rundingan dengan kedua-dua syarikat pengendali berkenaan dan kos yang terlibat masih belum dimuktamadkan lagi.

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT**

**PERTANYAAN : LISAN**

**DARIPADA : DATO' NGEH KOO HAM [ BERUAS ]**

**TARIKH : 26 MAC 2014**

**SOALAN :**

**Dato' Ngeh Koo Ham [ Beruas ]** minta **MENTERI PERUSAHAAN PERLADANGAN DAN KOMODITI** menyatakan berapakah jumlah wang yang diperuntukkan oleh Kerajaan untuk menanam semula pokok getah dan sawit setiap tahun dan kenapa sering kali kelulusan permohonan untuk tanam semula pokok getah dan sawit ditangguhkan atas sebab tidak ada peruntukan yang mencukupi.

**Jawapan:**

Tuan Yang Di-Pertua,

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, pada tahun 2012, antara inisiatif yang diambil di bawah *National Key Economic Areas* Getah (NKEA Getah) ialah tanam semula dan tanam baru getah di Semenanjung, Sabah dan Sarawak melibatkan agensi pelaksana seperti Pihak Berkuasa Kemajuan Pekebun Kecil Perusahaan Getah (RISDA), Lembaga Industri Getah Sabah (LIGS) dan Jabatan Pertanian Sarawak (JPS). Program ini adalah berkaitan dengan sasaran untuk mencapai keluasan seluas dua (2) juta hektar pada tahun 2020 melalui aktiviti tanam semula 40,000 hektar setahun dan tanam baru 30,000 hektar setahun dalam tempoh lima tahun bermula tahun 2012. Kerajaan menyediakan bantuan tanam semula dan tanam baru kepada pekebun kecil dengan kadar RM9,230 sehektar, RM14,000 sehektar dan RM13,500 sehektar bagi Semenanjung, Sabah dan Sarawak

Berikut adalah jumlah peruntukan diterima untuk tanam semula dan tanam baru bagi tahun 2012 hingga 2014:

<b>Tahun</b>	<b>Tanam Semula (RM juta)</b>	<b>Tanam Baru (RM juta)</b>	<b>Jumlah (RM juta)</b>
2012	129	97	226
2013*	191	65	256
2014*	133	68	201

*\*Nota: Jumlah peruntukan tidak termasuk bayaran kedua dan ketiga bagi pelaksanaan tanam semula dan tanam baru 2012 dan 2013.*

Sasaran tanam semula dan tanam baru mengikut tahun adalah seperti berikut:

<b>Tahun</b>	<b>Tanam Semula (hektar)</b>	<b>Tanam Baru (hektar)</b>	<b>Jumlah (hektar)</b>
2012	36,722	16,502	53,224
2013	37,282	10,615	47,897
2014	39,896	11,653	51,549

Permohonan yang diterima daripada pekebun kecil untuk program tanam semula dan tanam baru getah adalah amat menggalakkan dan setakat Disember 2013. Sebanyak 70,348 hektar permohonan diterima dan 65,593 hektar telah diluluskan. Walau bagaimanapun, hanya 47,897 hektar dapat dilaksanakan dalam tahun 2013 berdasarkan peruntukan yang diterima.

Tuan Yang Di-Pertua,

Di bawah *National Key Economic Area* (NKEA), Kerajaan telah memperuntukkan sebanyak RM442.3 juta untuk Skim Tanam Semula Sawit Pekebun Kecil (TSSPK) bagi tempoh 2011 hingga 2014. Pecahan peruntukan tersebut adalah merangkumi RM106.0 juta bagi tahun 2011, RM186.3 juta bagi tahun 2012, RM150.0 juta bagi tahun 2013 dan RM8.0 juta bagi tahun 2014.

Permohonan Skim TSSPK adalah terbuka sepanjang tahun kepada semua pekebun kecil yang layak, bermula dari tahun 2011 sehingga kini. Proses kelulusan akan dipertimbangkan di Mesyuarat Jawatankuasa Pelaksana Tanam Semula Sawit Pekebun Kecil yang diadakan dua (2) kali bagi setiap

bulan. Oleh itu, isu mengenai kekurangan peruntukan skim ini seperti mana yang dinyatakan adalah tidak timbul sama sekali.

Di samping itu, salah satu bantuan yang disalurkan di bawah skim ini adalah merangkumi kos pembersihan kawasan di mana pemohon mengurus sendiri termasuk melantik kontraktor untuk menguruskan kerja-kerja pembersihan kawasan. Pemohon juga boleh memilih untuk menerima bayaran penyediaan kawasan setelah penanaman selesai atau meminta supaya bayaran pembersihan kawasan dibayar terus kepada kontraktor pembersihan kawasan yang dilantiknya. Masalah yang dihadapi oleh pekebun kecil adalah berpunca daripada isu kelewatan pelaksanaan di mana peserta belum bersedia untuk melaksanakan kerja-kerja pembersihan kawasan. Ianya berlaku apabila kawasan yang dibangunkan menghadapi musim hujan di mana jentera tidak boleh masuk, masalah mendapatkan pekerja dan jentera pembersihan kawasan serta kekurangan modal awal. Pada musim kemarau seperti sekarang pula kerja penanaman terpaksa ditangguhkan kerana kawasan terlampau kering dan tidak sesuai untuk penanaman.

Sekian, terima kasih.

**PARLIMEN MALAYSIA**  
**PEMBERITAHU PERTANYAAN DEWAN RAKYAT**

- PERTANYAAN** : LISAN  
**DARIPADA** : PUAN KASTHURIRAANI A/P PATTO [BATU KAWAN ]  
**TARIKH** : 26 MAC 2014 (RABU)  
**SOALAN** : Puan Kasthuriraani a/p Patto minta **MENTERI PERTANIAN DAN INDUSTRI ASAS TANI** menyatakan pelan tindakan untuk membantu kaum nelayan kecil dan sederhana dalam meningkatkan tangkapan mereka, latihan *handskill* yang lain dan sama ada peruntukan diberikan supaya setiap bot atau sampan mempunyai sekurang-kurangnya satu *lifebuoy* atau pelampung memandangkan ramai nelayan tiada keperluan asas ini.
- JAWAPAN OLEH** : **YB. MENTERI PERTANIAN DAN INDUSTRI ASAS TANI**

**Tuan Yang Dipertua,**

Kementerian Pertanian dan Industri Asas Tani sentiasa membantu kaum nelayan kecil dan sederhana dalam meningkatkan tangkapan mereka dari masa ke semasa. Bagi meningkatkan kemahiran nelayan di dalam bidang penangkapan ikan, Kementerian Pertanian dan Industri Asas Tani telah menyediakan kemudahan latihan yang bersesuaian kepada nelayan. Latihan kepada para nelayan ini adalah menyeluruh dimana modul yang dirangka merangkumi dan memenuhi kehendak nelayan sedia ada serta nelayan muda sama ada di dalam aspek pelayaran dan juga penggunaan teknologi moden untuk meningkatkan hasil tangkapan.

Antara bentuk latihan yang disediakan adalah kursus berasrama seperti kursus peralatan dimana mereka dilatih secara teori dan amali serta diberikan kemudahan penginapan dan makan. Bagi kursus tidak berasrama, ia dijalankan secara *in-situ* seperti penyelenggaraan enjin, Keselamatan Perikanan, Pelayaran & Peralatan Elektronik, penggunaan peralatan elektronik menangkap ikan, peralatan perhubungan, penggunaan carta laut dan latihan pencegahan kebakaran.

Selain itu, bagi membantu para nelayan meningkatkan hasil tangkapan mereka, Kementerian Pertanian dan Industri Asas Tani Malaysia turut mempunyai program pinjaman mudah untuk membantu kaum nelayan kecil dan sederhana, iaitu program pinjaman Dana Nelayan. Dana ini adalah bagi membantu nelayan kecil membaiki bot atau menukar injin sangkut kepada yang lebih besar agar nelayan dapat keluar lebih jauh ke laut.

Kementerian Pertanian dan Industri Asas Tani turut mengambil berat terhadap keselamatan nelayan di laut. Di antara peralatan yang penting dalam menjaga keselamatan nelayan semasa di laut adalah *lifebuoy* bagi membantu nelayan jika malapetaka berlaku semasa aktiviti menangkap ikan dijalankan. Pada tahun lalu kerajaan telah membekalkan sebanyak 474 *lifebouy* kepada nelayan seluruh negara. Disamping itu, kerajaan juga membekalkan peralatan keselamatan yang lain seperti jaket keselamatan, lampu keselamatan dan GPS kepada nelayan.

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN  
DEWAN RAKYAT**

**PERTANYAAN : BAGI JAWAB LISAN**

**DARIPADA : PUAN SITI ZAILAH BINTI MOHD YUSOFF  
[ RANTAU PANJANG ]**

**TARIKH : 26 MAC 2014 (RABU)**

**SOALAN : 42**

**Puan Siti Zailah binti Mohd Yusoff [ Rantau Panjang ]** minta **PERDANA MENTERI** menyatakan apakah tindakan Kerajaan membendung pencerobohan kenderaan teksi negara Thai (*Roadtoo*) yang semakin berleluasa dalam negara kita serta menjejaskan pendapatan kereta sewa tempatan.

## **JAWAPAN**

Tuan Yang di-Pertua,

Ingin saya maklumkan di sini bahawa kemasukan sementara kenderaan-kenderaan persendirian dari Thailand adalah dikawal melalui pengeluaran Permit Peredaran Antarabangsa (ICP). Perkara ini selaras dengan peruntukan Seksyen 21 dan 25 Akta Pengangkutan Jalan (APJ) 1987 serta persetujuan melalui Konvensyen Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu mengenai Lalu Lintas Jalan di Geneva pada tahun 1949. Pengeluaran ICP terhadap kenderaan negara asing adalah terhad kepada kategori kenderaan persendirian sahaja dan ianya tidak melibatkan kenderaan perdagangan seperti kereta sewa/teksi dan bas.

Berdasarkan maklumat yang diperolehi daripada Suruhanjaya Pengangkutan Awam Darat (SPAD), pihaknya tidak pernah mengeluarkan sebarang permit/lesen pengendali untuk membenarkan kereta sewa dari Negara Thailand beroperasi di Malaysia. Sehubungan itu, adalah didapati bahawa pihak-pihak tertentu telah menyalahgunakan kemudahan ICP di mana walaupun kenderaan tersebut didaftarkan sebagai kenderaan persendirian di negara Thailand namun telah digunakan bagi tujuan komersial iaitu mengangkut dan membawa penumpang.

Bagi mengatasi masalah ini, pihak JPJ telah menjalankan aktiviti penguatkuasaan. Walau bagaimanapun, penguatkuasaan ini tidak dapat dijalankan secara berkesan memandangkan kesukaran untuk membuktikan terdapatnya unsur komersial (pengenaan caj sewa) kerana

kebanyakan pemandu kenderaan berkenaan mendakwa mempunyai hubungan dengan penumpang dan tidak mengenakan sebarang caj sewa.

Tuan Yang di-Pertua,

Mengambil kira perkara tersebut, pihak JPJ telah menyediakan *Standard Operating Procedure* (SOP) yang lebih terperinci bagi pengeluaran ICP terhadap kenderaan asing untuk menambahbaik SOP yang sedia ada. Antara penambahbaikan SOP ini adalah melibatkan:

- (i) keperluan pemohon untuk menyediakan senarai nama penumpang sebelum ICP dikeluarkan;
- (ii) memastikan ICP diserahkan kepada pejabat JPJ di sempadan sebelum mereka kembali ke negara asal; dan
- (iii) menghadkan tempoh sah laku ICP selaras dengan keperluan berada di Malaysia.

Penambahbaikan SOP ini adalah sebagai langkah untuk menghalang kenderaan-kenderaan negara Thailand daripada menyalahgunakan ICP bagi tujuan komersial dan menjejaskan pemandu teksi tempatan.

PARLIMEN MALAYSIA  
PEMBERITAHU PERTANYAAN DEWAN RAKYAT

- PERTANYAAN** : LISAN  
**DARIPADA** : DATO' SRI DR. JAMALUDDIN BIN MOHD JARJIS  
[ROMPIN ]  
**TARIKH** : 26 MAC 2014 (RABU)  
**SOALAN** : Dato' Sri Dr. Jamaluddin bin Mohd Jarjis [ Rompin ]  
minta **MENTERI PERTANIAN DAN INDUSTRI ASAS TANI**  
menyatakan usaha-usaha pihak Kementerian dalam  
membendung kenaikan harga barang-barang keperluan  
seperti ikan dan sayur-sayuran melalui import dari negeri-  
negeri jiran secara pukal bagi mendapatkan harga yang  
berpatutan untuk dinikmati oleh rakyat jelata.  
**JAWAPAN OLEH** : **YB. MENTERI PERTANIAN DAN INDUSTRI ASAS TANI**

**Tuan Yang Dipertua,**

Untuk makluman, Kementerian Pertanian dan Industri Asas Tani melalui FAMA telah melaksanakan usaha mengimport pelbagai jenis sayur-sayuran terpilih dari beberapa negara yang bertujuan untuk menambah bekalan di pasaran tempatan dan seterusnya menstabilkan harga di pasaran.

Sejak tahun 1995, FAMA telah mengimport kobis bulat daripada Indonesia dan China sebanyak 2,400 tan metrik setahun. Dan seterusnya pada tahun 2009 import kelapa dari Indonesia telah dimulakan pada purata 12,000 tan metrik setahun.

Pada tahun ini, jenis komoditi import telah ditambah dengan membawa masuk pelbagai jenis sayur-sayuran terpilih seperti bawang rose India, bawang besar India, halia, kentang, lobak merah dan cili merah dari China, India, Thailand, Vietnam dan Indonesia. Anggaran kuantiti keseluruhan yang akan diimport oleh FAMA pada tahun 2014 adalah sebanyak 30,000 tan metrik setahun atau bersamaan 2,500 tan metrik setiap bulan mulai Mac 2014.

Sementara itu, dalam usaha menangani masalah kenaikan harga ikan pula, Kementerian Pertanian dan Industri Asas Tani telah mengambil beberapa langkah antaranya adalah membina Pasar Nelayan bagi memasarkan ikan segar dengan harga yang berpatutan secara terus dari nelayan kepada pengguna.

Selain itu, Kementerian juga telah memperkenalkan produk Ikan Rakyat yang menjadi alternatif kepada pengguna untuk mendapatkan harga ikan yang lebih rendah yang terdiri daripada 7 spesies ikan iaitu ikan kembung, cencaru, pelaling, selar, selayang, tilapia dan keli dan dijual dengan harga yang berpatutan di antara RM6.00 – RM9.00 sekilogram. Produk ikan rakyat ini merupakan ikan sejuk beku yang dimport dari Thailand, Pakistan, India dan Indonesia. Jumlah import Ikan Rakyat pada tahun 2012 adalah 86,590 MT dengan nilai RM28,702,570.00 dan 97,292 MT pada tahun 2013 dengan nilai RM33,849,938.00.

Selain dari itu, bagi mengawal kenaikan harga ikan, Kementerian telah menguatkuasakan peraturan larangan eksport bagi ikan terpilih seperti ikan rakyat semasa musim-musim perayaan dan juga semasa musim tengkujuh.

**PEMBERITAHU PERTANYAAN  
DEWAN RAKYAT, MALAYSIA**

---

**PERTANYAAN : LISAN**

**DARIPADA : PUAN HAJAH ZURAIDA BINTI  
KAMARUDDIN  
[ AMPANG ]**

**TARIKH : RABU, 26 MAC 2014**

**RUJUKAN : L6 [PR-1321-L61237]**

**SOALAN :**

**Puan Hajah Zuraida binti Kamaruddin [ Ampang ] minta MENTERI WILAYAH PERSEKUTUAN** menyatakan langkah yang diambil oleh Kementerian dalam menangani isu peniaga-peniaga di Wilayah Persekutuan yang bertindak menyewakan premis perniagaan mereka kepada orang lain, terutamanya kepada warga asing seperti yang didakwa oleh Persatuan Penjaja dan Peniaga Kecil Melayu (PPPKM) Wilayah Persekutuan.

Tuan Yang di-Pertua,

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat Ampang, dasar Dewan Bandaraya Kuala Lumpur (DBKL) bahawa peniaga-peniaga perlu mematuhi syarat-syarat yang terkandung di dalam surat tawaran gerai atau lesen yang dikeluarkan kepada penjaja, DBKL secara jelasnya tidak membenarkan mereka memindah milik, menyerahhak, memajak atau menyewakan gerai atau lesen yang diperuntukkan kepada orang lain sama ada kepada warganegara atau warganegara asing. Sekiranya dikenalpasti pelesen ini telah melanggar syarat-syarat sedemikian, maka tindakan pembatalan lesen serta penarikan balik gerai boleh dilaksanakan.

Pada tahun 2013, DBKL telah mengeluarkan sebanyak 4,575 sitaan terhadap warga asing yang bertindak sebagai penjaja. Selain itu juga, DBKL telah membatalkan lesen sebanyak 300 lesen penjaja yang terlibat dengan pelbagai kesalahan termasuk kesalahan yang melibatkan warga asing.

**PEMBERITAHU PERTANYAAN  
DEWAN RAKYAT, MALAYSIA**

---

**PERTANYAAN : LISAN**

**DARIPADA : DR. TAN SENG GIAW  
[ KEPONG ]**

**TARIKH : RABU, 26 MAC 2014**

**RUJUKAN : L7 [PR-1321-L60266]**

**SOALAN :**

**Dr. Tan Seng Giaw [ Kepong ] minta MENTERI WILAYAH PERSEKUTUAN** menyatakan bilangan taman dan kos penyelenggaraannya oleh Dewan Bandaraya Kuala Lumpur. Apakah kos dan perkembangan Taman Dusun Bandar.

Tuan Yang di-Pertua,

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat Kepong, terdapat **16** Taman-taman Awam di bawah penyelenggaraan Dewan Bandaraya Kuala Lumpur (DBKL) di mana jumlah penyelenggaraannya bulanan adalah sebanyak **RM 1,229,272.93.**

<b>BIL</b>	<b>TAMAN</b>	<b>NILAI SEBULAN (RM)</b>
1.	Taman Tasik Titiwangsa	54,608.33
2.	Taman Metropolitan Kepong	30,941.67
3.	Taman Meropolitan Batu	32,531.67
4.	Taman Manjalara Kepong	22,916.67
5.	Taman Tasik Datuk Keramat	20,423.33
6.	Taman Tasik Ampang Hilir	20,866.67
7.	Taman Kejiranan Air Panas	(+ -) 700,000.00
8.	Taman Botani Perdana	139,153.00
9.	Tugu Negara (Termasuk Padang Merbok, Labu Sayong & Susur Mahameru Parlimen)	35,973.79
10.	Taman Rimba Kiara	30,591.67
11.	Taman Alam Damai (Fasa 1,2 & 3)	29,737.50
12.	Taman Tasik Permaisuri	51,870.00
13.	Taman Bukit Jalil	52,075.30

<b>BIL</b>	<b>TAMAN</b>	<b>NILAI SEBULAN (RM)</b>
14.	Taman Pudu Ulu	30,500.00
15.	Taman Dusun Bandar	Diselenggara Secara Dalam
16.	Taman Rimba Bukit Kerinchi	Diselenggara Secara Dalam
<b>JUMLAH KESELURUHAN</b>		<b>1,229,272.93</b>

### **Perkembangan dan Status Terkini Taman Dusun Bandar**

#### **Kos**

Kos Pembangunan sebenar bagi Taman Dusun Bandar ini adalah sebanyak **RM 16,947.995 Juta**.

#### **Perkembangan**

- 1) Taman ini telah dibuka secara rasminya pada 24 November 2013. Oleh kerana tapak pembangunan adalah tapak dusun dan mengambil masa untuk mengeluarkan hasil, kerja-kerja peningkatan penanaman pokok buah-buahan sentiasa dipertingkatkan dari masa ke semasa.
- 2) Dewan Bandaraya Kuala Lumpur (DBKL) juga bercadang untuk membuka taman ini kepada orang awam untuk dijadikan sebagai *venue* perkahwinan dan keraian, aktiviti

penggambaran, sambutan ulang tahun kelahiran dan hari keluarga. Kadar sewa yang akan dikenakan adalah tertakluk kepada kadar sewa taman-taman awam lain milik Dewan Bandaraya Kuala Lumpur.

- 3) Selain itu, taman ini juga akan dijadikan sebagai pusat penyelidikan dan pembelajaran bagi pelajar-pelajar sekolah dan institusi pengajian tinggi untuk mempelajari serta mengenali spesis-spesis pokok buah-buahan yang ada di Taman Dusun Bandar ini. Aktiviti lain yang telah dirancang adalah untuk mengadakan ruang pameran berkaitan taman dan juga aktiviti kemasyarakatan seperti Pasar Tani secara mingguan dan sebagainya.
- 4) Kajian tanah telah dijalankan oleh pihak Institut Penyelidikan Perhutanan Malaysia (FRIM) pada 6 November 2013 di Taman Dusun Bandar. Secara keseluruhannya, peratus hidup pokok adalah baik, hanya kadar pertumbuhan agak perlahan. Penilaian kualiti tanah di kawasan taman ini dijalankan secara terpilih iaitu, di kawasan yang mempunyai masalah pertumbuhan pokok. Pihak FRIM mengesyorkan kesesuaian tanah dan tanaman diwujudkan untuk membantu sistem penanaman yang lebih efektif dan penambahbaikan disyorkan untuk aplikasi bahan sungkupan.

5) Satu Memorandum Persefahaman antara DBKL dengan Institut Penyelidikan dan Kemajuan Pertanian Malaysia (MARDI) sedang dirangka bagi mewujudkan kerjasama pintar untuk melaksanakan program-program penyelidikan dan pembangunan berkaitan Taman Dusun Bandar ini.

**PEMBERITAHU PERTANYAAN DEWAN RAKYAT**

**PERTANYAAN** : **LISAN**  
**DARIPADA** : **Y.B. Tuan William Leong Jee Keen [ Selayang ]**  
**TARIKH** : **26.3.2014**  
**SOALAN** :

**Y.B. Tuan William Leong Jee Keen [ Selayang ]** minta **MENTERI PENDIDIKAN** menyatakan bagaimana pelajar-pelajar disediakan untuk Bahasa Inggeris sebagai subjek wajib lulus bagi SPM bermula 2016 dan sama ada Kementerian akan membenarkan sekolah aliran Inggeris.

**JAWAPAN**

Tuan Yang di-Pertua,

Kementerian Pendidikan Malaysia (KPM) sentiasa berusaha untuk meningkatkan tahap penguasaan bahasa Inggeris dalam kalangan murid khususnya apabila dasar wajib lulus bahasa Inggeris bagi Sijil Pelajaran Malaysia (SPM) bermula pada 2016. Antara usaha KPM yang dilaksanakan adalah:

- i. Melaksanakan SPM *English Language Initiatives* di sekolah *hotspot* (Band 3 hingga 7);
- ii. Meneruskan pelaksanaan Program Penutur Jati Bahasa Inggeris; dan
- iii. Melaksanakan program English Teaching Assistant (ETA).

Di samping itu, di peringkat Sekolah Menengah juga pengukuhan penguasaan Bahasa Inggeris di tahap menengah rendah dilaksanakan di Tingkatan 1 melalui Sistem Set yang memastikan pengajaran dan pembelajaran Bahasa Inggeris adalah berfokus kepada tahap profisiensi murid. Murid-murid juga dikehendaki membaca buku Bahasa Inggeris melalui Komponen Sastera Bahasa Inggeris (KOMSAS) yang mendedahkan murid kepada buku bacaan Bahasa Inggeris dari pelbagai genre. Melalui KOMSAS murid diberi ruang berbincang, memberi pendapat, menyelesaikan masalah dan berinteraksi menggunakan Bahasa Inggeris.

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, penekanan dalam penguasaan Bahasa Inggeris juga ditumpukan mulai peringkat sekolah rendah lagi, Antara program yang dilaksanakan adalah;

1. Program Linus 2.0 Literasi Bahasa Inggeris telah bermula di semua sekolah rendah mulai Jun 2013. Program ini mengenal pasti murid yang belum menguasai literasi Bahasa Inggeris dan mereka ditempatkan dalam kumpulan khas. Guru Bahasa Inggeris akan mengajar kumpulan murid ini asas literasi Bahasa Inggeris supaya mereka dapat menguasai literasi Bahasa Inggeris.
2. Sastera Kontemporari Kanak-Kanak diajar kepada murid-murid supaya mereka didedahkan kepada teks sastera fiksiyen dan penggunaan Bahasa Inggeris yang estetik. Selain itu, pembelajaran sastera membawa keseronokan pembelajaran dalam bilik darjah dan ini dengan secara tidak langsung akan menguatkan penguasaan Bahasa Inggeris mereka.
3. Penambahan waktu belajar Bahasa Inggeris Kurikulum Standard Sekolah Rendah(KSSR)

### **Tahap I**

Peruntukan masa Bahasa Inggeris Sekolah Kebangsaan (SK) ditambah sebanyak 60 minit seminggu, dari 240 minit (KBSR) ke 300 minit (KSSR). Peruntukan masa Bahasa Inggeris di Tahap 1 Sekolah Jenis Kebangsaan (SJK) ditambah sebanyak 90 minit seminggu, dari 60 minit (KBSR) ke 150 minit (KSSR).

### **Tahap II**

Peruntukan masa Bahasa Inggeris Sekolah Kebangsaan (SK) ditambah sebanyak 90 minit seminggu, dari 210 min (KBSR) ke 300 min (KSSR). Peruntukan masa Bahasa Inggeris Sekolah Jenis Kebangsaan (SJK) ditambah sebanyak 90 minit seminggu, dari 90 min (KBSR) ke 180 min (KSSR).

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, buat masa ini KPM masih belum bercadang membenarkan sekolah aliran Inggeris. KPM yakin melalui program-program yang telah, sedang dan akan dijalankan di bawah Dasar Memartabat Bahasa Melayu Memperkukuh Bahasa Inggeris (MBMMBI), penguasaan bahasa Inggeris dalam kalangan murid akan dapat ditingkatkan dari semasa ke semasa.

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT  
JAWAPAN OLEH YB DATUK SERI DR. S. SUBRAMANIAM  
MENTERI KESIHATAN MALAYSIA**

**PERTANYAAN : LISAN**  
**DARIPADA : YB TUAN ER TECK HWA [ BAKRI ]**  
**TARIKH : 26 MAC 2014**  
**SOALAN :**

**YB Tuan Er Teck Hwa [ Bakri ]** minta **MENTERI KESIHATAN** menyatakan jumlah pesakit buah pinggang ketika ini mengikut daerah, berapakah jumlah mesin hemodialisis di setiap hospital daerah yang boleh berfungsi dan tidak berfungsi, berapakah doktor, jururawat dan staf sokongan yang ditempatkan untuk rawatan pesakit buah pinggang.

**Tuan Yang Di Pertua**

Pada tahun 2012, jumlah pesakit penyakit buah pinggang peringkat akhir yang menerima rawatan dialisis di seluruh negara adalah 28,725 orang. Daripada jumlah ini, 26,404 pesakit menjalani rawatan hemodialisis dan 2,321 pesakit menjalani rawatan *peritoneal dialysis*.

Registri Dialisis dan Transplan Malaysia tidak mengumpul data semua pesakit yang menghidap penyakit buah pinggang tetapi hanya mengumpul data pesakit yang berada pada tahap kritikal yang menjalani rawatan dialisis. Data yang dikumpul oleh Registri tersebut adalah bilangan pesakit yang menjalani dialisis mengikut negeri dan bukan mengikut daerah seperti maklumat di Jadual 1.

Negeri Selangor mempunyai bilangan pesakit yang terbesar yang menjalani dialisis, iaitu 5,497 pesakit diikuti oleh negeri Johor, iaitu 4,608 orang pesakit. Jumlah mesin hemodialisis di seluruh negara pada tahun 2012 termasuk di pihak swasta, NGO dan pihak awam adalah 7,599 mesin. Negeri Selangor mempunyai bilangan mesin hemodialisis yang terbesar, iaitu 1,539 mesin diikuti oleh negeri Johor, iaitu sebanyak 1,120 mesin.

Pada tahun 2012, fasiliti Kementerian Kesihatan Malaysia (KKM) mempunyai 1,633 mesin hemodialisis. Daripada jumlah itu, 137 mesin tidak berfungsi. Pada tahun 2013, 225 mesin hemodialisis baru telah diperolehi untuk hospital KKM.

Sehingga 31 Disember 2013, terdapat seramai 44 orang pakar nefrologi yang sedang berkhidmat di KKM. Buat masa ini, KKM belum mempunyai statistik pegawai secara spesifik yang bertugas untuk rawatan buah pinggang mengikut jabatan di setiap hospital. Untuk sebuah unit hemodialisis, norma yang digunakan pada masa ini adalah seorang (1) jururawat untuk lima (5) pesakit yang menerima rawatan hemodialisis. Seorang Pegawai Perubatan atau Pakar Nefrologi bertanggungjawab secara keseluruhan bagi pengurusan pesakit di unit tersebut.

**Jadual 1: Bilangan Pesakit dan Jumlah Mesin Hemodialisis Pada Tahun 2012 Mengikut Negeri**

<b>Negeri</b>	<b>Bilangan Pesakit Dialisis Tahun 2012</b>	<b>Bilangan Mesin Hemodialisis Tahun 2012 (swasta, NGO dan awam)</b>
WPKL	2,549	659
Pulau Pinang	2,319	686
Johor	4,608	1,120
N. Sembilan	1,387	360
Melaka	1,048	310
Perak	2,938	814
Selangor	5,497	1,539
Kedah	1,802	468
Terengganu	912	188
Pahang	1,258	352
Sarawak	1,855	460
Perlis	171	54
Kelantan	964	242
Sabah	1,417	347
<b>MALAYSIA</b>	<b>28,725</b>	<b>7,599</b>

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN**

**DEWAN RAKYAT, MALAYSIA**

**DARIPADA : Y.B. RAJA DATO' KAMARUL BAHRIN SHAH BIN  
RAJA AHMAD BAHARUDDIN SHAH  
(KUALA TERENGGANU)**

**PERTANYAAN : LISAN**

**TARIKH : 26.03.2014**

**Y.B. RAJA DATO' KAMARUL BAHRIN SHAH BIN RAJA AHMAD  
BAHARUDDIN SHAH [ KUALA TERENGGANU ]** minta **MENTERI**

**KEWANGAN** menyatakan apakah kriteria-kriteria serta justifikasi tawaran projek-projek Kerajaan Persekutuan atau Negeri yang akan diberi secara rundingan terus atau reka-bina (*design and built*).

**JAWAPAN**

Secara dasarnya, semua perolehan Kerajaan hendaklah dilaksanakan melalui tatacara/ peraturan perolehan Kerajaan yang telah ditetapkan sama ada secara pembelian terus/ lantikan terus, *requisition*, sebut harga atau tender mengikut

had-had nilai yang telah ditentukan. Manakala rundingan terus merupakan pengecualian daripada tatacara/ peraturan perolehan Kerajaan dan hanya boleh dilaksanakan setelah mendapat kelulusan Kementerian Kewangan tanpa mengira had nilai.

## **Rundingan terus**

Pelaksanaan secara rundingan terus hanya boleh dipertimbangkan berasaskan kepada kriteria dan justifikasi sepertimana yang telah ditetapkan dalam Garis Panduan Permohonan Perolehan Secara Rundingan Terus bertarikh 17 April 2002 seperti berikut:

1. Perolehan yang **mendesak dan perlu disegerakan** di mana sekiranya perolehan tersebut tidak dibuat segera, maka akan memudaratkan dan menjejaskan perkhidmatan dan kepentingan awam;
2. Perolehan yang **memerlukan kesesuaian penggunaan/ penyeragaman** antara barangan yang sedia ada dengan barangan baru yang akan dibeli;
3. Perolehan khusus yang mana hanya **satu syarikat/ pembekal sahaja yang dapat membekalkan** barangan atau perkhidmatan yang dikehendaki seperti membeli alat ganti;
4. Perolehan yang melibatkan **alat-alat keselamatan atau projek** tertentu

yang **strategik yang perlu dirahsiakan**; dan

5. Perolehan barangan tertentu yang mana terdapat **satu atau dua pembuat Bumiputera sahaja**. Pertimbangan pelaksanaan secara rundingan terus ini adalah bertujuan untuk membantu mewujudkan pembuat Bumiputera yang berdaya saing.

### **Reka dan Bina (Design and Built)**

Bagi kaedah pelaksanaan projek, Kerajaan telah menetapkan bahawa semua projek Kerajaan hendaklah dilaksanakan secara konvensional. Walau bagaimanapun, dalam keadaan-keadaan tertentu, Kementerian diberi kelonggaran untuk melaksanakan projek kerja secara Reka dan Bina (*Design and Built*) tertakluk kepada pertimbangan dan kelulusan Pegawai Pengawal atau Ketua Jabatan bagi Jabatan Teknik.

Kriteria/ asas penentuan bagi projek-projek yang boleh dilaksanakan secara Reka dan Bina (*Design and Build*) yang telah ditetapkan dalam Surat Pekeliling Perbendaharaan Bilangan 5 Tahun 2012 adalah seperti berikut:

1. Kerja-kerja pembinaan yang **kompleks dan melibatkan kepakaran khusus** yang mana kepakaran tersebut tidak terdapat dalam Kementerian berkenaan atau Jabatan Teknik seperti contoh projek yang memerlukan

- kepakaran atau teknologi tinggi dalam pembinaan Pusat Angkasa Negara;
2. Kerja-kerja pembinaan yang mana **reka bentuk bangunan/ struktur ditentukan oleh sistem kelengkapan, perkhidmatan atau peralatan yang akan ditempatkan** di bangunan tersebut seperti contoh projek *hangar* bagi pesawat penggempur dan *bunker* bagi misil/ peluru; atau
  3. Projek-projek khas yang **perlu disiapkan dalam masa yang singkat** bagi menepati jadual yang telah ditetapkan atau demi kepentingan dan keselamatan Negara yang bukan berpunca daripada kelemahan perancangan Agensi seperti contoh pembinaan Stesen Pusat Penggera Tsunami.

Bagi projek-projek yang mana **telah terdapat reka bentuk atau lukisan piawai**, kaedah pelaksanaan projek secara Reka dan Bina (*Design and Build*) adalah **tidak dibenarkan**.

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT**

**PERTANYAAN : LISAN**

**DARIPADA : DATUK HAJAH NORAH BINTI ABD RAHMAN  
(TANJONG MANIS)**

**TARIKH : 26 MAC 2014 (RABU)**

**SOALAN :**

**Datuk Hajah Norah binti Abd Rahman (Tanjong Manis) minta MENTERI PEMBANGUNAN WANITA, KELUARGA DAN MASYARAKAT** menyatakan apakah program-program Kementerian untuk membantu trauma mangsa-mangsa kemalangan, keluarga mereka dan masyarakat amnya seperti tragedi yang berlaku baru-baru ini di Pulau Bruit di mana terdapat 26 orang dalam bot karam dan di antara 11 mangsa yang meninggal adalah Imam 1, Imam 3 dan Bilal.

## **JAWAPAN:**

Tuan Yang Dipertua,

Kementerian Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat (KPWKM) amat prihatin dan bersimpati kepada mangsa dan ahli keluarga yang terlibat dalam bencana atau tragedi di negara ini. Sehubungan itu, KPWKM sentiasa bersedia sedia untuk memberi perkhidmatan sokongan psikologikal kepada mangsa dan ahli keluarga yang terbabit. Perkhidmatan sokongan psikologikal melibatkan penaksiran ujian psikologi dengan menggunakan Ujian *Depression Anxiety Stress Scale (Dass 21)*, *Psychological First Aid* dan psikoterapi kepada mangsa dan keluarga.

Perkhidmatan ini penting kerana kebanyakan mangsa mengalami trauma, perlu diberi intervensi awal untuk membantu mengurangkan kesan trauma dalam diri mangsa dan keluarga. Hingga kini, seramai 176 orang Pegawai Psikologi di Jabatan Kebajikan Masyarakat (JKM), 2 orang Pegawai Psikologi di Jabatan Pembangunan Wanita (JPW), 15 orang Pegawai Psikologi di Lembaga Pembangunan Penduduk Keluarga Negara (LPPKN),

serta 51 orang Panel Kaunselor di bawah penyelarasan LPPKN sentiasa bersedia untuk membantu mangsa dan keluarga apabila berlaku bencana.

Sehubungan itu, JKM telah memantapkan pengurusan kes intervensi krisis dengan membangunkan Modul Pengurusan Kes Intervensi Krisis dan Modul Psikoterapi. Modul ini dilengkapi dengan peralatan psikoterapi yang dinamakan Kit Krisis. Kit Krisis ini digunakan oleh Pegawai Psikologi semasa mengendalikan kes intervensi krisis dan trauma apabila berlaku bencana atau tragedi. Perkhidmatan yang efisien oleh Pegawai Psikologi dapat membantu mangsa dan keluarga mengurangkan kesan trauma serta kembali berfungsi seperti sedia kala.

Tuan Yang Dipertua,

Berhubung tragedi di Pulau Buit di negeri Sarawak, Pegawai Jabatan Kebajikan Masyarakat Negeri Sarawak telah mengambil tindakan segera dengan melawat keluarga mangsa yang terlibat untuk memberikan perkhidmatan sokongan psikologikal dan bantuan yang berkaitan. Namun begitu, keluarga mangsa menyatakan yang mereka akan menghubungi Pegawai Psikologi terdekat di Bahagian Sarikei apabila bersedia untuk

mendapatkan perkhidmatan kaunseling selanjutnya.

Tuan Yang Dipertua,

Selain itu, KPWKM telah melaksanakan beberapa program untuk membantu mangsa krisis atau trauma dengan kerjasama agensi-agensi kerajaan yang lain dan pertubuhan bukan kerajaan seperti menjalankan intervensi psikoterapi untuk mangsa krisis dan trauma. Program dan aktiviti yang telah dilaksanakan untuk membantu mangsa-mangsa trauma adalah seperti berikut:

1. Penaksiran Psikologi menggunakan Ujian *Depression Anxiety Stress Scale (Dass 21)*;
2. Melaksanakan Psikoterapi;
3. *Psychological First Aid*;
4. PR1SMA *Comunity Care: Sharing & Caring* Kesejahteraan Psikologikal Masyarakat;
5. PR1SMA *Comunity Support Team*; dan
6. Intervensi Krisis (Ops Daulat) di Lahad Datu.

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT  
JAWAPAN OLEH YB DATUK SERI DR. S. SUBRAMANIAM  
MENTERI KESIHATAN MALAYSIA**

**PERTANYAAN : LISAN**  
**DARIPADA : YB DR. AZMAN BIN ISMAIL [ KUALA KEDAH ]**  
**TARIKH : 26 MAC 2014**  
**SOALAN :**

**YB Dr. Azman bin Ismail [ Kuala Kedah ]** minta **MENTERI KESIHATAN** menyatakan sama ada Kementerian sedar bahawa trend diabetes di Eropah Barat adalah menurun, sedangkan di negara kita ia meningkat. Apakah pelajaran (lessons) yang boleh kita pelajari dari Eropah Barat.

**Tuan Yang di-Pertua,**

Berdasarkan laporan terbitan terkini Pertubuhan Kesihatan Sedunia atau WHO *Global status report on Non-Communicable Diseases 2010*, tiada negara yang menunjukkan bahawa prevalen diabetes di peringkat populasi berjaya diturunkan. Manakala dalam dokumen *Global Action Plan for the Prevention and Control of Non-Communicable Diseases 2013-2020*, yang telah dipersetujui untuk diterima pakai oleh semua Negara di Persidangan Kesihatan Sedunia pada bulan Mei 2013, sasaran bagi indikator “prevalen diabetes” bagi tahun 2025 adalah “tiada peningkatan prevalen berbanding tahun 2010”. Sasaran ini telah dipersetujui oleh kerana masih tiada bukti saintifik yang kukuh yang menunjukkan bahawa prevalen diabetes mampu dikurangkan oleh mana-mana negara.

Walau bagaimanapun, nyata kadar peningkatan prevalen diabetes di Malaysia adalah lebih tinggi berbanding kebanyakan negara maju. Malaysia perlu mempelajari dan mencontohi pelbagai polisi dan program yang telah dilaksanakan di beberapa negara maju yang telah terbukti mengurangkan pendedahan rakyat mereka kepada faktor risiko *Non-Communicable Diseases* (NCD). Semua bentuk intervensi ini, yang disokong dengan bukti-bukti saintifik, adalah terkandung di dalam dokumen *Global Action Plan* yang telah disebut sebentar tadi. Kementerian Kesihatan Malaysia (KKM) dalam proses untuk merangka semua Pelan Strategik Kebangsaan untuk Penyakit Tidak Berjangkit bagi tahun 2015 hingga 2020 akan mengambil kira semua rekomendasi yang terkandung di dalam dokumen WHO tersebut.

**PEMBERITAHU PERTANYAAN DEWAN RAKYAT**

**PERTANYAAN : LISAN**  
**DARIPADA : Y.B. Puan Teresa Kok Suh Sim [ Seputeh ]**  
**TARIKH : 26.03.2014**  
**SOALAN :**

**Y.B. Puan Teresa Kok Suh Sim [ Seputeh ]** minta **MENTERI PENDIDIKAN** menyatakan sebab Kementerian menghendaki semua sekolah menggantung gambar Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong dan Permaisuri, Perdana Menteri, Menteri Besar di negeri yang ditadbir oleh BN dan Menteri Pendidikan di setiap bilik darjah dan bukannya di bilik guru dan dewan sekolah sahaja. Kenapakah gambar Menteri Besar/Ketua Menteri di negeri yang ditadbir oleh Pakatan Rakyat dilarang untuk digantung gambar di sekolah.

**JAWAPAN**

Tuan Yang di-Pertua,

Urusan pendidikan khususnya bagi institusi di bawah Akta Pendidikan 1996 adalah tertakluk kepada arahan Kerajaan Persekutuan. Oleh yang demikian, sesuatu tindakan berkaitan keputusan dasar perlu merujuk kepada Kerajaan Persekutuan. Sehubungan itu, semua ketetapan dasar akan berpandukan kepada dokumen-dokumen rasmi seperti surat pekeliling, surat siaran dan garis panduan yang diperlu dipatuhi termasuklah menggantung gambar pemerintah dan pemimpin di sekolah.

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN**

**DEWAN RAKYAT, MALAYSIA**

**DARIPADA : Y.B. TUAN LOKE SIEW FOOK  
(SEREMBAN)**

**PERTANYAAN : LISAN**

**TARIKH : 26.03.2014**

**Y.B. TUAN LOKE SIEW FOOK [ SEREMBAN ]** minta **MENTERI**

**KEWANGAN** menyatakan butiran terperinci pakej gaji, elaun-elaun, insentif dan bonus yang terkini yang ditawarkan kepada Pengerusi dan Ketua Pegawai Eksekutif Tenaga Nasional Berhad.

**JAWAPAN**

Tuan Yang di-Pertua,

Untuk makluman Yang Berhormat, butiran terperinci pakej gaji, elaun-elaun, insentif dan bonus yang terkini yang ditawarkan kepada Pengerusi

dan Ketua Pegawai Eksekutif Tenaga Nasional Berhad (TNB) berdasarkan kepada maklumat awam iaitu Laporan Tahunan TNB 2013 adalah seperti berikut:

	<b>Jawatan</b>	<b>Ganjaran Tahunan (Gaji, Elaun, Insentif dan Bonus)</b>			
		<b>Gaji / Yuran Pegarah (RM)</b>	<b>Elaun Mesyuarat Pegarah (RM)</b>	<b>Lain-lain Elaun, Insentif dan Bonus (RM)</b>	<b>Jumlah (RM)</b>
i.	Pengerusi	563,000	81,000	10,666.75	654,666.75
ii.	Ketua Pegawai Eksekutif	1,856,600	-	475,980.55	2,332,580.55

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN

DEWAN RAKYAT, MALAYSIA

PERTANYAAN : LISAN  
DARIPADA : TUAN WONG CHEN [ KELANA JAYA ]  
TARIKH : 26.03.14 (RABU)

TUAN WONG CHEN [ KELANA JAYA ] minta MENTERI PERDAGANGAN DALAM NEGERI KOPERASI DAN KEPENGGUNAAN menyatakan untuk menerbitkan nama, lokasi dan jumlah petrol dan diesel yang dijual, oleh 100 stesen-stesen petrol yang mempunyai hasil jualan paling banyak di Malaysia.

**JAWAPAN:**

Tuan Yang Dipertua,

Jualan bagi setiap stesen minyak adalah berubah-ubah bagi setiap masa mengikut keperluan dan permintaan di sesuatu lokasi. Secara keseluruhannya purata jualan bagi 100 stesen minyak bagi produk petrol adalah 866,332 liter dan 954,726 liter bagi diesel untuk tahun 2013.

**PERTANYAAN DEWAN RAKYAT**

**PERTANYAAN : LISAN**  
**DARIPADA : YB. TUAN IGNATIUS DORELL LEIKING**  
**KAWASAN : PENAMPANG**  
**TARIKH : 26 MAC 2014, RABU**

**SOALAN:**

**YB. TUAN IGNATIUS DORELL LEIKING (PENAMPANG)** minta **MENTERI KERJA RAYA** menyatakan secara terperinci apakah birokrasi-birokrasi yang menyebabkan kelewatan dalam meluluskan permohonan peruntukan pembinaan jalan raya-jalan raya yang baru ataupun pembaikan jalan raya-jalan raya yang rosak di setiap daerah di Malaysia, khususnya di negeri Sabah, yang diajukan oleh Pengarah Jabatan Kerja Raya Negeri masing-masing.

## **JAWAPAN:**

Tuan Yang Di-Pertua;

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, semua permohonan projek jalan raya yang baru yang diterima daripada Kerajaan Negeri akan disemak oleh kementerian ini dan kemudian diperakukan kepada Agensi Pusat untuk kelulusan. Kelulusan projek ini tertakluk kepada beberapa kriteria yang ditentukan seperti keutamaan mengikut Pelan Induk Pembangunan Rangkaian Jalan Raya Malaysia (HNDRP) dan senarai keutamaan Kerajaan Negeri serta bergantung kepada kemampuan kewangan kerajaan secara keseluruhan.

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, semua kerja penyelenggaraan jalan persekutuan di negara ini dilaksanakan oleh syarikat konsesi yang dilantik oleh Kerajaan. Waran peruntukan untuk kerja-kerja penyelenggaraan rutin Jalan Persekutuan akan disalurkan kepada JKR Negeri masing-masing pada setiap bulan berdasarkan kepada kadar harga yang ditetapkan dalam perjanjian konsesi. Walau bagaimanapun, ia tidak termasuk peruntukan untuk kerja-kerja kecemasan seperti kes tanah runtuh di jalan persekutuan di mana ia menggunakan peruntukan kecemasan Kementerian Kewangan.

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, semua kerja penyelenggaraan jalan berkala pula tertakluk kepada senarai keutamaan yang akan ditentukan oleh JKR Negeri masing-masing.

Sekian. Terima kasih.

**PARLIMEN MALAYSIA**  
**PEMBERITAHU PERTANYAAN DEWAN RAKYAT**

- PERTANYAAN** : **LISAN**  
**DARIPADA** : **TUAN AHMAD MARZUK BIN SHAARY**  
**[ BACHOK ]**  
**TARIKH** : **26 MAC 2014 (RABU)**  
**SOALAN** : **Tuan Ahmad Marzuk bin Shaary [ Bachok ]** minta **MENTERI PERTANIAN DAN INDUSTRI ASAS TANI** menyatakan perbandingan kadar konsentrasi DDT dalam darah penduduk di negara lain dan kadar yang terdapat dalam serum darah pesawah padi, penoreh getah, peladang kelapa sawit dan juga penduduk umum. Berapakah jumlah jualan racun kimia perosak tanaman sejak 10 tahun yang lepas. Sejauh mana pendidikan bahaya penggunaan racun kimia perosak dijalankan kepada para petani.
- JAWAPAN OLEH** : **YB. MENTERI PERTANIAN DAN INDUSTRI ASAS TANI**

**Tuan Yang Dipertua,**

Kementerian Pertanian dan Industri Asas Tani tidak mempunyai maklumat mengenai kadar konsentrasi DDT dalam darah penduduk di negara lain dan kadar yang terdapat dalam serum darah pesawah padi, penoreh getah, peladang kelapa sawit dan juga penduduk umum.

Jumlah jualan racun perosak tanaman telah meningkat daripada RM323 juta pada tahun 2004 kepada RM595 juta pada tahun 2013 yang meliputi RM409 juta racun rumpai, RM138 juta racun serangga, RM27 juta racun kulat dan RM21 juta racun tikus.

Kementerian Pertanian dan Industri Asas Tani melalui Jabatan Pertanian sentiasa melatih para petani dalam aspek penggunaan dan pengendalian racun perosak secara berhemah dan selamat. Latihan yang diberikan termasuk kursus sehari, lawatan ladang dan latihan amali (*hands-on*). Petani-petani diajar mengenai kepentingan mematuhi panduan membancuh dan menyembur racun serta pemakaian alat dan pakaian pelindung diri.

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT**

**PERTANYAAN : LISAN**

**DARIPADA : DR. LEE BOON CHYE [ GOPENG ]**

**TARIKH : 26 MAC 2014 (RABU)**

**SOALAN :**

**DR. LEE BOON CHYE [ GOPENG ]** minta **PERDANA MENTERI** menyatakan jumlah pelaburan setakat ini di Iskandar Malaysia mengikut jenis industri dan negara yang melabur.

**JAWAPAN: YB SENATOR DATO' SRI ABDUL WAHID OMAR,**

**MENTERI DI JABATAN PERDANA MENTERI**

Tuan Yang di-Pertua,

Untuk makluman Yang Berhormat, bagi tempoh 2006 sehingga Oktober 2013, Iskandar Malaysia telah berjaya mendapat pelaburan terkumpul sebanyak RM131.64 bilion, iaitu:

- pelaburan domestik - RM84.24 bilion (64%); dan
- pelaburan asing - RM47.4 bilion (36%).

Antara bidang/sektor pelaburan ialah:

- pembuatan - RM46.82 bilion
- hartanah - RM33.25 bilion
- utiliti - RM12.64 bilion
- peruncitan, perindustrian, logistik, kesihatan dan pelancongan - RM38.93 bilion.

Manakala, negara yang mempunyai jumlah pelaburan tertinggi dalam Iskandar Malaysia adalah:

1. Singapura - RM11.04 bilion
2. Sepanyol - RM4.18 bilion
3. Amerika Syarikat - RM3.98 bilion

4.	Jepun	-	RM3.93 bilion
5.	Belanda	-	RM2.84 bilion
6.	Emiriah Arab Bersatu	-	RM1.89 bilion
7.	Australia	-	RM 1.8 blion
8.	Lubnan	-	RM1.7 bilion
9.	Perancis	-	RM1.63 bilion
10.	Jerman	-	RM1.62 bilion

Sekian, terima kasih.

**MESYUARAT PERTAMA, PENGGAL KEDUA,  
PARLIMEN KETIGA BELAS  
PEMBERITAHUAN PERTANYAAN  
DEWAN RAKYAT MALAYSIA**

**PERTANYAAN : JAWAB LISAN**

**DARIPADA : YB. Tuan Haji Hasbi bin Haji  
Habibollah [ LIMBANG ]**

**TARIKH : 26.03.2014 (RABU)**

**NO. SOALAN : 58**

Minta **MENTERI KEMAJUAN LUAR BANDAR DAN  
WILAYAH** menyatakan:-

- (a) bilakah akan siapnya pembinaan Jalan Bawang Obor-Ukong-Medamit-Mentawai Fasa 2 untuk memastikan 10 buah rumah panjang, 3 perkampungan kaum Bisaya, sebuah klinik desa dan 2 buah Sekolah Kebangsaan mendapat manfaat; dan
- (b) dapatkah jalan yang sedang dibina dinaik taraf kepada jalan "premix" kerana pada masa ini ianya hanya setakat jalan berbatu sahaja.

## **JAWAPAN:**

Tuan Yang Di-Pertua,

Untuk makluman Yang Berhormat, pembinaan Jalan Bawang Obor-Ukong-Medamit-Mentawai Fasa 2 telah 90% siap dibina dan dijangka siap sepenuhnya pada bulan Ogos 2014.

Bagi tujuan menaik taraf jalan tersebut kepada jalan premix, pihak Kementerian akan memohon Jabatan Kerja Raya (JKR) Sarawak untuk menjalankan siasatan tapak dan anggaran kos bagi pertimbangan pihak Unit Perancangan Ekonomi (UPE), Jabatan Perdana Menteri (JPM) pada Rolling Plan ke-4 (RP4) Tahun 2015.

**NO. SOALAN: 59**

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN BAGI JAWAB LISAN  
DEWAN RAKYAT**

**PERTANYAAN : LISAN**

**DARIPADA : DATUK IKMAL HISHAM BIN ABDUL AZIZ  
[ TANAH MERAH ]**

**TARIKH : 26 MAC 2014**

**RUJUKAN : 6566**

**SOALAN:**

**Datuk Ikmal Hisham bin Abdul Aziz [ Tanah Merah ]** minta **MENTERI DALAM NEGERI** menyatakan kenapakah dalam kes-kes tertentu melibatkan ahli politik dari sesebuah parti, biar pun beratus laporan polis dibuat mereka tidak didakwa sehingga kini, di manakah masalahnya.

## **JAWAPAN:**

**Tuan Yang di-Pertua,**

**Pihak polis sentiasa menjalankan siasatan secara telus dan saksama tanpa mengira ideologi politik seseorang atau kedudukan status individu berkenaan. Siasatan akan dijalankan sekiranya terdapat laporan dibuat berdasarkan kepada undang-undang yang sedia ada. Walau bagaimanapun keputusan untuk mendakwa seseorang itu atau sebaliknya adalah budi bicara Jabatan Peguam Negara. Berkaitan dengan dakwaan bahawa terdapat beratus laporan telah dibuat tapi tiada sebarang dakwaan terhadap laporan tersebut perlu dilihat daripada pelbagai aspek. Antara persoalan yang perlu dikemukakan sebelum siasatan dijalankan dan pendakwaan dibuat seperti berikut:-**

- 1. Adakah laporan yang dibuat tersebut tergolong kepada kes jenayah atau merupakan kes sivil. Pihak polis hanya menjalankan siasatan kes yang berunsurkan jenayah.**
- 2. Adakah kesemua laporan tersebut menjurus kepada satu kesalahan yang sama, jika kesalahan yang sama, hanya satu kertas siasatan sahaja akan dibuka bukan untuk semua laporan yang dibuat kecuali kesalahan yang sama tapi berlaku di tempat yang berasingan, maka kertas siasatan yang berasingan akan dibuka mengikut tempat di mana kejadian berlaku.**

- 3. Adakah laporan tersebut di bawah bidang kuasa agensi lain, jika ada, maka rujukan kepada agensi berkenaan akan dibuat untuk tindakan agensi berkenaan.**
  
- 4. Setelah pihak polis selesai menjalankan siasatan, kertas siasatan akan dirujuk kepada pihak Peguam Negara untuk pendakwaan, atas budi bicara Peguam Negara untuk mendakwa atau tidak seseorang itu.**

**Memandangkan persoalan yang dikemukakan tidak menyatakan secara spesifik berkaitan laporan yang dimaksudkan berkaitan dengan kesalahan apa dan siapa yang dimaksudkan, agak sukar bagi pihak polis untuk menjelaskan status laporan tersebut.**

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT  
JAWAPAN OLEH YB DATUK SERI DR. S. SUBRAMANIAM  
MENTERI KESIHATAN MALAYSIA**

**PERTANYAAN : LISAN**  
**DARIPADA : YB DR. NOOR AZMI BIN GHAZALI**  
**[ BAGAN SERAI ]**  
**TARIKH : 26 MAC 2014**  
**SOALAN :**

**YB Dr. Noor Azmi bin Ghazali [ Bagan Serai ]** minta **MENTERI KESIHATAN** menyatakan apakah usaha Kementerian untuk membendung peningkatan kes-kes seperti pembunuhan kanak-kanak melalui penderaan seks, pengambilan dadah dan hilang kawalan emosi apabila berhadapan dengan masalah keluarga dan kehidupan serta langkah baru yang diambil bagi mengurangkan masalah kesihatan mental yang semakin meruncing akhir-akhir ini.

**Tuan Yang di Pertua,**

Kementerian Kesihatan Malaysia (KKM) merupakan salah satu agensi utama dalam menangani isu penderaan kanak-kanak termasuk penderaan seksual. Selain dari menyediakan perkhidmatan khusus bagi mengendalikan kes-kes penderaan kanak-kanak, melalui Perkhidmatan Pasukan SCAN (Suspected Child Abuse and Neglect), KKM juga

memainkan peranan dalam aspek pencegahan kes penderaan kanak-kanak. Latihan kepada kakitangan kesihatan dalam aspek pencegahan penderaan kanak-kanak sentiasa dilakukan agar khidmat nasihat pencegahan penderaan kanak-kanak diintegrasikan dalam perkhidmatan yang diberikan kepada pesakit. Latihan ini juga bertujuan membentuk kakitangan kesihatan yang lebih peka dan dapat mengenalpasti kes serta membuat intervensi segera ke atas kanak-kanak yang disyaki menjadi mangsa penderaan.

**Tuan Yang di Pertua,**

KKM telah mewujudkan Dasar Kesihatan Mental Negara semenjak tahun 1998 yang menggariskan beberapa strategi menangani masalah kesihatan mental yang diantaranya boleh membawa kepada pembunuhan kanak-kanak, penderaan seks dan pengambilan dadah.

Pelbagai langkah-langkah diambil bagi menangani masalah kesihatan mental di negara ini termasuk yang berpunca dari masalah keluarga dan kehidupan. Pendekatan jangka pendek adalah:

- (i) Melaksanakan aktiviti-aktiviti secara berkala seperti pameran, ceramah, dialog dan forum bagi menggalakkan kesihatan mental yang positif melalui Kempen Cara Hidup Sihat dan Hari Kesihatan Mental Sedunia yang memfokuskan kepada Pupuk Minda Sihat dengan Menangani Stres. Aktiviti promosi juga memfokuskan aspek kesedaran kemurungan (*depression awareness*) dan pencegahan bunuh diri.

- (ii) Menyediakan bahan-bahan pendidikan kesihatan tentang stres, pencegahan penyakit mental, masalah mental seperti kemurungan, keresahan serta masalah tingkah laku, buli dan penderaan. Kementerian juga membangunkan laman web [www.myhealth.gov.my](http://www.myhealth.gov.my), di mana orang ramai boleh mendapatkan maklumat tentang penjagaan kesihatan mental.
  
- (ii) Bagi mengurangkan prevalen gangguan mental dan tingkah laku, saringan untuk mengenalpasti tahap stres, keresahan dan kemurungan serta intervensi awal bagi mereka yang berisiko dilaksanakan di klinik-klinik kesihatan melalui perkhidmatan kesihatan mental secara integrasi. Perkhidmatan rawatan susulan juga diberi bagi menggalakkan pesakit mental stabil menerima rawatan susulan di peringkat komuniti serta pemulihan psikososial dalam masyarakat.
  
- (iii) Bagi merawat pesakit mental, Kementerian telah menyediakan perkhidmatan rawatan psikiatri di 4 buah Institusi Mental dan 42 buah hospital Kerajaan. Perkhidmatan kesihatan mental juga ditawarkan di klinik-klinik kesihatan yang dilaksanakan secara integrasi. Perkhidmatan ini meliputi aktiviti saringan untuk mengenalpasti tahap stres, keresahan dan kemurungan, intervensi bagi mereka yang berisiko serta rawatan susulan bagi pesakit mental stabil.

Bagi pendekatan jangka panjang,

- (iv) Kementerian Kesihatan juga telah mewujudkan kerjasama dengan Kementerian Pelajaran Malaysia (KPM) untuk melaksanakan Program Minda Sihat Menangani Stress di kalangan murid-murid sekolah menengah. Sehingga Ogos 2012, sebanyak 267 buah sekolah telah pun melaksanakan program ini yang akan diperluaskan secara berperingkat.
- (v) Masyarakat perlu lebih didedahkan dengan pemahaman yang betul dan tepat tentang kesihatan mental, cara mengurangkan stress dan mengawal emosi. Bagi tujuan ini, Kementerian akan terus meningkatkan kerjasama dengan agensi-agensi lain termasuk pihak media supaya stigma terhadap pesakit mental dapat dikurangkan dan seterusnya dihapuskan.

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT**

**PERTANYAAN : LISAN**

**DARIPADA : TUAN HAJI AHMAD LAI BIN BUJANG [ SIBUTI ]**

**TARIKH : 26 MAC 2014**

**SOALAN :**

**Tuan Haji Ahmad Lai bin Bujang [ Sibuti ] minta MENTERI PERUSAHAAN PERLADANGAN DAN KOMODITI menyatakan:-**

- (a) apakah usaha pihak Kerajaan untuk menangkis tanggapan negatif NGO Anti-Kelapa Sawit Dunia yang mengadakan kempen boikot pembelian kelapa sawit Malaysia; dan
- (b) apakah kesan langsung yang akan diterima oleh Kerajaan Negeri Sarawak dan pekebun sawit setelah Wilmar International telah menyatakan hasrat untuk memberhentikan pembelian sawit di negeri Sarawak. Apa tindakan Kementerian membantu hal ini.

## JAWAPAN:

Tuan Yang Di-Pertua,

- (a) Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, Badan-badan Bukan Kerajaan (*Non Governmental Organisation – NGO's*) terutamanya di negara Barat seringkali memberi gambaran negatif tentang industri sawit terutamanya dari sudut kemampanan. Dalam hal ini, Kementerian bersama-sama dengan agensi di bawahnya iaitu Lembaga Minyak Sawit Malaysia (*Malaysian Palm Oil Board - MPOB*) dan Majlis Minyak Sawit Malaysia (*Malaysian Palm Oil Council – MPOC*) sentiasa memantau perkara ini dan mengambil tindakan-tindakan proaktif agar pasaran eskport minyak sawit tidak terjejas.

Salah satu usaha yang telah diambil adalah bekerjasama dengan penggiat industri di Eropah dengan menubuhkan *Palm Oil Alliance for Sustainable Palm Oil* di Perancis dan *European Palm Oil Alliance*, (EPOA). Langkah ini telah membolehkan tindakan susulan dibuat ke atas tuduhan yang tidak berasas dan penjelasan diberikan tentang kelebihan minyak sawit.

Di samping itu, inisiatif ini juga telah membolehkan penjelasan diberikan mengenai kemampanan dalam industri sawit dilakukan sendiri oleh penggiat industri di Eropah. Penggiat industri ini juga berperanan memberi penjelasan sekiranya berlaku sebarang kempen yang baru yang dilakukan di pasaran.

Kementerian melalui MPOB dan MPOC serta kerjasama Kedutaan Malaysia di luar negara akan meneruskan usaha untuk mempromosi imej positif minyak sawit Malaysia. Ini termasuklah mengadakan seminar, melantik jurucakap di kalangan saintis tempatan di negara Eropah dan mengadakan kempen kesedaran melalui media masa.

Tuan Yang di-Pertua,

- (b) Berhubung Untuk Dasar bertajuk “*No Deforestation, No Peat, No Exploitation*” yang diperkenalkan oleh syarikat Wilmar pada 5 Disember 2013, untuk makluman Ahli Yang Berhormat, dasar ini merupakan satu *business-to-business arrangement*.

Matlamat syarikat Wilmar mengenakan syarat-syarat dalam dasarnya tersebut adalah untuk memenuhi keperluan pembeli di luar negara, terutamanya Unilever di Eropah bahawa minyak sawit yang dipasarkan olehnya adalah dari sumber yang mampan mengikut tafsiran mereka.

Di bawah dasar tersebut, syarikat Wilmar tidak akan membeli minyak sawit yang dihasilkan dari ladang-ladang sawit, yang ditanam di atas tanah gambut dan penanaman sawit yang mengakibatkan kemerosotan kawasan berhutan (*deforestation*) selepas 5 Disember 2013.

Walau bagaimanapun Wilmar akan terus membeli minyak sawit daripada pemilik tanah/pengusaha yang sedang mengusahakan

tanah mereka untuk menanam sawit di tanah gambut sebelum Disember 2015. Dasar Wilmar ini tidak menyekat pembeli minyak sawit lain untuk membeli minyak sawit dari kawasan tanah gambut di negeri Sarawak.

Saya telah mengadakan perbincangan dengan wakil Syarikat Wilmar dan menyampaikan kebimbangan penanam kelapa sawit khususnya pekebun kecil dari Sarawak. Bagi pekebun kecil, syarat yang ditetapkan oleh Wilmar itu adalah terlalu ketat. Ia juga tidak mengambilkira keadaan di Sarawak dan dianggap menindas industri sawit di negeri itu.

Semasa perbincangan tersebut, wakil Wilmar memberi jaminan bahawa mereka akan terus membeli minyak sawit dari pekebun kecil dari negeri Sarawak. Mereka sedar bahawa keperluan tanah NCR (Native Customary Rights) di Sarawak dibangunkan sebagai langkah untuk membasmi kemiskinan di luar bandar negeri Sarawak. Mereka juga berjanji untuk membantu pekebun kecil untuk menambahbaik cara pengurusan ladang mereka supaya mereka juga mengamalkan pengeluaran sawit secara mampan.

Selain itu, Kementerian juga telah berbincang dengan Suruhanjaya Persaingan Malaysia (MyCC) sama ada tindakan Wilmar itu melanggar mana-mana peruntukan Akta Persaingan 2010. Menurut MyCC, syarikat Wilmar tidak melanggar mana-mana peruntukan Akta Persaingan 2010.

Pihak Kementerian akan terus memantau kesan dasar ini terhadap industri sawit negara termasuk kepada pekebun kecil terutama di

negeri Sarawak yang mempunyai kawasan gambut yang terbanyak. Kerajaan sentiasa prihatin akan isu ini dan bekerjasama dengan semua pihak berkepentingan supaya masa depan industri sawit negara terjamin.

Bagi memastikan industri sawit menghasilkan produk secara mampan dan diiktiraf oleh pembeli antarabangsa, kita perlu menyediakan kemudahan pensijilan. Dalam hubungan ini, Kabinet telah meluluskan skim pensijilan *Malaysia Sustainable Palm Oil* (atau MSPO) pada 21 Mac 2014 yang lalu. Ini bermakna ladang sawit yang belum mendapat pensijilan di bawah *Roundtable on Sustainable Palm Oil* (RSPO) atau *International Sustainability and Carbon Certification* (ISCC) boleh dipertimbangkan dan diberi pensijilan MSPO. Pensijilan ini adalah bukti minyak sawit Malaysia dihasilkan secara mampan.

Sekian, terima kasih.

**PEMBERITAHU PERTANYAAN  
DEWAN RAKYAT, MALAYSIA**

---

**PERTANYAAN : LISAN**

**DARIPADA : PUAN NURUL IZZAH BINTI ANWAR  
[ LEMBAH PANTAI ]**

**TARIKH : RABU, 26 MAC 2014**

**RUJUKAN : L16 [PR-1321-L59626]**

**SOALAN :**

**Puan Nurul Izzah binti Anwar [ Lembah Pantai ]** minta **MENTERI WILAYAH PERSEKUTUAN** menyatakan rasional merobohkan 100 Quarters di Brickfields memandangkan usaha gigih Kerajaan menjemput Perdana Menteri India Manmohan Singh pada 2010 untuk melancarkan Little India dalam usaha mengekalkan warisan sejarah Kuala Lumpur.

Tuan Yang di-Pertua,

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat Lembah Pantai, perobohan 100 kuarters di Brickfields adalah merupakan sebahagian daripada projek Little India bagi komponen penyediaan kuarters kakitangan awam yang lebih teratur, selesa dan moden. Sebelum kuarters dirobohkan, pihak Kerajaan telah pun membina kuarters ganti tersebut sebanyak 212 unit di Jalan Ang Seng.

Penghuni kuarters ini juga akan dipindahkan ke kuarters baru sebaik sahaja kuarters tersebut siap sepenuhnya dan sedia untuk diduduki. Kuarters lama tersebut bukanlah dikategorikan sebagai bangunan warisan Kuala Lumpur dan penggantian kuarters baru yang lebih baik adalah bagi menjamin kakitangan awam mendapat keselesaan yang sewajarnya.

**MESYUARAT PERTAMA, PENGGAL KEDUA,  
PARLIMEN KETIGA BELAS  
PEMBERITAHUAN PERTANYAAN  
DEWAN RAKYAT MALAYSIA**

**PERTANYAAN : JAWAB LISAN**

**DARIPADA : YB. Dato' Abd. Aziz bin Haji  
Sheikh Fadzir  
[ KULIM BANDAR BAHARU ]**

**TARIKH : 26.03.2014 (RABU)**

**NO. SOALAN : 63**

Minta **MENTERI KEMAJUAN LUAR BANDAR DAN WILAYAH** menyatakan senarai kawasan perumahan PBR yang telah dan sedang dalam pembinaan di Parlimen Kulim dan berapakah jumlah baki kekosongan rumah PBR yang masih boleh dipohon oleh penduduk Kulim dan nyatakan tempoh maksimum untuk maklum balas bagi sesuatu permohonan.

## **JAWAPAN:**

Tuan Yang Di-Pertua,

Untuk makluman Yang Berhormat, di bawah RMKe-10 tahun 2011 sehingga 2013, Kementerian telah melaksanakan sebanyak 206 unit rumah PBR di kawasan Kulim Bandar Baharu melibatkan kos berjumlah RM2.99 juta. Manakala, bagi tahun 2014 pula, Kementerian merancang untuk melaksanakan sebanyak 35 unit rumah PBR dengan anggaran kos berjumlah RM0.73 juta.

Untuk makluman Yang Berhormat juga, permohonan bagi unit rumah PBR tahun 2014 telah dikenal pasti kesemuanya dan bagi kes-kes yang melibatkan permohonan PBR terus kepada Kementerian, ianya akan disiasat segera dengan tempoh maklum balas selama 7 hari bekerja. Seterusnya, kelulusan dan kelayakan pemohon akan ditentukan oleh *Focus Group* Pembasmian Kemiskinan Daerah (FGD).

## MAKLUMAT TAMBAHAN

### **RINGKASAN UNIT DAN KOS PROJEK PBR DI BAWAH RMKe-10 (2011-2014) BAGI PARLIMEN KULIM BANDAR BAHARU**

<b>Tahun</b>	<b>Bil. Rumah (PBR)</b>			<b>Kos (RM juta)</b>
	<b>Bina Baru (BB)</b>	<b>Baik Pulih (BP)</b>	<b>Jumlah Unit</b>	
2011	13	54	67	0.98
2012	9	100	109	1.45
2013	8	22	30	0.56
2014	12	23	35	0.73
<b>Jumlah</b>	<b>42</b>	<b>199</b>	<b>206</b>	<b>3.72</b>

NO. SOALAN : 64

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT**

**PERTANYAAN : LISAN**

**DARIPADA : YB TUAN LIANG TECK MENG  
[SIMPANG RENGAM]**

**TARIKH JAWAPAN : 26 MAC 2014 (RABU)  
DI DEWAN RAKYAT**

**SOALAN**

Minta **MENTERI TENAGA, TEKNOLOGI HIJAU DAN AIR** menyatakan apakah dasar/strategi yang digunakan oleh TNB untuk menjamin gangguan bekalan elektrik/blackout seperti yang berlaku di Sabah tidak berlaku di Semenanjung Malaysia.

## JAWAPAN

Tuan Yang Dipertua,

Untuk Makluman Ahli Yang Berhormat,

1. Tenaga Nasional Berhad telah merancang dan melaksanakan beberapa pelan tindakan bagi memastikan gangguan bekalan elektrik atau *blackout*, dengan izin, seperti yang berlaku di Sabah tidak berlaku di Semenanjung Malaysia. Antara inisiatif yang telah dilaksanakan adalah dengan memperkukuhkan sistem pembekalan elektrik di bahagian penghantaran dan pembahagian yang merupakan punca utama gangguan.

2. Pihak TNB telah mengenalpasti punca utama gangguan adalah daripada sistem voltan sederhana dan sistem voltan rendah. Lebih daripada 70% punca gangguan bekalan voltan sederhana adalah berpunca daripada sistem kabel bawah tanah. Gangguan pada sistem voltan rendah pula berpunca daripada kerosakan *Insulating Piercing Connectors* (IPC), dengan izin. Bagi menangani isu ini, TNB masih meneruskan pelaksanaan tindakan jangka pendek dan jangka panjang untuk memperbaiki sistem voltan sederhana dan voltan rendah.

Untuk Makluman Ahli Yang Berhormat,

3. Selain daripada pengukuhan sistem penghantaran dan pembahagian, tumpuan turut diberikan kepada bahagian penjanaan. Apabila Terminal Regasifikasi (RGT) di Sg. Udang telah beroperasi pada Jun 2013, bekalan gas daripada terminal ini ini telah memberi peluang kepada stesen-stesen jana kuasa arang batu untuk menjalani *planned maintenance* bagi mengelak sebarang kejadian tidak diingini berlaku.

4. Pengendali sistem grid juga telah bersedia dengan pelan kecemasan sekiranya sistem grid terjejas dengan mengimport tenaga daripada Thailand dan Singapura. Bagi memenuhi permintaan elektrik yang semakin meningkat pada masa akan datang, dijangkakan unit-unit penjanaan baru akan mula beroperasi pada tahun 2015 iaitu Projek Janamanjung 5 berkapasiti 1,010MW dan pembangunan semula Stesen Janakuasa Jambatan Connaught berkapasiti 384.7MW.

5. Kementerian bersama Suruhanjaya Tenaga akan sentiasa melaksanakan pemantauan rapi bagi memastikan kejadian terputus bekalan tidak berlaku di Semenanjung Malaysia.

\*\*\*\*\*

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN  
DEWAN RAKYAT, MALAYSIA**

PERTANYAAN : LISAN  
TARIKH : 26 MAC 2014 ( RABU )  
DARIPADA : Y.B. DATO' SERI TIONG KING SING  
[ BINTULU ]

**SOALAN :-**

**Y.B. DATO' SERI TIONG KING SING [ BINTULU ]** minta **MENTERI KESEJAHTERAAN BANDAR, PERUMAHAN DAN KERAJAAN TEMPATAN** menyatakan:-

- (a) berapakah peruntukan yang diperuntukkan dalam pelaksanaan Projek Perumahan Rakyat (PPR) di seluruh negara terutamanya bagi kawasan Bintulu memandangkan kadar penduduk setinggan masih tinggi di seluruh negara; dan
- (b) adakah pihak Kementerian berhasrat untuk memperuntukkan semula pembinaan Projek Perumahan Rakyat (PPR) sebanyak 1000 unit di Bintulu, Sarawak yang telah diluluskan pada satu ketika dahulu bagi membasmi setinggan.

## **JAWAPAN :-**

Tuan Yang di-Pertua,

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, sehingga kini Kerajaan giat melaksanakan 102,630 unit rumah Projek Perumahan Rakyat (PPR) di seluruh Negara dengan kos projek sebanyak RM 9.348 Billion bermula dari tahun 2001 hingga sekarang.

Kementerian Kesejahteraan Bandar, Perumahan dan Kerajaan Tempatan (KPKT) telah menyiapkan 1,000 unit rumah PPR di Kemena, Bintulu, Sarawak. Projek ini telah diserahkan kepada Kerajaan Negeri Sarawak untuk pengisian golongan setinggan dan golongan berpendapatan rendah pada 22 Mei 2013.

Kementerian Kesejahteraan Bandar,  
Perumahan dan Kerajaan Tempatan

Mac 2014

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN  
DEWAN RAKYAT, MALAYSIA**

**PERTANYAAN : LISAN**  
**DARIPADA : TUAN HAJI AHMAD NAZLAN BIN IDRIS**  
**[JERANTUT]**  
**TARIKH : 26.03.2014 (RABU)**

**TUAN HAJI AHMAD NAZLAN BIN IDRIS [ JERANTUT ]** minta **MENTERI PERDAGANGAN DALAM NEGERI, KOPERASI DAN KEPENGGUNAAN** menyatakan adakah Kementerian berhasrat untuk memastikan bilangan unit KR1M di setiap kawasan Parlimen terutamanya yang melibatkan kawasan luar bandar dapat ditambah.

## **JAWAPAN:**

**Tuan Yang DiPertua,**

Pelaksanaan program KR1M ini adalah merupakan gerakan nasional bagi menangani kos sara hidup dan pada masa yang sama mengekang kenaikan harga barang di pasaran. Kerajaan menetapkan sasaran sekurang-kurang sebuah KR1M bagi setiap kawasan Parlimen. Pada tahun 2014, sebanyak 60 buah KR1M lagi akan dibuka di seluruh negara tidak kira di kawasan bandar atau luar bandar. Keutamaan diberikan kepada kawasan Parlimen yang masih belum mempunyai KR1M. Setelah kesemua Parlimen telah mempunyai KR1M, bilangan KR1M di Parlimen boleh ditambah mengikut keperluan dan kesesuaian lokasi.

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT**

**PERTANYAAN : LISAN**

**DARIPADA : YB. TUAN FONG KUI LUN  
[ BUKIT BINTANG ]**

**TARIKH : 26 MAC 2014**

**SOALAN :**

**YB. Tuan Fong Kui Lun [ Bukit Bintang ]** minta **MENTERI PELANCONGAN DAN KEBUDAYAAN** menyatakan kedudukan pemandu pelancong kita yang mahir berkomunikasi pelbagai bahasa dari segi bilangan, bahasa yang dikuasai, latihan yang disediakan dan aduan pelancong asing yang diterima sehingga kini.

**JAWAPAN :**      **DATO' SERI MOHAMED NAZRI ABDUL AZIZ**  
**MENTERI PELANCONGAN DAN KEBUDAYAAN**

Tuan Yang di-Pertua,

Sehingga 31 Januari 2014, sebanyak 11,239 pemandu pelancong telah dilesenkan di bawah Kementerian Pelancongan dan Kebudayaan Malaysia. Memandangkan terdapat pemandu pelancong yang mahir dalam menguasai lebih satu bahasa, jumlah keseluruhan pemandu pelancong yang mahir dalam pelbagai bahasa adalah sebanyak 13,971. Tiga bahasa utama yang dikuasai oleh pemandu pelancong berlesen di Malaysia adalah Bahasa Cina (4,926), Bahasa Inggeris (4,270) dan Bahasa Melayu (2,590). Manakala, Bahasa Jepun mendahului bahasa asing lain-lain dengan bilangan sejumlah 600 pemandu pelancong, diikuti dengan Bahasa Perancis sebanyak 143 pemandu pelancong dan Bahasa Jerman sebanyak 127 pemandu pelancong.

Pada masa kini, masyarakat atau orang awam berpeluang untuk menceburkan diri dalam bidang Pemandu Pelancong dengan mengikuti kursus pemandu pelancong yang ditawarkan oleh Kementerian Pelancongan dan Kebudayaan Malaysia (KPK) seperti Kursus Asas Pemandu Pelancong (*City Guide*), Kursus Pemandu Pelancong Alam Semulajadi Setempat (*Nature Guide*) dan Kursus *Region Specific Tourist Guide* (RSTG). Calon-calon yang telah tamat berkursus akan menduduki peperiksaan bertulis dan praktikal yang dianjurkan oleh KPK dan Jabatan PERHILITAN pada tarikh yang telah ditetapkan. Calon-calon yang lulus kedua-dua peperiksaan berkenaan dibenarkan untuk memohon dan

mendapat lesen sah sebagai Pemandu Pelancong Bandar atau Alam Semulajadi Setempat.

Selain itu, setiap pemegang lesen pemandu pelancong dikehendaki untuk mengikuti Kursus *Continuous Tourism Related Education* (CTRE) bagi tujuan pembaharuan lesen dan peningkatan kompetensi sebagai pemandu pelancong. Skop kursus yang diadakan mencakupi pendedahan dan pengetahuan mengenai tempat-tempat bersejarah, etika dan profesionalism, keselamatan, isu-isu semasa, ekonomi, alam sekitar, warisan dan budaya, perayaan, eco-pelancongan dan lain-lain. Pemandu pelancong juga sentiasa dijemput dan dialu-alukan untuk menghadiri program dan acara-acara anjuran KPK seperti *World Tourism Conference* (WTC) 2013 di Melaka dan *Asean Tourism Forum* (ATF) 2014 di Sarawak.

Sepanjang tahun 2013, Kementerian ini telah menerima sebanyak 264 aduan daripada pelancong. Daripada jumlah tersebut sebanyak 25 atau 9.5% adalah aduan daripada pelancong asing. Bagi tempoh Januari hingga Februari 2014 pula, sebanyak 21 aduan telah direkodkan membabitkan 18 atau 86% aduan daripada pelancong asing.

Dari tempoh Januari 2013 hingga Februari 2014, sebanyak 215 aduan membabitkan agensi pelancongan, 28 aduan melibatkan premis penginapan pelancong, 7 aduan melibatkan pemandu pelancong, manakala 14 aduan dikategorikan sebagai am. Contoh aduan am adalah pengangkutan awam seperti teksi, pengangkutan udara, tahap kebersihan dan sebagainya.

Sekian, terima kasih.

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT**

PERTANYAAN: LISAN

DARIPADA: Y.B. ABDULLAH SANI BIN ABDUL HAMID

TARIKH: 26 MAC 2014

SOALAN:

**Tuan Abdullah Sani bin Abdul Hamid [ Kuala Langat ]** minta **MENTERI SUMBER MANUSIA** menyatakan cadangan MTUC untuk mewajibkan Kola (COLA) diperkenalkan kembali dalam kadar RM 300 kepada setiap pekerja untuk setiap bulan.

PR-1321-L60049

JAWAPAN:

Tuan Yang di-Pertua,

1. Kerajaan telah melaksanakan dasar gaji minimum bermula pada tahun 2013 yang mana matlamat utama dasar tersebut adalah untuk memastikan keperluan asas pekerja dan keluarga dapat dipenuhi. Dalam hal ini, salah satu kriteria utama penetapan kadar gaji minimum adalah pendapatan garis kemiskinan yang digunakan sebagai indikator bagi menentukan keperluan asas pekerja dan keluarga pekerja. Selain itu, indeks harga pengguna juga digunakan

bagi menyelaraskan kadar gaji minimum dengan peningkatan kos sara hidup. Sehubungan itu, elemen kos sara hidup seperti yang dicadangkan oleh MTUC sebenarnya telah diambil kira dalam penetapan kadar gaji minimum yang akan dikaji sekurang-kurangnya sekali dalam tempoh dua tahun supaya selari dengan keadaan ekonomi semasa.

2. Untuk makluman Dewan Yang Mulia, cadangan pemberian elaun kos sara hidup (COLA) sebanyak RM300 bagi pekerja swasta adalah tertakluk kepada budi bicara majikan masing-masing. Kerajaan tidak mempunyai kuasa dari segi undang-undang untuk mewajibkan majikan membayar elaun COLA atau elaun-elaun seumpamanya kepada pekerja mereka.

3. Walau bagaimanapun, Kementerian sentiasa menggalakkan perbincangan konstruktif antara pekerja dan majikan bagi mendapatkan terma-terma penggajian terbaik yang dipersetujui secara bersama oleh kedua-dua pihak. Bagi pekerja-pekerja sektor swasta yang mempunyai kesatuan sekerja, pemberian elaun COLA boleh dimasukkan sebagai salah satu terma dalam proses perundingan bersama (*collective bargaining*) antara kesatuan sekerja dan pihak majikan sebagaimana yang diperuntukkan dalam seksyen 13 Akta Perhubungan Perusahaan 1967 (Akta 177). Manakala bagi pekerja yang tidak diwakili oleh kesatuan sekerja, perkara ini boleh dibincangkan dalam Jawatankuasa Perundingan Bersama (*Joint Consultative Committee*) antara majikan dan pekerja.

4. Berhubung dengan cadangan dialog antara Kementerian dan *Malaysian Employers Federation* (MEF) mengenai cadangan pemberian elaun COLA tersebut, Kementerian berpandangan adalah lebih wajar sekiranya *Malaysian Trade Union Congress* (MTUC) mengadakan dialog secara terus dengan MEF terlebih dahulu. Kementerian tiada halangan untuk menjadi perantara jika terdapat permintaan daripada pihak-pihak yang terlibat sekiranya dialog secara terus yang diadakan tidak mencapai kata sepakat.

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN BAGI JAWAB LISAN  
DEWAN RAKYAT**

**PERTANYAAN : LISAN**

**DARIPADA : TUAN WONG SZE PHIN @ JIMMY  
[ KOTA KINABALU ]**

**TARIKH : 26 MAC 2014**

**RUJUKAN : 6562**

**SOALAN:**

**Tuan Wong Sze Phin @ Jimmy [ Kota Kinabalu ]** minta **MENTERI DALAM NEGERI** menyatakan berikan statistik berkenaan permohonan pendaftaran lewat surat lahir dan kad pengenalan seperti jantina, bilangan, bangsa dan sebagainya bagi setiap negeri dari tahun 2003 hingga 2013.

**JAWAPAN:**

**Tuan Yang di-Pertua,**

**Pendaftaran kelahiran oleh Jabatan Pendaftaran Negara (JPN) adalah berdasarkan kepada tiga (3) peruntukan undang-undang sedia ada seperti berikut:**

- i. Akta Pendaftaran Kelahiran dan Kematian 1957 (Akta 299) bagi Semenanjung Malaysia;**
- ii. Ordinan Pendaftaran Kelahiran dan Kematian Bab 123 (No. 11 Tahun 1948) bagi Negeri Sabah; dan**
- iii. Ordinan Pendaftaran Kelahiran dan Kematian Bab 10 (No. 6 Tahun 1951) bagi Negeri Sarawak.**

**Dalam hal ini, sesuatu daftar kelahiran akan dikategorikan sebagai pendaftaran lewat jika ianya didaftarkan selepas 42 hari daripada tarikh kelahiran berlaku. Sehubungan dengan itu, jumlah permohonan daftar lewat kelahiran dari tahun 2003 hingga 2013 adalah sebanyak 252,318 permohonan. Dalam hal ini, pecahan jumlah tersebut mengikut negeri dan jantina adalah seperti berikut:**

BIL.	JANTINA		LELAKI	PEREMPUAN	RAGU
	NEGERI				
1.	Johor		7,014	6,454	0
2.	Kedah		3,227	2,974	0
3.	Kelantan		3,272	3,324	0
4.	Melaka		1,636	1,503	0
5.	Negeri Sembilan		2,306	2,186	0
6.	Pahang		5,046	4,771	2
7.	Pulau Pinang		2,399	2,264	0
8.	Perak		4,194	3,943	0
9.	Perlis		499	468	0
10.	Selangor		9,356	8,727	0
11.	Terengganu		1,544	1,352	0
12.	Sabah		49,249	46,566	0
13.	Sarawak		26,542	27,043	2
14.	Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur		6,463	5,886	2
15.	Wilayah Persekutuan Labuan		667	663	0
16.	Wilayah Persekutuan Putrajaya		5,568	5,206	0
<b>JUMLAH</b>			<b>128,982</b>	<b>123,330</b>	<b>6</b>
<b>JUMLAH KESELURUHAN</b>			<b>252,318</b>		

Sumber : Jabatan Pendaftaran Negara Malaysia  
Tarikh Kemas Kini : 17 Mac 2014

**Manakala pecahan jumlah tersebut mengikut negeri dan keturunan bagi tempoh yang sama adalah seperti berikut:**

BIL.	KETURUNAN		MELAYU	CINA	INDIA	LAIN-LAIN
	NEGERI					
1.	Johor		6,886	854	1,953	3,795
2.	Kedah		4,407	170	976	649
3.	Kelantan		5,578	55	20	1,243
4.	Melaka		1,663	238	640	598
5.	Negeri Sembilan		1,823	257	1,530	882
6.	Pahang		3,566	207	247	5,498
7.	Pulau Pinang		2,242	289	1,288	844
8.	Perak		3,607	291	2,333	1,926
9.	Perlis		879	15	23	106
10.	Selangor		7,497	1,211	3,966	5,459
11.	Terengganu		2,491	35	8	362
12.	Sabah		10,635	1,605	212	83,413
13.	Sarawak		5,111	1,541	47	46,695
14.	Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur		5,070	1,191	2,034	4,053
15.	Wilayah Persekutuan Labuan		153	26	4	1,147
16.	Wilayah Persekutuan Putrajaya		4,186	699	1,850	4,039
<b>JUMLAH</b>			<b>65,794</b>	<b>8,684</b>	<b>17,131</b>	<b>160,709</b>
<b>JUMLAH KESELURUHAN</b>			<b>252,318</b>			

Sumber : Jabatan Pendaftaran Negara Malaysia

Tarikh Kemas Kini : 17 Mac 2014

**Tuan Yang di-Pertua,**

**Bagi permohonan pendaftaran lewat kad pengenalan pula, ia merujuk kepada apabila seseorang tidak mengemukakan permohonan kad pengenalan dalam tempoh 30 hari daripada tarikh kelayakan seseorang; dan ini termasuklah apabila kanak-kanak telah berumur 12 tahun. Tempoh 30 hari ini adalah seperti mana yang diperuntukkan di bawah Peraturan 3, Peraturan-Peraturan Pendaftaran Negara 1990 (Pindaan 2007).**

**Berdasarkan rekod Kementerian Dalam Negeri (KDN), jumlah permohonan pendaftaran lewat Kad Pengenalan di kalangan warganegara Malaysia bagi kategori ini adalah sebanyak 953,379 permohonan. Pecahan jumlah tersebut mengikut negeri dan jantina adalah seperti berikut:**

BIL.	JANTINA		LELAKI	PEREMPUAN
	NEGERI			
1.	Johor		61,285	57,017
2.	Kedah		40,853	38,292
3.	Kelantan		32,745	27,964
4.	Melaka		10,835	10,609
5.	Negeri Sembilan		15,044	14,286
6.	Pahang		20,686	18,691
7.	Pulau Pinang		22,331	22,179
8.	Perak		34,030	32,593
9.	Perlis		4,219	3,838
10.	Selangor		89,393	84,440
11.	Terengganu		20,186	17,489
12.	Sabah		56,797	49,699
13.	Sarawak		42,086	36,143
14.	Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur		34,801	33,704
15.	Wilayah Persekutuan Labuan		911	793
16.	Wilayah Persekutuan Putrajaya		9,846	9,594
<b>JUMLAH</b>			<b>496,048</b>	<b>457,331</b>
<b>JUMLAH KESELURUHAN</b>			<b>953,379</b>	

Sumber : Jabatan Pendaftaran Negara Malaysia  
Tarikh Kemas Kini : 05 Mac 2014

**Manakala pecahan jumlah tersebut mengikut negeri dan keturunan bagi tempoh yang sama adalah seperti berikut:**

BIL.	KETURUNAN		MELAYU	CINA	INDIA	LAIN-LAIN
	NEGERI					
1.	Johor		62,011	36,825	14,164	5,302
2.	Kedah		62,180	7,508	8,241	1,217
3.	Kelantan		58,612	1,240	141	716
4.	Melaka		14,166	4,079	2,341	858
5.	Negeri Sembilan		16,220	4,139	8,082	889
6.	Pahang		30,764	4,315	2,934	1,364
7.	Pulau Pinang		21,397	14,712	7,843	561
8.	Perak		39,847	11,002	14,288	1,486
9.	Perlis		7,089	598	144	226
10.	Selangor		97,657	33,164	35,811	7,179
11.	Terengganu		36,461	682	82	452
12.	Sabah		14,243	7,811	413	84,039
13.	Sarawak		18,685	23,020	267	36,261
14.	Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur		31,918	23,466	9,924	3,199
15.	Wilayah Persekutuan Labuan		609	194	37	864
16.	Wilayah Persekutuan Putrajaya		11,986	1,987	1,998	3,469
<b>JUMLAH</b>			<b>523,845</b>	<b>174,742</b>	<b>106,710</b>	<b>148,082</b>
<b>JUMLAH KESELURUHAN</b>			<b>953,379</b>			

Sumber : Jabatan Pendaftaran Negara Malaysia

Tarikh Kemas Kini : 05 Mac 2014

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN BAGI JAWAB LISAN  
DEWAN RAKYAT**

**PERTANYAAN : LISAN**

**DARIPADA : TUAN NGA KOR MING [ TAIPING ]**

**TARIKH : 26 MAC 2014**

**RUJUKAN : 6713**

**SOALAN:**

**Tuan Nga Kor Ming [ Taiping ]** minta **MENTERI DALAM NEGERI** menyatakan apakah rancangan dan langkah yang dilakukan oleh Kerajaan supaya rakyat Malaysia dapat melawat Negara China, Amerika Syarikat, Australia, United Kingdom dan negara maju lain tanpa keperluan VISA.

**JAWAPAN:**

**Tuan Yang di-Pertua,**

**Keputusan untuk mengenakan visa sebagai suatu bentuk tapisan dan kebenaran masuk ke sesebuah negara adalah menjadi hak bagi sesebuah negara tersebut. Dari segi pelaksanaan, kebanyakan negara akan mengenakan visa secara timbal balas. Negara-negara seperti China, Amerika Syarikat, Australia dan United Kingdom mengenakan visa kepada rakyat Malaysia untuk masuk ke negara tersebut manakala Malaysia hanya mengenakan visa kepada rakyat China.**

**Salah satu langkah yang boleh dilaksanakan oleh Kerajaan ialah untuk mengadakan rundingan dengan negara-negara tersebut bagi mendapatkan persetujuan mengecualikan syarat visa. Pada masa ini, Kerajaan sedang berbincang dengan pihak Amerika Syarikat untuk menyertai satu program pengecualian visa yang dikenali sebagai *Visa Waiver Programme (VWP)*.**

NO. SOALAN: 71

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT**

**PERTANYAAN : LISAN**

**DARIPADA : DR. CHE ROSLI BIN CHE MAT  
[ HULU LANGAT ]**

**TARIKH : 26 MAC 2014 (RABU)**

**SOALAN :**

**Dr. Che Rosli bin Che Mat [ Hulu Langat ]** minta **PERDANA MENTERI** menyatakan perkembangan terkini pembangunan reaktor nuklear untuk penjanaan tenaga sebagai pencerahan pengetahuan kepada rakyat setelah membaca dari media luar negara.

**JAWAPAN: YB SENATOR DATO' SRI ABDUL WAHID OMAR,**  
**MENTERI DI JABATAN PERDANA MENTERI**

Pada masa ini, Kerajaan masih sedang melaksanakan satu siri kajian terperinci untuk mengenalpasti pelbagai keperluan dan persediaan awal negara, sekiranya projek loji janakuasa nuklear dilaksanakan. Kajian yang sedang dilaksanakan ini adalah berdasarkan kepada Projek Permulaan, atau, dengan izin, *Entry Point Project* (EPP), kesebelas di bawah sektor Minyak, Gas dan Tenaga (OGE) dalam Program Transformasi Ekonomi (ETP). EPP11 ini mencadangkan dua (2) buah loji janakuasa nuklear dengan keupayaan 1,000 Megawatt (MW) setiap satu.

Sehingga kini, kajian menyeluruh mengenai kesediaan infrastruktur perundangan dan kawalseliaan nuklear negara telah disiapkan pada Disember 2013, dan hasil kajian sedang diteliti oleh Kerajaan.

Kajian Kemungkinan (*Feasibility Study*), termasuk penyediaan Pelan Pembangunan Infrastruktur Kuasa Nuklear (*Nuclear Power Infrastructure Development Plan* (NPIDP)), sedang dilaksanakan dan dijangka siap pada penghujung tahun 2014, kecuali kajian penilaian tapak loji janakuasa nuklear yang ditangguhkan sehingga tinjauan pendapat umum mengenai tenaga nuklear dilaksanakan.

Program penyebaran maklumat mengenai penjanaan kuasa nuklear untuk kesemua pihak berkepentingan, dengan izin, *stakeholders*, termasuk tinjauan pendapat umum yang komprehensif mengenainya dijangka akan dimulakan pada pertengahan tahun 2014.

Usaha untuk mengenalpasti atau menubuhkan suatu entiti tujuan khas (*Special Purpose Vehicle* (SPV)) bagi memiliki dan mengendalikan loji janakuasa nuklear pula sedang diteliti secara amnya.

Status siri kajian terperinci ini lazimnya dimaklumkan dalam forum-forum mengenai tenaga yang dianjurkan oleh pelbagai pihak di dalam atau luar negara, termasuk yang dianjurkan oleh pertubuhan-pertubuhan bukan Kerajaan di dalam negara.

Sekian. Terima kasih.

**PEMBERITAHU PERTANYAAN DEWAN RAKYAT**

**PERTANYAAN : LISAN**  
**DARIPADA : Y.B. Tuan Wong Ling Bui [ Sarikei ]**  
**TARIKH : 26.3.2014**  
**SOALAN :**

**Y.B. Tuan Wong Ling Bui [ Sarikei ]** minta **MENTERI PENDIDIKAN** menyatakan berapakah jumlah pelajar dari sekolah menengah Cina swasta telah ditawarkan menjalani latihan perguruan. Berapakah pelajar dari sekolah menengah swasta Cina telah mendapat sijil perguruan tersebut.

**JAWAPAN**

Tuan Yang di-Pertua,

Kementerian Pendidikan Malaysia (KPM) telah menerima sejumlah 19 permohonan di bawah Program Kursus Perguruan Lepas Sijil Pelajaran Malaysia bagi Ambilan Khas Bagi Lulusan *Unified Examination Certificate (UEC)* bagi Tahun 2013. Daripada jumlah tersebut, hanya 4 orang calon sahaja yang memenuhi syarat-syarat yang ditetapkan, berjaya dan ditawarkan mengikuti latihan perguruan.

**MESYUARAT PERTAMA, PENGGAL KEDUA,  
PARLIMEN KETIGA BELAS  
PEMBERITAHUAN PERTANYAAN  
DEWAN RAKYAT MALAYSIA**

**PERTANYAAN : JAWAB LISAN**

**DARIPADA : YB. Tuan Chong Chieng Jen  
[ BANDAR KUCHING ]**

**TARIKH : 26.03.2014 (RABU)**

**NO. SOALAN : 73**

Minta **MENTERI KEMAJUAN LUAR BANDAR DAN WILAYAH** menyatakan jumlah peruntukan yang telah diluluskan dan disalurkan untuk '*rural electrification projects*' di Sarawak sejak tahun 2005. Apakah angka tahunannya. Berapa peratusan penduduk luar bandar di Sarawak yang adalah disambung kepada grid SESCO (*connected to grid*).

## **JAWAPAN:**

Tuan Yang Di-Pertua,

Bermula dari tahun 2005 sehingga tahun 2013, sejumlah RM2.01 billion telah diperuntukkan untuk pelaksanaan projek Bekalan Elektrik Luar Bandar (BELB) negeri Sarawak. Sehingga 31 Disember 2013, liputan bekalan elektrik di negeri Sarawak telah mencapai 88.01%.

## MAKLUMAT TAMBAHAN

### JUMLAH PERUNTUKAN YANG DILULUSKAN UNTUK PELAKSANAAN PROJEK BELB DI NEGERI SARAWAK DARI TAHUN 2005 SEHINGGA 2013

<b>Bil.</b>	<b>Tahun</b>	<b>Peruntukan (RM)</b>
1.	2005	58,400,000.00
2.	2006	47,537,562.00
3.	2007	72,500,000.00
4.	2008	73,000,000.00
5.	2009	133,782,946.00
6.	2010	202,279,460.00
7.	2011	571,000,000.00
8.	2012	472,444,500.00
9.	2013	380,000,000.00
<b>Jumlah</b>		<b>2,010,944,468</b>

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT**

**PERTANYAAN : LISAN**

**DARIPADA : YB TUAN SU KEONG SIONG  
[ IPOH TIMUR ]**

**TARIKH : 26 MAC 2014**

**SOALAN :**

**TUAN SU KEONG SIONG [ IPOH TIMUR ]** minta **PERDANA MENTERI** menyatakan jumlah pendaftaran pengundi-pengundi yang didaftarkan oleh Penolong Pendaftar Pemilih yang dilantik daripada kalangan ahli-ahli parti politik. Apakah rasional Kerajaan memberhentikan pelantikan semula Penolong Daftar Pemilih untuk menjalankan proses pendaftaran pengundi-pengundi di Malaysia sejak 2013.

**JAWAPAN: YB DATO' SERI DR SHAHIDAN BIN KASSIM**  
**MENTERI DI JABATAN PERDANA MENTERI**

Tuan Yang di-Pertua,

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, jumlah pendaftaran pengundi-pengundi yang didaftarkan oleh Penolong Pendaftar Pemilih (PPP) Parti Politik sepanjang tahun 2013 adalah sebanyak 33,098 pemilih.

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat juga, Suruhanjaya Pilihan Raya (SPR) telah memutuskan bahawa pada masa ini tiada pelantikan baru dibuat setelah tempoh pelantikan sedia ada tamat. Ini adalah bertujuan untuk membolehkan SPR membuat penyelarasan terhadap pelaksanaan kaedah-kaedah pendaftaran sedia ada. Walau bagaimanapun, mana-mana Penolong Pendaftar Pemilih yang belum tamat tempoh pelantikannya, mereka masih boleh melaksanakan aktiviti-aktiviti pendaftaran sepertimana sebelum ini.

Walaupun bagaimanapun, individu yang berhasrat untuk mendaftar sebagai pemilih boleh mengunjungi saluran-saluran pendaftaran lain seperti di Kuanter Pendaftaran Pemilih di Ibu Pejabat SPR Putrajaya, Pejabat-Pejabat Pilihan Raya Negeri, Pejabat-Pejabat Pos yang terpilih serta kaunter-kaunter bergerak SPR di seluruh negara.

Sekian. Terima kasih.

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT  
JAWAPAN OLEH YB DATUK SERI DR. S. SUBRAMANIAM  
MENTERI KESIHATAN MALAYSIA**

**PERTANYAAN : LISAN**  
**DARIPADA : YB PUAN TEO NIE CHING [ KULAI ]**  
**TARIKH : 26 MAC 2014**  
**SOALAN :**

**YB Puan Teo Nie Ching [ Kulai ]** meminta **MENTERI KESIHATAN** menyatakan pendekatan untuk mencegah pembawa HIV daripada menjangkiti suami/isteri mereka.

**Tuan Yang di-Pertua,**

Terdapat tiga (3) cara utama transmisi jangkitan *human immunodeficiency virus* (HIV) di Malaysia iaitu:

- i. melalui perkongsian jarum suntikan semasa mengambil dadah di kalangan penagih dadah;
- ii. melalui hubungan seksual sama ada secara heteroseksual; dan
- iii. homoseksual dan biseksual juga daripada ibu positif HIV kepada anak, sama ada semasa dalam kandungan, kelahiran dan pemberian susu ibu (transmisi vertikal).

## Tuan Yang di-Pertua,

Kerajaan dengan penuh tanggungjawab telah memberikan komitmen yang tinggi di dalam pencegahan dan kawalan penyakit ini dari terus merebak dalam kalangan masyarakat. Bagi menjawab soalan YB mengenai isu transmisi jangkitan HIV di kalangan suami/isteri di Malaysia, pelbagai aktiviti telah dilaksanakan. Di antaranya melalui pendidikan kesihatan dan kaunseling yang berterusan, memberikan maklumat HIV melalui Kursus Pra Perkahwinan dan saringan pra perkahwinan sejak tahun 2001 secara percuma di semua Klinik Kesihatan. Bagi suami/isteri yang didapati positif HIV:

- i. Kerajaan menggesa agar mereka sentiasa menggunakan kondom semasa melakukan hubungan seksual bersama pasangan;
- ii. Rawatan ARV akan diberikan kepada mereka yang layak iaitu apabila kiraan CD4 < 350 dan ia terbukti dapat menurunkan jangkitan HIV sehingga 90%;
- iii. Garis panduan rawatan terkini (2013) oleh Pertubuhan Kesihatan Sedunia (WHO) telah menyarankan rawatan kepada semua pesakit HIV secara '*Treatment as Prevention*' dan Kerajaan sedang mengkaji cadangan ini terutamanya pemberian rawatan kepada '*discordant couple*'; dan
- iv. Suami/isteri yang masih menjalankan aktiviti berisiko digesa agar mengubah tingkahlaku tersebut dan menjalani ujian HIV secara berkala untuk mengetahui status HIV mereka serta mengamalkan langkah-langkah pencegahan jika tidak dijangkiti penyakit tersebut.

**Tuan Yang di-Pertua,**

Jangkitan HIV/AIDS boleh dicegah dan ia adalah tanggungjawab kita bersama. Oleh itu, semua Agensi Kerajaan dan Bukan Kerajaan, masyarakat, individu, mereka yang telah dijangkiti atau belum hendaklah memainkan peranan penting dalam melaksanakan langkah-langkah yang sesuai selaras dengan undang-undang dan dasar-dasar negara.

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN BAGI JAWAB LISAN  
DEWAN RAKYAT**

**PERTANYAAN : LISAN**

**DARIPADA : DATO' HAJI MOHD ZAIM BIN ABU HASAN  
[PARIT]**

**TARIKH : 26 MAC 2014**

**RUJUKAN : 6563**

**SOALAN:**

**Dato' Haji Mohd Zaim Bin Abu Hasan [Parit] minta MENTERI DALAM NEGERI menyatakan mengapakah masih terdapat ramai lagi pengawal keselamatan warga asing yang diambil bekerja walaupun kementerian telah menyatakan iltizam untuk mengatasi masalah tersebut.**

## **JAWAPAN:**

**Tuan Yang di-Pertua,**

**Rakyat tempatan tetap menjadi pilihan syarikat-syarikat kawalan keselamatan di negara ini kerana Kementerian Dalam Negeri (KDN) telah menetapkan syarat utama kepada syarikat-syarikat kawalan keselamatan bahawa pengambilan pengawal keselamatan mestilah warganegara Malaysia terutamanya untuk pengawal keselamatan bersenjata. Kelulusan untuk pengambilan pengawal keselamatan warganegara Nepal adalah sangat terhad dan mereka tidak dibenarkan sama sekali untuk mengendalikan senjata api. Pada masa yang sama, Kerajaan telahpun mengambil langkah dengan menetapkan gaji minimum untuk pengawal keselamatan sebanyak RM900.00 berkuatkuasa 1 Januari 2014 bagi menggalakkan rakyat tempatan untuk bekerja sebagai pengawal keselamatan.**

**Tuan Yang di-Pertua,**

**Pada masa ini, terdapat seramai 249,946 orang pengawal keselamatan tempatan manakala terdapat seramai 9,500 orang pengawal keselamatan warganegara Nepal yang sah berkhidmat di negara ini.**

**Bagi menangani penggunaan pengawal keselamatan asing haram, KDN sentiasa menjalankan operasi penguatkuasaan bersama-sama Jabatan Imigresen Malaysia dan Jabatan Pendaftaran Negara. Sehingga bulan Mac 2014, sebanyak 56 syarikat telah diberikan Notis**

**Tunjuk Sebab di atas kesalahan menggaji warganegara asing selain daripada warganegara Nepal yang diluluskan oleh Kementerian serta mereka yang menggunakan kad pengenalan palsu sebagai pengawal keselamatan. Dari jumlah ini, satu (1) syarikat agensi persendirian telah dibatalkan, 18 syarikat telah diberikan amaran terakhir, 12 syarikat telah diberikan surat peringatan dan 25 lagi syarikat masih di dalam proses pertimbangan KDN.**

**Tuan Yang di-Pertua,**

**Memandangkan terdapat permintaan pasaran yang tinggi daripada pengguna, syarikat-syarikat kawalan keselamatan serta Persatuan Perkhidmatan Kawalan Keselamatan Malaysia (PPKKM), pada tahun 2003, Kementerian Dalam Negeri (KDN) telah membenarkan penggunaan warganegara Nepal untuk bekerja sebagai pengawal keselamatan. Sehingga kini, kelulusan hanya diberikan kepada warganegara Nepal (bekas tentera) sahaja sebagai pengawal keselamatan dan warganegara lain tidak dibenarkan untuk bekerja sebagai pengawal keselamatan di negara ini.**

**Walau bagaimanapun, penggunaan warganegara Nepal sebagai pengawal keselamatan adalah merupakan langkah sementara sahaja yang bertujuan untuk dijadikan contoh dan model kepada pengawal keselamatan tempatan dari aspek imej, kualiti kerja, disiplin, setia dan patuh kepada arahan yang ditetapkan dan mereka hanya dibenarkan bekerja untuk tempoh tiga (3) tahun sahaja dengan lanjutan dua (2) tahun berdasarkan kelulusan Kementerian.**

**Tuan Yang di-Pertua,**

**Sehingga kini, bilangan syarikat kawalan keselamatan yang diberi kelulusan untuk menggunakan warganegara asing (Nepal) sebagai pengawal keselamatan adalah sebanyak 390 buah syarikat.**